

[Dokumen ini belum disemak]

PARLIMEN KESEBELAS

PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT KETIGA

Bil. 47

Isnin

4 Oktober 2004

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2005

Jawatankuasa:-

Jadual:-

Maksud B.10, B. 11 dan B. 12

(Halaman 25)

USUL:

Usul Anggaran Pembangunan 2005

Jawatankuasa:-

Maksud P.10 dan P.70

(Halaman 25)

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Isnin, 4 Oktober 2004****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)]

mempengerusikan Mesyuarat

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]** minta Menteri Pelajaran menyatakan gelaran "Sasterawan Negara" dianugerahkan kepada seseorang atas kecemerlangan penulisannya. Sejauh manakah kerajaan memastikan karya-karya mereka dihayati oleh rakyat, iaitu misalnya memilih sekurang-kurangnya sebuah karya setiap seorang Sasterawan Negara sebagai teks mata pelajaran Kesusasteraan Melayu.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan karya-karya Sasterawan Negara seperti Kris Mas, Osman Awang, A. Samad Said, Arena Wati, Muhammad Saleh, Nordin Hassan, Abdullah Hussain dan S. Othman Kelantan dapat dihayati oleh rakyat, kerajaan melalui agensinya iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka telah mengatur program strategik dan pendekatan bagi masyarakat menghayati karya-karya mereka.

Untuk itu, beberapa program dan tindakan telah dilaksanakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, antaranya ialah:

- (i) menerbitkan karya Sasterawan Negara untuk digunakan oleh para pelajar sekolah menengah dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5;
- (ii) menerbitkan karya Sasterawan Negara dalam siri Edisi Khas Sasterawan Negara;
- (iii) menerbitkan karya Sasterawan Negara dalam siri Novel Malaysia Pilihan Abad ke-20;
- (iv) mengadakan kursus KOMSAS untuk guru-guru sastera dan Program Kembara Sastera ke sekolah-sekolah di seluruh negara

dengan tumpuan juga diberikan kepada sekolah-sekolah yang bukan beraliran Sastera.

Dalam program ini Sasterawan Negara dan sasterawan lain turut diundang sebagai tamu khas untuk bersama-sama membincangkan dan menghayati karya-karya mereka serta aspek-aspek sastera di kalangan para guru dan juga para pelajar sekolah;

- (v) Dewan Bahasa dan Pustaka juga mengadakan siri perbincangan dan seminar ilmiah yang membicarakan karya-karya Sasterawan Negara daripada pelbagai aspek dan berlandaskan pelbagai teori kesusasteraan;
- (vi) setiap karya baru Sasterawan Negara akan diulas dan dibicarakan dalam siri resensi buku yang diadakan di DBP, perpustakaan, universiti dan juga kedai-kedai buku terkenal di bandar dan di luar bandar dan
- (vii) mengadakan pementasan teater berdasarkan karya Sasterawan Negara.

Terima kasih.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih Timbalan Menteri, satu daripada lambang kemajuan sesebuah negara ialah menggalakkan rakyatnya supaya meminati karya sasterawan-sasterawan negara, ertinya penulisan-penulisan yang dibuat oleh ahli-ahli Sasterawan Negara.

Apa yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri tadi ialah usaha yang dibuat oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, tetapi saya nampak usaha yang dibuat oleh Dewan Bahasa dan Pustaka ini, merangkumi kumpulan-kumpulan elitis yang kecil, tidak mencakup rakyat keseluruhan.

Saya ingin tahu apakah yang akan dibuat oleh kementerian untuk menggalakkan rakyat itu sendiri meminati hasil-hasil karya Sasterawan Negara, bukan sahaja sasterawan Melayu barangkali daripada kaum Cina, kaum India, tetapi soalnya rakyat keseluruhannya meminati hasil-hasil karya daripada sasterawan ini.

Saya tidak menggalakkan misalannya hasil karya yang dibuat bertajuk buku "SHIT" yang dikeluarkan oleh bekas Ahli Parlimen Gerik dahulu, tetapi karya-karya yang agung, yang besar, yang harus dibaca oleh rakyat, ini satu daripada ciri-ciri

lambang, sama ada kita boleh katakan negara kita mencapai tahap kemajuan tertentu. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat bagi Temerloh. Saya rasa banyak perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, saya rasa mengandungi juga banyak macam cadangan.

Saya ambil itu sebagai cadangan, umpamanya bagaimana kita hendak merakatkan sastera itu. Itu saya amat bersetuju sekali dengan Ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, langkah-langkah di pihak kerajaan, khususnya keutamaan itu diberi peranan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka, dan juga oleh kerana Dewan Bahasa dan Pustaka sebahagian daripada Kementerian Pelajaran, oleh yang demikian, fokus dan tumpuan kami ialah kepada sekolah-sekolah.

Di samping itu juga, kita boleh katakan setiap tahun mengadakan 'Bulan Membaca' dengan harapan secara tidak langsung kita juga memperkenalkan macam-macam karya untuk bukan sahaja generasi muda, kita juga mahu rakyat pada keseluruhannya meminati karya-karya tadi dengan adanya usaha, minat membaca di kalangan rakyat, itu yang lebih dahulu kita berikan tumpuan dan secara tidak langsung, kita percaya karya-karya ini dapat dibaca.

Begitu juga bermacam-macam pihak telah pun mengeluarkan serta menerbitkan novel dan juga seperti karya agung tadi juga dipasarkan, malah ada cadangan kita mengatakan supaya karya-karya agung klasik, umpamanya diubah alih bahasanya kepada bahasa hari ini, misalnya macam Hikayat Hang Tuah, Sejarah Melayu dan sebagainya, ini juga diterjemahkan dalam bahasa kita hari ini supaya dapat diminati oleh generasi muda terutama sekali.

Walaupun bagaimanapun, saya amat berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat, mengenai beberapa cadangan itu saya akan kemukakan dan kita akan merealisasikan minat ini. Terima kasih.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, saya amat bersetuju pandangan Ahli Yang Berhormat bagi Temerloh, oleh kerana negara Malaysia adalah negara pelbagai kaum dan negara pelbagai budaya dan kesenian.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah rakyat atau penulis bukan Melayu berpeluang dipilih menjadi Sasterawan Negara melalui bahasa

ibunda mereka sendiri yang mana karya mereka amat berfaedah kepada negara kita. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kriteria-kriteria untuk menjadi Sasterawan Negara itu sudah pun disenaraikan, jadi saya tidak nampak mengapa tidak di kalangan kaum bukan Melayu juga boleh menjadi Sasterawan Negara. Jadi, apa yang dikhususkan, yang dipanggilkan Sasterawan Negara ialah segala macam karya-karyanya itu ditulis di dalam Bahasa Kebangsaan.

Jadi, tidak kita kirakan apa kuam sekali pun, sama ada ia orang India, Cina ataupun Iban, ataupun Kadazan dan sebagainya asalkan karya-karya mereka itu bermutu dan diadili oleh panel hakim yang ditulis di dalam Bahasa Kebangsaan, itu yang diutamakan.

Saya tidak tahulah, jika tidak, kita kena ambillah sastera-sastera dalam bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain juga harus kita pertimbangkan, walau bagaimanapun, kita sudah ada kriteria khusus. Terima kasih.

2. Datuk Ronald Kiandee [Beluran] minta Menteri Kewangan menyatakan agihan pelaburan dana KWSP. Sejauh mana penglibatan badan tersebut dalam GLCs dan langkah yang diambil untuk meningkatkan pulangan pelaburannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, agihan jenis-jenis pelaburan KWSP setakat 31 Mac 2004 ialah:

- Sekuriti Kerajaan Malaysia - 39.02%,
- Pinjaman – 23.84%, Ekuiti - 23.33%,
- Pasaran Wang – 13.19% dan
- Hartanah – 0.62%.

KWSP mempunyai pelaburan dalam Syarikat-syarikat GLC seperti Petronas Dagangan, Petronas Gas, Malayan Banking Berhad, Tenaga Nasional Berhad, MISC dan lain-lain yang mana keputusan pelaburan dibuat berasaskan fundamental yang kukuh serta mencatat prestasi korporat dan pertumbuhan pendapatan yang baik.

Sebagai langkah mengawasi kepentingan pelaburannya, KWSP juga mempunyai wakil dalam Lembaga Pengarah Syarikat-syarikat GLC dan juga bukan GLC berdasarkan pendedahan yang *substantial*.

Bagi meningkatkan pulangan pelaburannya, tumpuan pelaburan ekuiti KWSP adalah di dalam syarikat-syarikat yang mempunyai rekod pembayaran dividen yang baik dan konsisten. Selain dari itu, KWSP juga turut mengurus niaga di pasaran bagi mengambil peluang ke atas catatan peningkatan harga saham.

KWSP juga sentiasa mencari peluang menceburi pelaburan-pelaburan alternatif seperti produk ekuiti yang menawarkan kadar faedah yang kompetitif berbanding kadar-kadar faedah semasa di pasaran. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ronald Kiandee: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. KWSP merupakan badan yang amat-amat kaya berbilion ringgit dana yang ada. Ramai di kalangan pencarum berpendapat bahawa pulangan faedah yang didapati sejak kebelakangan ini daripada KWSP boleh mempertingkatkan lagi dengan pelaburan-pelaburan yang tepat dan juga berkesan dan memberi pulangan yang baik kepada pencarum.

Adakah kementerian beranggapan bahawa pulangan faedah KWSP ini akan dipertingkatkan dengan penglibatan KWSP dengan GLC-GLC yang ada dan apakah unjuran kerajaan, pulangan KWSP untuk setahun, dua tahun yang akan datang. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya memang saya bersetuju dan semua kita mengetahui bahawa dana yang ada dalam KWSP adalah banyak dan sehingga sekarang RM227 bilion.

Jadi, kalau KWSP hendak keluarkan 1% sahaja dividen, ia memerlukan pada tahun 2003 sebanyak RM1.99 bilion, mungkin dalam tahun ini setiap 1% dividen yang dikeluarkan mungkin KWSP terpaksa mencari untung sebanyak RM2 bilion.

Maknanya setakat ini kalau ikut rekod dividen yang ada tahun 2000 - 6% dikeluarkan, 2001 - 5%, 2002 - 4.25%, 2003 - 4.5%, bermakna meningkat sedikit. Pada tahun ini belum ada lagi unjuran tentang berapa jumlah peratus dividen yang akan dikeluarkan. Tetapi berdasarkan keperluan untuk mendapatkan keuntungan yang begitu tinggi mungkin, saya kata mungkin tidak banyak berubah daripada peratusan sekarang ini.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Dato' Setiausaha Parlimen. KWSP melabur untuk mendapat keuntungan adalah untuk diberi balik kepada pencarum, pencarum mengharapkan bila mencarum boleh ambil balik duit dia. Soalan saya bersabit dengan ambil balik duit,

ada *connection* dengan KWSP. Saya bagi contoh, saya hendak ambil balik duit akaun untuk perumahan iaitu untuk membayar saki baki hutang yang ada. Masalah yang ada di KWSP ialah bila kita pergi kepada KWSP dia minta supaya kita sertakan, di antara perkara yang diminta ialah borang gadaian. Borang gadaian ini sebenarnya disimpan oleh dua institusi besar iaitu oleh Kementerian Kewangan yang memberi pinjaman perumahan kerajaan dan satu lagi oleh Pejabat Tanah. Jadi arahan spesifik daripada KWSP ialah ambil borang gadaian yang disimpan di Kementerian Kewangan.

Bila kita pergi ke Kementerian Kewangan borang ini sebenarnya disimpan dalam bilik kebal. Dan kalau orang yang pinjam sudah 15 tahun yang lepas biasanya dekat hendak habislah boleh selesai, 15 tahun atau 20 tahun, bilik kebal itu terlalu banyak adalah *impossible*, adalah tidak mungkin untuk Kementerian Kewangan menggali bilik kebal, maka jawapan daripada Kementerian Kewangan - ditulis tingkat 14 - arahan daripada Setiausaha Bahagian Perumahan tidak boleh ambil borang gadaian daripada KWSP kena pergi Pejabat Tanah boleh beli. Bila kita pergi ke Pejabat Tanah, Pejabat Tanah juga duduk dalam bilik kebal.

So, masalah yang timbul kepada pencarum ini ialah dia tidak dapat mengambil balik wang baki untuk menyelesaikan duit daripada KWSP ini kerana tidak ada borang gadaian dan borang gadaian ini yang original dan yang *satisfied copy* tidak disimpan oleh kita. Soalan saya, apakah kementerian bercadang untuk menyelesaikan masalah ini sebab perkara ini berlaku kepada ramai pencarum KWSP yang telah pencen dan cuba hendak menyelesaikan baki pinjaman perumahan. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan dari Yang Berhormat Keteher tadi adalah prosedur yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, kalau menjadi masalah prosedur ini boleh di *review* boleh diubahsuai mengikut keperluan. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua saya hendak terangkan bahawa sebenarnya boleh kita keluarkan simpanan di KWSP ini untuk perumahan dan juga untuk hospital contohnya. Dan bagi pegawai kerajaan memang mereka boleh keluarkan bila dia bertaraf berpencen mereka boleh keluarkan bila-bila masa. Memang KWSP tidak menggalakkan pegawai kerajaan kalau masa sudah cukup ataupun boleh berpencen boleh keluarkan kerana simpanan di dalam KWSP terlalu tinggi dan memang KWSP terpaksa mencari keuntungan berbagai-bagai cara untuk mendapatkan dividen untuk bayar dividen kepada pencarum-pencarum. Sebab itu digalakkan untuk pegawai kerajaan sahaja mengeluarkan simpanan mereka selepas

mereka bertaraf berpenjen bermakna tidak perlu tunggu sehingga 25 tahun boleh dikeluarkan lebih awal daripada itu.

3. Puan Teresa Kok Siuh Sim [Seputeh] minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan kenapakah tahanan ISA yang dikatakan terlibat dalam Jemaah Islamiah (JI) dan atau Kumpulan Militan Malaysia (KMM) masih tidak dibicarakan di mahkamah seperti apa yang dilakukan terhadap anggota Al-Mau'nah. Apakah ini disebabkan oleh bukti yang tidak cukup bagi pihak kerajaan untuk mendakwa mereka di mahkamah terbuka.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka yang bertarikh 11 Oktober 2004 memandangkan perkara tersebut adalah berhubung dengan perkara yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pelaksanaan dan penguatkuasaan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 ataupun ISA telah dilakukan secara berhemah dan teliti bagi membendung unsur-unsur yang boleh memudaratkan keselamatan negara. Oleh itu pihak polis hanya akan membuat tangkapan di bawah ISA apabila mempunyai alasan-alasan yang kukuh terhadap seseorang yang menggugat keselamatan negara. Sebarang tindakan kerajaan adalah dengan mengambil kira atau berdasarkan asas tangkapan yang dibuat iaitu sama ada penahanan tersebut dibuat di bawah Kanun Keseksaan atau di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Ahli-ahli JI atau KMM ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri yang jelas memperuntukkan tahanan tanpa bicara berbeza dengan kes Al-Mau'nah. Kebanyakannya telah didakwa di mahkamah terbuka memandangkan penahanan mereka adalah di bawah Kanun Keseksaan. Manakala bagi ahli-ahli Al-Mau'nah yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri penahanan dan layanan terhadap mereka adalah sama sebagaimana penahanan ahli JI dan KMM.

Statistik tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri sehingga Ogos 2004 adalah seramai 101 orang. Daripada jumlah tersebut, 7 orang adalah bagi kesalahan pemalsuan syiling RM1, 6 orang bagi kesalahan pemalsuan dokumen, 12 orang bagi kesalahan penglibatan dalam kumpulan KMM, seorang bagi kesalahan

penyeludupan komponen nuklear dan 75 orang bagi kesalahan penglibatan dalam kumpulan JI. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapi saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak jawab soalan saya. Saya tanya mengapakah mereka masih tidak dibicarakan di mahkamah. Walaupun Yang Berhormat kata kerana ini adalah peruntukan di dalam ISA tetapi yang saya juga tanya adakah ini disebabkan kerajaan tidak mempunyai bukti yang cukup untuk mendakwa mereka di mahkamah. Kalau kita lihat mereka yang terlibat dalam kes-kes pengeboman di Indonesia oleh anggota JI mereka telah didakwa di mahkamah dan telah dijatuhkan hukuman dan yang saya tahu yang mereka anggota JI dan KMM yang masih di dalam ISA ini ada yang mempunyai penyakit tekanan jiwa, ada penahanannya dipanjangkan dan ada yang masih menunggu sama ada kerajaan akan memanjangkan tempoh penahanan mereka. Saya rasa ini amatlah tidak adil terhadap mereka kalau mereka betul-betul salah dan kerajaan ada bukti mereka harus dibicarakan ke mahkamah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Kalau tidak kenapa tidak bebaskan mereka? Tetapi saya rasa Tuan Yang di-Pertua memanglah Yang Berhormat yang di belakang sana itu, mereka memang kurang sopan dan tidak mematuhi peraturan mesyuarat dan saya rasa mereka ini harus di...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Betullah, beri peluang kepada Seputeh habiskan soalan dia.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ini memang tindakan yang tidak begitu sopan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukuplah. Saya sudah tegur Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim:dan memalukan. Imej di hadapan pelajar-pelajar di belakang. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jawapan. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat Seputeh. Yang Berhormat Seputeh tidak dengar saya jawab barangkali. Dia fikir masalah apa? Baju cantik ke hari ini? Saya sudah beritahu contoh sangat jelas bahawa dalam kes Al-Mau'nah, Al-Mau'nah ini ada dua. Ada ditahan di bawah Kanun Keseksaan iaitu di

dakwa di Mahkamah terbuka ada juga di antara pemimpin Al-Mau'nah kita dakwa di bawah ISA. ISA ini ialah tahanan tanpa bicara.

Adakah Yang Berhormat bersetuju seperti mana yang berlaku di Indonesia, walaupun Basir sedang ditahan, pemimpin JI telah ditahan bom meletup di sana sini? Apakah Yang Berhormat bersetuju kalau di negara kita berlaku seperti di negara Indonesia? Saya hendak nyatakan bahawa Yang Berhormat bagi ISA kita kena menimbangkan yang mana lebih penting, *individual right or public right*? Bagi saya bagi kita senang, biar kita tangkap 75 orang daripada 75,000 orang mati. Daripada 750 orang mati, namanya pun undang-undang pencegahan. Kita mesti cegah dahulu barulah tindakan kita ambil, kita hendak mencegah sebelum kejadian buruk berlaku.

Saya hendak ambil contoh, saya hendak beritahu Yang Berhormat, macam kes JI. Kes JI ini Yang Berhormat, polis telah pun menjalankan operasi, ertinya polis telah mula menghidu kegiatan Jemaah Islamiah iaitu JI pada tahun 1995. Tahun 1995 itu dinamakan di bawah 'Ops Belerang'. Kita sudah hidu sejak tahun 1995. Di New York meletup tahun 2000, lima tahun kita menghidu lebih dahulu. Bila kita ada ISA maka kita berjaya menangkap mereka dan kita dapat menghindar daripada kegiatan-kegiatan yang boleh memusnahkan rakyat yang tidak berdosa.

Walau bagaimanapun, kita hendak tegaskan bahawa kita tidak boleh jamin bila ada ISA tidak berlaku perkara-perkara seperti luar negara. Setakat ini, Alhamdulillah, kita bersyukur negara kita tidak seperti negara-negara lain dan kita sentiasa memantau supaya tidak berlaku kejadian-kejadian yang tidak diingini. Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, tahniah dan syabas kepada kerajaan dan polis terutamanya yang telah berjaya menjalankan tugas dalam menahan mereka yang terlibat di bawah ISA. Soalan saya, apakah benar dakwaan pembangkang seolah-olah kerajaan sewenang-wenangnya menggunakan ISA ini semata-mata untuk mengambil tindakan sebagai alasan untuk keselamatan negara sebagaimana yang sering kali dituduh oleh pihak pembangkang. Soalan saya ialah apakah rakyat Malaysia yang terbabit dengan mana-mana kejadian yang boleh menjejaskan keselamatan di luar dan apabila pulang ke Malaysia mereka ini juga akan diambil tindakan supaya tidak tindakan mereka itu boleh menjejaskan lagi keselamatan dan apakah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: ..usaha ISA kerajaan ini mendapat sanjungan, penghormatan dari negara-negara lain dengan kebaikan yang dilakukan oleh kerajaan. Ini saya mohon penjelasan dari pihak kerajaan supaya pembangkang tidak terus....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: ..memburukkan kerajaan di bawah isu ISA ini. Terima kasih kerana saya baru balik dari Persidangan Antarabangsa. Terima kasih.

Seorang Ahli: Dia lama cutilah Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Dia bagi pandangan antarabangsa. Jika mengikut pandangan antarabangsa kita lihat Yang Berhormat sedia maklum. Kalau dahulu orang kutuk Malaysia menggunakan undang-undang tanpa bicara ini atau ISA tetapi hari ini kita lihat negara-negara tertentu apabila negara mereka dilanda keganasan, maka juga mereka tidak ada pilihan. Mereka juga sudah mula mengikut cara kita dan kita tengok undang-undang mereka lebih teruk daripada undang-undang ISA yang kita gunakan.

Mengenai soalan Yang Berhormat mengenai rakyat Malaysia yang diambil tindakan di luar negara, sudah pasti kalau mereka ini kita dapat tahan di negara kita, kita akan ambil tindakan. Saya hendak tegaskan bahawa ISA ini bukan sahaja untuk rakyat Malaysia juga termasuk warga negara asing. Di dalam ISA sekarang ini ada terdapat warga negara asing. Kita tidak kira asalkan mereka datang ke Malaysia mereka cuba mengancam keselamatan negara, kita akan ambil tindakan.

Saya ambil satu contoh Tuan Yang di-Pertua, apabila saya melawat tahanan Kamunting dua kali, saya berjumpa dengan tahanan daripada warganegara Indonesia, dia warganegara Indonesia sendiri kagum, tahanan tersebut kagum, bagaimana cekapnya polis Malaysia, bagaimana profesionalnya tindakan polis Malaysia kerana bagi dia, dia beritahu saya, dia kata dia tidak ada niat duduk di Malaysia. Dia hanya datang daripada Filipina kemudian transit di Sandakan untuk balik ke Indonesia. Hanya transit di Sandakan. Apabila transit di Sandakan dia terus ditangkap oleh polis, ini dia kata dia kagum. Bagaimana polis boleh tahu dan dia tidak ada niat hendak duduk di Malaysia. Ini menunjukkan bahawa tindakan polis kita amat profesional dan kita ambil tindakan segera sebelum perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku.

Dalam tahanan ISA saya telah sebutkan tadi, bukan sahaja JI bukan sahaja KMM dan hari tidak ada seorang pun tahanan politik, orang tipu duit syiling pun hari ini kita tahan. Penipuan dokumen-dokumen palsu pun kita tahan. Kita tahan kerana kita fikir ianya kalau kita bawa ke mahkamah terbuka mungkin tidak ada cukup bukti dan mungkin memudaratkan ekonomi negara.

Semua ini kita ambil demi untuk kepentingan keselamatan negara. Terima kasih.

4. **Tuan Aaron Ago Dagang [Kanowit]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan jumlah prasekolah Tadika KEMAS, jumlah murid dan peruntukan tahunan oleh kerajaan bagi sekolah tersebut dibandingkan dengan prasekolah tadika swasta yang terdapat di seluruh negara (mengikut negeri).

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Kanowit. Sehingga tahun 2004 sebanyak 7,478 buah tabika telah diwujudkan oleh KEMAS. Sejumlah 8,179 orang guru terlibat mengendalikan tabika-tabika ini dan sejumlah 214,695 orang kanak-kanak telah menjadi pelajar di Tabika KEMAS tersebut.

Pada tahun 2004 KEMAS telah memperuntukkan sejumlah RM102.3 juta untuk program prasekolah. Sebanyak RM26 juta digunakan untuk membina 206 tabika baru termasuk 40 buah Tabika Orang Asli. Untuk baik pulih pula sebanyak RM38 juta, pembelian alat bantuan mengajar sebanyak RM17.6 juta dan bayaran bagi projek-projek sambungan sebanyak RM20.6 juta.

Mengikut sumber Kementerian Pelajaran Malaysia tadika swasta berjumlah 3,516 buah melibatkan sejumlah 263,307 kanak-kanak. Tadika-tadika swasta ini kebanyakan tertumpu di kawasan-kawasan bandar. Umpamanya di Wilayah Persekutuan jumlah murid-murid Tabika KEMAS ialah 5,783 orang, jumlah murid-murid tadika swasta ialah 17,708 orang. Di Selangor pula Tabika KEMAS – 26,268 murid, tadika swasta – 60,772 murid. Di Pulau Pinang Tabika KEMAS – 7,310 orang dan tadika swasta – 20,350 orang - sebagai gambaran. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sebab begitu prihatin dalam soal-soal memberi pendidikan sepanjang hayat kepada rakyat Malaysia. Soalan tambahan, apakah kementerian menyedari bahawa masih terdapat

kampung-kampung khususnya di luar bandar yang tidak ada langsung bangunan tadika dan terpaksa diusahakan oleh orang kampung dengan menggunakan bangunan-bangunan sementara, guru-guru pun dikongsi-kongsi oleh masyarakat kampung untuk dibayar. Jadi, sejauh manakah langkah kerajaan untuk memastikan perkara ini tidak berlaku, memberi keadilan kepada pendidikan kepada seluruh rakyat dan ini saya boleh berilah, di Kinabatangan ada dua tadika yang sebegini masih diusaha oleh orang kampung dan mintalah kementerian kalau boleh meninjau untuk menyelesaikan permasalahan yang berlaku.

Yang kedua, terdapat juga tadika bernama PASTI...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, satulah dimajukan.

Datuk Bung Moktar bin Radin...apakah ini juga mendapat peruntukan daripada kementerian? Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Yang Berhormat bagi Kinabatangan yang sering kali menanyakan soalan-soalan yang bermutu tinggi, *[Ketawa]* terutama beliau merupakan penyokong kuat saya. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu sebabkah?

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Sokong sahaja tidak ada wang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab itulah, maka soalan dia bermutu tinggi?

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Ya. *[Ketawa]* Sebenarnya memang kita di kementerian menyedari masih terdapat banyak kekurangan yang perlu diperbaiki dan ruang-ruang kosong yang perlu dipenuhi dalam menyediakan kemudahan prasekolah ini. Bagi setengah penduduk di luar bandar inilah sahaja satu-satu harapan untuk mereka mendapat pendidikan prasekolah kerana tidak mampu untuk menghantar anak-anak mereka ke tadika-tadika swasta.

Di dalam KEMAS sendiri daripada jumlah 7,478 buah tabika hanya 3,045 buah sahaja yang ditempatkan dalam bangunan KEMAS, 381 buah bangunan yang disewakan, manakala bakinya menumpang di balai raya, masjid, gereja, surau dan lain-lain sejumlah 4,052 buah. Ada juga bangunan-bangunan KEMAS yang berkeadaan tidak memuaskan. Oleh itu, pada tahun 2004 ini kementerian memperuntukkan RM50 juta untuk menaik taraf dan membaiki bangunan-bangunan tadika di seluruh negara. Kita juga ada peruntukan bilangan bangunan baru untuk

Tabika KEMAS bagi tahun 2004 ini, bermakna ke arah membaiki keadaan yang tidak memuaskan dengan membina bangunan-bangunan baru untuk tujuan Tabika KEMAS.

Di Johor tahun 2004 kita tambah 30 buah lagi, Kedah – 20, Negeri Sembilan – 21, Pahang – 31, Sabah – 10, mungkin oleh kerana sahabat saya Bung dari Sabah kita akan teliti sama ada kita boleh tambah sedikit lagi tahun depan, insya-Allah. Jadi, inilah usaha yang kita buat dan saya pasti dengan peruntukan selanjutnya di tahun-tahun akan datang, kita akan membuat perubahan tahun demi tahun.

Tuan Aaron Ago Dagang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan. Tuntutan kepada soalan dari Kinabatangan tadi, soalan senang sedikit di sini, apakah syarat-syarat ataupun menimbang untuk menubuhkan sesebuah tadika di kawasan pedalaman. Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Syarat pertamanya ialah keperluan dan juga mempunyai jumlah pelajar yang berpatutan. Umpamanya, di Sabah dan Sarawak kita dapati bahawa jumlah pelajar secara puratanya bagi setiap Tabika KEMAS adalah rendah berbanding di Semenanjung. Ini oleh kerana keadaan pedalaman mungkin dan penduduk yang tidak begitu ramai dari segi *density*nya, dengan izin. Umpamanya, di Kanowit sendiri saya dimaklumkan bahawa terdapat 14 buah Tabika KEMAS dan jumlah pelajarnya ialah 269 orang, bermakna kurang daripada 20 pelajar secara purata bagi setiap tabika.

Jadi, kalaulah satu-satu tempat walaupun perlu tetapi tidak mempunyai pelajar yang mencukupi untuk menjadikan program ini kos efektif, mungkin ini satu daripada penghalang.

Keduanya, bangunan yang ada, kalaulah bangunan sedia ada yang boleh disewa ataupun boleh diguna pakai untuk program ini, maka ianya lebih cepat dibandingkan dengan membina bangunan baru, dan kalau bangunan baru hendak dibina di manakah tanah yang hendak dibina. Kalau tanah kerajaan ianya lebih senang, kalau hendak beli itu saya rasa ini tidak berkemungkinan. Terima kasih.

5. **Puan Lim Bee Kau [Padang Serai]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara yang begitu memberangsangkan akan membawa kesan-kesan positif hingga ke peringkat akar umbi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya Malaysia telah mencatatkan kadar pertumbuhan yang tinggi, kecuali tahun 1998 apabila ekonomi negara mengucup sebanyak 7.4% dan tahun 2001 pertumbuhan cuma 0.3%. Secara purata tahun 1960'an pertumbuhan 6%, tahun 1970'an – 7.5% dan tahun 1990'an – kira-kira 7.1%. Adalah menjadi dasar kerajaan untuk memastikan bahawa kadar pertumbuhan ini dapat bertahan pada paras yang agak tinggi. Seperti kita sedia maklum, tahun ini kita menjangkakan kadar pertumbuhan 7% dan tahun depan 6%.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat kerajaan untuk memastikan bahawa faedah daripada pertumbuhan ini akan tersebar luas ke peringkat akar umbi dan untuk itu langkah-langkah berikut telah diambil:

- (i) melalui dasar-dasar kerajaan – Dasar Pertanian Negara dan dasar untuk memberi perhatian kepada pembangunan luar bandar, Dasar Pertanian Negara umpamanya berpihak kepada akar umbi;
- (ii) kerajaan memberi galakan-galakan tertentu untuk memastikan industri-industri umpamanya dapat ditempatkan di kawasan-kawasan kurang maju walaupun pencapaiannya kurang menggalakkan tetapi dasarnya ada;
- (iii) pendekatan yang diambil ialah melalui peruntukan kerajaan. Peruntukan ini disalurkan melalui Rancangan Malaysia Lima Tahun dan melalui belanjawan tahunan, peruntukan yang disediakan untuk kawasan luar bandar umpamanya adalah melebihi peruntukan-peruntukan yang lain, untuk pertanian adalah besar dan ini ditentukan dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun dan juga dalam belanjawan yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan setiap tahun;
- (iv) langkah yang diambil ialah dengan memastikan bahawa jentera pelaksanaannya adalah cekap, *delivery system* pegawai kerajaan yang menjalankan tugas dengan cekap, memastikan segala perancangan dasar itu sampai ke akar umbi.

Inilah Tuan Yang di-Pertua, antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan memastikan bahawa pertumbuhan ekonomi negara ini dapat dinikmati oleh setiap

rakyat Malaysia sampai ke kampung-kampung, di luar bandar Sabah dan Sarawak. Kita tahu bahawa dalam belanjawan baru-baru ini penekanan diberikan kepada pertanian di mana peruntukan RM1.5 juta disediakan, RM500 juta untuk kontraktor Kelas F. Kontraktor Kelas F ini adalah disediakan untuk menyenggarakan bangunan-bangunan kerajaan. Ini juga diharap akan sampai ke akar umbi. Peruntukan untuk pembangunan luar bandar, penekanan kepada industri kecil dan sederhana, inilah langkah-langkah kerajaan memastikan bahawa setiap rakyat Malaysia mendapat faedah daripada kemajuan ekonomi negara.

Kita dapat lihat dari segi pendapatan rakyat Malaysia meningkat dari tahun ke tahun. Kalau diukur dari sudut pendapatan per kapita pada tahun 1990 umpamanya, pendapatan per kapita rakyat Malaysia ialah kira-kira RM6,300, pada tahun ini kita menjangkakan kira-kira RM16,000 dan kita hendak pastikan bahawa pendapatan ini dinikmati oleh setiap rakyat Malaysia di seluruh pelosok tanah air. Terima kasih.

Puan Lim Bee Kau [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya ucapkan kepada Menteri yang datang sendiri untuk menjawab soalan saya. Saya ucapkan syabas kepada pihak kerajaan yang telah mengambil langkah-langkah yang begitu positif dan kita tidak menafikan bahawa memang semenjak beberapa tahun ini kerajaan kita ataupun ekonomi kita telah mendapat pertumbuhan yang cukup membanggakan. Tetapi soalan yang saya ingin kemukakan ialah, adakah pihak kementerian membuat kajian ataupun mendapat maklum balas daripada kalangan orang ramai sebab saya dapati apabila kita balik ke kawasan, tiap-tiap kali saya dapat aduan dan rintihan daripada kalangan orang ramai terutama sekali peniaga-peniaga kecil yang kompelin kata yang perniagaan mereka merosot, peniaga di gerai-gerai mengatakan bahawa baru-baru ini ada pula masalah kenaikan harga dan sebagainya dan memang mengakibatkan perniagaan mereka merosot.

Jadi, saya hendak minta ataupun saya ingin mendapat penjelasan sama ada pihak kementerian mempunyai satu maklum balas ataupun *benchmarking* daripada kalangan orang ramai supaya kita hendak pastikan bahawa ekonomi yang begitu baik ini betul-betul dapat dirasakan oleh semua golongan rakyat kita.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama mengenai maklum balas, kerajaan dari masa ke semasa mendapat maklum balas daripada rakyat melalui pegawai kerajaan dan juga pihak-pihak tertentu. Kita ada pejabat-pejabat daerah yang mana mereka mengemukakan laporan dari masa ke semasa

kepada Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Penyelarasan Pelaksanaan. Kita ada Jabatan Penerangan, Kementerian Penerangan yang mengutip maklum balas daripada rakyat termasuk rintihan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat.

Jadi, sebagai sebuah kerajaan yang prihatin kita sentiasa mengumpul maklum balas dan kita respons daripada maklum balas yang kita kutip itu dalam usaha untuk meringankan masalah dan beban yang dihadapi oleh rakyat.

Berkaitan dengan rintihan peniaga kecil, seperti saya maklum tadi kecuali dua tahun, iaitu tahun 1998 dan 2001 kadar pertumbuhan Malaysia adalah membanggakan. Tahun 1998 ia berkurangan 7.4%, tahun 2001 cuma tumbuh sebanyak 0.3% dan ini telah memberi kesan. Apa yang berlaku semasa krisis ekonomi telah memberi kesan kepada perniagaan termasuklah peniaga kecil. Tetapi akhir-akhir ini khususnya bermula tahun ini dengan peningkatan kadar pertumbuhan kita dijangkakan bahawa faedah ini akan dinikmati oleh golongan-golongan yang lebih besar di luar bandar termasuklah peniaga kecil. Jadi, insya-Allah, kerajaan akan terus melipat ganda usaha untuk memastikan bahawa kita dapat mempertahankan kadar pertumbuhan yang agak membanggakan ini, kerana itu ia akan dapat dinikmati oleh peniaga kecil dan golongan-golongan lain dalam negara kita Malaysia.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita akui bahawa inisiatif dan langkah-langkah yang diusahakan oleh kerajaan ini memang menampakkan pertumbuhan ekonomi kita semakin baik dan positif.

Cuma satu yang saya minta penjelasan, saya terbaca suatu laporan, tulisan dalam *The Far Eastern Economic Review* yang terbaru, seorang penulis daripada Hong Kong. Saya, dalam membaca artikel luar negara ini saya mengambil sikap yang amat berhati-hati, tidak semua yang boleh kita ambil dan tidak semua yang boleh kita tolak. Mungkin penulis ini melihat bahawa daripada perspektif keadilan dan kembalinya mungkin sistem kehakiman yang lebih baik – dia menulis bahawa di antara sebab pelabur-pelabur luar negara sekarang ini mula memikirkan untuk terus aktif melabur dalam sektor ekonomi negara kita, dia menulis antara sebabnya pembebasan Datuk Seri Anwar Ibrahim. Dia mengatakan ini di antara *the biggest single factor* - ini mengikut pandangan dia. Mungkin dia melihat kepimpinan yang ada pada hari ini lebih telus dan melihat bahawa jaminan dari segi undang-undang dan keselamatan negara adalah lebih baik. Jadi, mungkinkah ini satu faktor yang saya minta penjelasan

daripada Yang Berhormat yang lebih pakar dalam bidang ekonomi negara. Terima kasih.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, keputusan untuk melabur ini berdasarkan secara umumnya kepada dua faktor. Yang pertamanya kepada aspek-aspek fundamental ataupun aspek-aspek asas dalam negara. Kedua, persepsi. Kalau kita lihat kepada asas negara kita semuanya baik belaka, dari segi kestabilan politik, kekuatan Kerajaan Barisan Nasional, ketegasan kepimpinan, kadar inflasi yang rendah, kadar pengangguran yang rendah dan kadar pertumbuhan yang tinggi. Ini semua menunjukkan bahawa dari segi fundamentalnya iaitu asas ekonomi negara kita kukuh dan ini telah menarik pelabur-pelabur untuk melabur dalam negara kita Malaysia.

Yang kedua, yang mempengaruhi keputusan untuk melabur ialah persepsi seorang pelabur. Persepsi ini diperoleh daripada bacaan, daripada laporan dan kadang-kadang kita dapati bahawa pelabur-pelabur ini mempunyai persepsi yang negatif terhadap negara kita Malaysia oleh kerana adanya pihak-pihak yang cuba hendak mencemarkan imej negara. Tetapi yang penting dalam konteks persepsi dan realiti ini secara umumnya realiti mengatasi segala-galanya.

Oleh sebab itu pada hari ini kita dapati pelabur-pelabur masih lagi berminat untuk melabur dalam negara kita Malaysia. Kita lihat bahawa sama ada pelaburan secara langsung ataupun FDI, pelaburan portfolio ataupun dalam pasaran saham terus mencatatkan kadar yang membanggakan walaupun keadaan ekonomi dunia dan persaingan di rantau ini begitu hebat sekali tetapi Malaysia terus menarik minat pelabur-pelabur.

Apa yang berlaku di akhir-akhir ini iaitu peningkatan dalam pelaburan dalam negara kita Malaysia ini adalah kombinasi banyak faktor persepsi dan realitinya. Tetapi pada pandangan saya yang penting sekali ialah fundamental kita iaitu kestabilan politik dan ekonomi, kepimpinan kita dan kekukuhan ekonomi negara kita ini adalah merupakan faktor yang paling penting dalam mempengaruhi pelabur sama ada untuk melabur dalam negara kita ataupun tidak dan persepsi ini kadang-kadang ia ada pengaruh tetapi pengaruhnya tidaklah begitu besar berbanding dengan pengaruh kekukuhan asas dalam negara kita. Terima kasih.

6. **Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah tindakan kerajaan terhadap lambakan barangan berjenama tiruan yang dibuat di dalam negara mahupun diimport dari negara jiran yang mana boleh menjejaskan penjualan barangan berjenama sebenar mahupun barangan tempatan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Veerasingam]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian memandang serius kegiatan pengedaran barang-barang tiruan yang berlaku di negara ini. Sehubungan itu pelbagai langkah telah dan sedang diambil bagi mengatasi masalah tersebut. Antaranya:

- (i) mempertingkatkan penguatkuasaan undang-undang melalui tindakan-tindakan proaktif dan pada masa yang sama bertindak ke atas setiap aduan yang diterima;
- (ii) mengadakan kerjasama dan tindakan-tindakan bersepadu dengan agensi-agensi yang berkaitan seperti pihak polis, kastam, SIRIM Berhad dan juga pihak industri melalui pasukan petugas khas membanteras barang tiruan yang telah ditubuhkan pada 18 Mac 2002;
- (iii) menggalakkan tuan punya cap dagangan untuk mengambil tindakan sivil di mahkamah terhadap mana-mana orang yang melakukan aktiviti peniruan barang-barang bagi mendapatkan ganti rugi, injunksi dan sebagainya;
- (iv) melaksanakan program pendidikan bagi mempertingkatkan kesedaran dan kefahaman orang ramai mengenai undang-undang berkaitan kesan-kesan negatif yang berbangkit atau boleh berbangkit daripada pengedaran barang-barang tiruan dan peranan yang boleh dimainkan oleh setiap anggota masyarakat sama ada secara individu atau kolektif dalam membanteras aktiviti-aktiviti tersebut.

Bagi tempoh 1.1.2004 hingga 31.7.2004 kementerian telah mengambil 740 tindakan kes berhubung barang-barang tiruan dan penggunaan perihal dagangan

palsu dan mengelirukan di bawah Akta Perihal Dagangan 1972 dengan melibatkan penyitaan barang-barang bernilai kira-kira RM3.74 juta.

Kementerian memberi komitmen untuk terus menjalankan tindakan membanteras kegiatan pengedaran barang-barang tiruan ini secara berterusan tanpa mengira sama ada barang tersebut barang tempatan ataupun diimport. Terima kasih.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kita dapati bahawa kes lambakan barangan berjenama tiruan agak lama berlarutan. Ia sekali gus merugikan negara dan merugikan rakyat. Yang pentingnya ialah penguatkuasaan. Soalan saya, adakah kita kekurangan pegawai penguat kuasa ataupun pegawai penguat kuasa tidak cekap dari segi penguatkuasaan. Kalau ya, adakah kita bercadang hendak menambah pegawai penguat kuasa untuk memastikan supaya tangkapan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' S. Veerasingam: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Jabatan Penguat Kuasa telah mengambil 500 kakitangan yang baru dan mereka akan bekerja dengan Jabatan Penguat Kuasa dan kementerian saya sentiasa mengambil tindakan apabila ada aduan dan juga pegawai-pegawai daripada Jabatan Penguat Kuasa sentiasa memantau kedai-kedai. Bagi tahun ini sahaja, setakat ini sebanyak 10,833 pemeriksaan telah dijalankan oleh Jabatan Penguat Kuasa. Ini adalah satu kegiatan Jabatan Penguat Kuasa yang diteruskan dari masa ke semasa dan pada masa perayaan-perayaan akan lebih banyak pemantauan akan dilakukan supaya barang-barang yang dijual itu adalah barang-barang yang bernilai dan barang-barang bukan tiruan.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, yang mustahak sekali ialah pengguna-pengguna yang berhemah apabila membeli barang-barang menentukan ianya bukan barangan tiruan dan jika didapati barangan itu adalah barangan tiruan segera memberitahu kepada jabatan atau kementerian saya supaya dapat diambil tindakan serta-merta. Sekian. Terima kasih.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Tuan Yang di-Pertua, apabila kita bercakap fasal barang tiruan ia ada dua. Satu, kita tahu barang tiruan tetapi kita beli sebab selera duit tidak ada tetapi hendak pakai barang mahal. Itu satu. Yang kedua, ada satu kita beli barang tiruan, kita tidak tahu itu barang tiruan. Perspektif yang kedua pula, ada satu barang tiruan kita pakai dan ada satu barang tiruan kita makan. Saya

hendak bertanya pihak kerajaan, barang tiruan yang kita makan yang kita tidak tahu barang tiruan, apakah tindakan kerajaan dalam memastikan kedudukan rakyat terutamanya pengguna yang benar-benar tidak mengetahui barang yang dibeli itu bukan barang asli, yakni barang tiruan dan kebetulan pula barang itu merupakan barang makanan terutamanya ubat-ubatan yang akan memberi kesan kepada tubuh badan. Apakah tindakan kerajaan dalam memastikan gejala pengedaran barang makanan tiruan di pasaran kepada masyarakat? Terima kasih.

Dato' S. Veerasingam: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu soalan yang baik kerana ada di pasaran juga barang-barang tiruan seperti pil-pil *slimming* dan lain-lain. Biasanya kita bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan untuk memantau keadaan ini dan jika kita dapati ada barang-barang tiruan kita akan mengambil tindakan dan dendanya kalau *corporate* adalah RM250,000 dan kalau perseorangan RM100,000 yang termasuk dalam industri (*industry players*) dengan izin. Mereka dapat mengesan barang-barang tiruan ini. Merekalah yang membuat aduan dan kita mengambil tindakan supaya kita boleh mengatasi masalah ini.

Ini adalah satu masalah besar kerana banyak barang tiruan dijual. Baru-baru ini Timbalan Menteri Perdagangan daripada negara Perancis datang ke kementerian saya. Beliau memberitahu beliau telah pergi ke Jalan Petaling. Beliau berkata kita telah berbelanja berjuta-juta ringgit membuat barang berjenama tetapi dapat beberapa ringgit sahaja kita boleh beli di Jalan Petaling. *We are one of the top twenty trading nation in the world*, dengan izin dan kita semua bangga tetapi jika kita disebut sebagai salah sebuah *top trading nation in the world* berkaitan dengan barangan tiruan kita merasa malu. Kita mahu peniaga-peniaga yang beretika, pengguna yang berhemah. Itu adalah mustahak supaya ekonomi kita dapat terus membangun dan orang ramai akan percaya kepada negara kita dan berdagang dengan negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

[Soalan No.8 - Y.B. Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) tidak hadir]

9. **Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]** minta Menteri Pelajaran menyatakan rancangan untuk memperkenalkan mata pelajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah rendah dan menengah dan fasa-fasa dalam pelaksanaannya.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, Kementerian Pelajaran telah pun memperkenalkan mata pelajaran Bahasa Arab kepada murid-murid di sekolah menengah rendah dan menengah atas sejak tahun 1970 lagi. Pada tahun 1983, apabila Kementerian Pelajaran memperkenalkan KBSM, mata pelajaran tersebut melalui proses pengembangan menjadi Bahasa Arab Komunikasi dan Bahasa Arab Tinggi. Bahasa Arab Komunikasi ditawarkan kepada peringkat menengah rendah dan menengah atas manakala Bahasa Arab Tinggi pada peringkat menengah atas sahaja.

Di atas permintaan masyarakat – ramai yang minta, Kementerian Pelajaran melaksanakan projek rintis Bahasa Arab Komunikasi di sekolah rendah. Seterusnya pada tahun 2002, Kementerian Pelajaran telah menetapkan Bahasa Arab Komunikasi Sekolah Rendah sebagai bahasa tambahan dengan peruntukan 60 minit seminggu. Mulai tahun 2005 Bahasa Arab Komunikasi akan menjadi mata pelajaran wajib kepada murid yang menganut agama Islam dan pilihan kepada murid yang bukan Islam.

Untuk makluman, langkah terbaru Kementerian Pelajaran ialah memperkenalkan yang baru ini kita bercakap mengenai J-QAF yang memberi penekanan kepada kebolehan murid menguasai tulisan jawi, membaca Al-Quran dengan baik dan betul, memahami dan menguasai bahasa Arab dan juga memahami, menghayati dan mempraktikkan fardu ain dalam kehidupan seharian. Projek rintis J-QAF yang bermula pada 19 April 2004 telah berakhir pada 31 Julai 2004. Kementerian sedang dalam persiapan untuk memperluaskan pelaksanaan J-QAF khususnya pada tahun 2005.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya soalan dan mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri. Seperti mana yang kita sedia maklum bahawa sekolah kebangsaan mempunyai bahasa komunikasi juga untuk bahasa Tamil dan bahasa China. Soalan saya, sejauh manakah program ini berjaya dilaksanakan dan bagaimanakah sambutan daripada pelajar-pelajar India dan juga China untuk bahasa komunikasi ini dan adakah kementerian merancang.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, pelajar-pelajar India dan China ada bahasa Arab yang mereka belajar?

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Bukan. Ini soal berkaitan sama dengan bahasa komunikasi yang dikatakan tadi dan adakah kementerian bercadang untuk

mewajibkan bahasa komunikasi iaitu bahasa Tamil dan bahasa Cina kepada pelajar-pelajar India dan Cina seperti juga yang diwajibkan dalam bahasa Arab untuk pelajar-pelajar Islam. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya rasa ini terkeluar daripada soalan asal. Sebenarnya kita bercakap termasuk bahasa Arab. .

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, memang terkeluar.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Keduanya, walau bagaimanapun, saya beri jaminan di sini kepada Yang Berhormat mengenai dengan bahasa P.O.L. (*people's own language*) di sekolah-sekolah termasuk sekolah kebangsaan khususnya kita beri tempat. Kalau ada permintaan, kita beri. Jangan bimbanglah tentang soal bahasa ini tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Parit Sulong. Lambatlah Yang Berhormat.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, di masa akan datang kalau hendak minta soalan tambahan, bangun cepat.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Bangun cepat sedikit. Saya tahu. Minta maaf, saya tahu kesilapan saya sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Baik.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Pertama sekali saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pelajaran di bawah kepimpinan Yang Berhormat Dato' Hishamudin kerana memperkenalkan apa yang dikatakan J-QAF, iaitu Jawi Quran, Arab dan Fardu Ain. Soalan saya, apakah rancangan kerajaan untuk mengemaskinikan struktur organisasi di dalam Kementerian Pelajaran itu sendiri memandangkan, yang pertama, jawatan guru bahasa Arab tidak ada kerana bahasa Arab hari ini diajar oleh guru pendidikan Islam.

Yang kedua, sektor pendidikan Islam di negeri-negeri tidak ada. Dia diletakkan di bawah sektor akademik dan kalau kita serius dalam memartabatkan empat perkara ini, untuk membentuk generasi yang benar-benar berjaya, beriman dan sebagainya mempunyai diri yang begitu lengkap, saya rasa kementerian harus juga melihat struktur dalaman kementerian supaya ia akan dapat dilaksanakan secara tersusun dan berjaya. Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Walaikumus salam. Sabar, sabar ya shikh
[Ketawa] [Dewan riuh] [Bercakap dalam bahasa Arab]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya tidak faham.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: *[Bercakap dalam bahasa Arab]* Insyallah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya tidak faham.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya kata, saya juga belajar Bahasa Arab tetapi *[Bercakap dalam bahasa Arab]* belajar bahasa Arab di Amerika.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Bahasa saya agak kurang sedikit. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat bagi Parit Sulong, saya rasa langkah-langkah yang kita ambil iaitu untuk mempertingkatkan pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab.

Saya bersetuju Yang Berhormat, iaitu buat masa ini kita menggunakan tenaga pengajar kita yang terdiri daripada mereka yang mengajar agama Islam untuk mengajar bahasa Arab. Saya bersetuju di peringkat itu. Sebab itu langkah-langkah sudah pun kita ambil yang mana kita sedang memberi latihan kepada mereka yang benar-benar hendak menjadi guru bahasa Arab ataupun *Arabic teachers*. Yang ini yang kita penting.

Macam juga mengajar bahasa Inggeris, kita perlu orang yang boleh mengajar bahasa Inggeris. Macam saya, walaupun saya tahu bahasa Inggeris, tetapi saya tidak boleh menjadi guru bahasa Inggeris. Itu saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat, jadi langkah-langkah ini telah diambil.

Satu perkara lagi yang ingin saya jelaskan di sini ialah mengenai dengan J-QAF sebab banyak orang membuat kritikan tentang J-QAF. Kita telah buat projek rintis yang mana kita ambil 1,240 buah sekolah telah pun kita jalankan dan kita dapati ada macam-macam dapatan yang kita lakukan. Antara model yang telah kita gunakan ialah:

- i. bagi jawi kita gunakan model kelas pemulihan jawi; dan
- ii. model pengukuhan jawi;

Kemudian jawi dengan Al-Quran juga kita lakukan:

- i. model tasmik;
- ii. model enam bulan;

- iii. model integrasi; dan
- iv. model kelas Al-Quran.

Mengenai dengan bahasa Arab komunikasi juga kita masuk dan akhir sekali saya ingin sebutkan, kita adakan juga fardu ain bagi sekolah-sekolah rendah di mana model integrasi J-QAF, penilaian asas fardu ain (PAFA) dan kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA).

Tetapi dalam soal bahasa Arab, saya beri jaminan kepada Yang Berhormat bagi Parit Sulong, kita sedang mengambil langkah-langkah ini supaya ia benar-benar berkesan seperti bahasa-bahasa lain. Selain dari itu, ingin juga saya nyatakan bahasa Arab di peringkat Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 bagi mereka yang ingin menjadikan mata pelajaran Bahasa Arab itu menyediakan mereka dalam peperiksaan SPM juga kita mengambil langkah-langkah tertentu. Begitu juga mereka yang di tingkatan atas juga untuk lulus peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Agama. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk soal jawab sudah pun kita selesaikan.

[Masa bagi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2005

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2005

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2005 dan Anggaran Pembangunan 2005 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." ***[Hari Kedua]***

Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

**Maksud B.10, B.11 dan B.12 [Jadual] –
Maksud P.10 dan P.70 [Anggaran Pembangunan 2005] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.10 hingga B.12 dan Kepala Pembangunan P.10 dan P.70 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas. Ayer Hitam.

11.07 pagi.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa mengenai di bawah Butiran Kementerian Kewangan. Seperti mana yang kita sedia maklum, GST akan diperkenalkan pada 1 Januari 2007, dan pengumuman yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa menjelang tahun 2007 itu akan diperkenalkan GST dan kadar cukai pendapatan individu dan syarikat akan dikurangkan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga menyatakan bahawa untuk meringankan beban rakyat yang berpendapatan rendah, maka barangan dan perkhidmatan yang merupakan keperluan asas tidak akan dikenakan GST dan diberi pengecualian. Di samping itu perniagaan kecil juga dikecualikan daripada cukai ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebenarnya kalau kita hendak memperkenalkan satu sistem GST, di dunia ini terdapat 121 negara yang memperkenalkan sistem GST, di mana 21 lagi sedang dalam peringkat untuk memperkenalkan GST. Kita melihat dari kadar GST yang dikenakan itu adalah daripada serendah 3% sampailah 17%.

Ini adalah satu trend yang tidak dapat kita elakkan. Maka dalam konteks ini ingin saya mencadangkan kepada kerajaan apabila kita memperkenalkan GST, kita perlu berpegang kepada beberapa prinsip yang dianggap penting, pertama kalau kita melihat kenyataan yang telah dibuat oleh Menteri Kewangan, yang pertama barangan dan perkhidmatan untuk keperluan asas tidak dikenakan GST ataupun dikecualikan cukai. Ini adalah satu kenyataan yang boleh disalahtafsirkan ataupun memberi satu impak yang besar kepada masyarakat.

Kalaulah kita kata keperluan asas itu merangkumi makanan, tempat tinggal juga pengangkutan dan sebagainya. Ini akan menyebabkan senarai pengecualian

cukai GST ini adalah banyak sekali dan kita melihat pengalaman negara-negara lain seperti di Singapura, Australia dan New Zealand yang paling baik sekali, model yang terbaik adalah di New Zealand, di mana mencakupi semua bidang dan apa yang dibuat adalah bagaimana kita mengurangkan *tax bracket* supaya setiap *tax bracket* itu dapat dikecualikan cukai. Ini adalah antara perkara yang perlu dijalankan.

Pada pendapat saya, kalau kita menggunakan pendekatan bahawa ia boleh dikecualikan kerana demi untuk membantu golongan yang miskin. Itu satu konsep yang baik, tetapi apabila terlalu banyak *exclusion list*, ini juga akan menyebabkan banyak kebocoran.

Keduanya, kalau disebut di sini peniaga kecil akan dikecualikan daripada cukai, ini bermaksud ramai lagi akan menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan. Jadi, tafsiran terhadap perniagaan kecil itu haruslah kita mendalaminya bagaimana kita memberi takrifan yang betul.

Saya ingin mengambil contoh, di negara lain contohnya di Amerika. Saya berasa bangga dan mengucapkan terima kasih kepada kerajaan dalam bajet ini yang telah dinyatakan dalam Butiran 100600 di mana peruntukan sebanyak RM200 juta akan diperuntukkan untuk memperkenalkan GST.

Pengalaman di Australia, mereka membelanjakan AD500 dalam tempoh 18 bulan, mereka telah menjalankan kerja-kerja berikut, untuk mempromosikan atau memahamkan rakyat.

Yang pertama, jumlah seminar yang dianjurkan 22,700 seminar dihadiri oleh 912,000 orang (hampir sejuta). Talian bantuan, *help line* sebanyak 1 juta panggilan. Ruang laman *web* dilayari oleh 5 juta kali dan penerbitan (dalam bentuk risalah) 20 juta naskhah diterjemahkan dalam 24 bahasa. Video dibekalkan 4,000 unit yang telah disampaikan dalam 7 bahasa.

Cara penyampaian kita adalah amat penting kerana kalau kita hendak memahamkan rakyat, kita jangan bagi rakyat membuat tafsiran yang salah bahawa kerajaan hendak kenakan beban kepada mereka supaya mereka menanggung cukai yang lebih tinggi. Kalau kita lihat struktur yang ada, misalan *service tax* ataupun *sales tax* yang telah diperkenalkan sebelum ini. Mungkin dalam barangan tertentu telah tersirat cukai-cukai ini. Tetapi rakyat tidak tahu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kenapa tidak mahu pandang ke sini?

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Menyampuk]*

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Kepada rakyat Minta maaf Tuan Pengerusi. Pandang sini ya? Kalau kita lihat, mana saya tadi?

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Menyampuk]*

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Okey Seputeh, terima kasih. Kita perlu memahamkan rakyat kerana promosi itu amat penting dan saya mencadangkan untuk memahamkan rakyat khususnya mereka yang berpendapatan rendah dan juga peniaga kecil, kita perlu memperbanyakkan lagi promosi dan sesi penerangan kepada mereka yang terlibat.

Yang kedua, kalau kita menggunakan pendekatan mendengar pandangan-pandangan daripada orang awam itu adalah suatu perkara yang baik. Tetapi biarlah kita buat secara teratur dan kalau kita lihat pengalaman dari negara lain seperti di Singapura misalnya, mereka mengambil masa tiga tahun bukan sahaja mendengar, mereka juga membuat sesi-sesi penerangan kepada peniaga-peniaga. Dalam konteks ini, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan, kalau kita hendak membuat suatu sistem yang baik untuk memperkenalkan GST, kita kena mula daripada GST yang lebih rendah. Kalau kita kenakan satu GST yang terlalu tinggi, rakyat akan membuat satu tafsiran yang bukan-bukan, bahawa kerajaan ini sengaja hendak membebankan rakyat.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]: *[Bangun]*

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Kita melihat dari segi kesannya kepada cukai pendapatan individu dan syarikat. Saya mencadangkan bahawa cukai pendapatan individu dan juga untuk korporat atau syarikat ini haruslah dikurangkan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pulai bangun.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Ya, sila.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Minta maaf kerana mencelah, Yang Berhormat Ayer Hitam. Saya hendak mendapatkan sedikit penjelasan. Tadi Yang Berhormat Ayer Hitam telah menyatakan bahawa IRB ataupun Lembaga Hasil Dalam Negeri perlu mempertingkatkan lagi program-program penerangan kepada pembayar cukai. Tetapi saya lihat kebelakangan ini juga Lembaga Hasil Dalam Negeri nampaknya mungkin terlalu keras dalam tindakan mereka untuk mengutip cukai.

Soalan saya adalah, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan cara Lembaga Hasil Dalam Negeri melaksanakan tugas mengutip cukai mereka dengan

menggunakan kekerasan atau menggunakan ancaman seperti yang telah dilaporkan dalam surat khabar, mereka berkata kalau pembayar cukai tidak mahu menyerah diri ataupun membayar cukai, mereka akan pergi rumah ke rumah untuk menangkap mereka yang tidak mahu membayar cukai. Terima kasih.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih, Yang Berhormat Pulai, walau ini tidak cara terus menerus mengenai GST tetapi ingin saya memberi pandangan saya sendiri sebenar Malaysia adalah satu masyarakat tamadun. Kita gunakan cara gunakan taktik secara paksaan itu kadangkala tidak dapat dihormati oleh orang lain, jadi saya lebih gemarlah sekiranya kita gunakan pendekatan yang tidak terlalu mempunyai unsur-unsur yang terlalu keras ataupun kita semata-mata nak memaksa hendak mengugut dengan cara ugutan itu tidak dapat meyakinkan orang bahawa itu adalah satu tindakan yang terbaik.

Cara yang terbaik bagi saya kita berlandaskan kepada lunas undang-undang dan kita juga perlulah mengambil kira kalau kita hendak gertak ataupun gunakan cara paksaan itu mungkin ianya melibatkan penggunaan kuasa yang berleluasa ataupun salah guna kuasa dan saya juga mendapat rintihan daripada peniaga bahawa kadangkala inilah satu masalah, datang sahaja tidak boleh bincang, bincang maksudnya dia hendak terangkan apa yang perlu dihuraikan, tetapi tidak diberi satu peluang, kena bayar dulu baru cerita, saya rasa itu adalah yang perlu ubahsuai ataupun kita kena kemas kinikan. Jadi saya teruskan dengan tentang GSP ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulunglah.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Okey. Sebagai kesimpulan Tuan Pengerusi, saya memang menyokong usaha kerajaan untuk memperkenalkan GST. Tetapi kita perlu membuat semakan dan juga pengalaman yang telah digunakan oleh negara lain dan kita tidak mahu GST itu diperkenalkan dan menyebabkan riuh ataupun ketidaksenangan di kalangan rakyat dan kita juga mencadangkan bahawa GST yang diperkenalkan itu perlulah mempunyai satu bantuan ataupun cara-cara untuk kita mengutip GST supaya ianya tidak menjadi satu perkara yang amat membebankan rakyat khususnya kalau kita lihat pelancong, kalau datang ke Malaysia untuk negara-negara yang lain mereka boleh meminta DAT *refund* atau GST *refund*, kita perlu bersedia untuk membekalkan segala mekanisme ini dan saya juga ingin mengutarakan bahawa jangan kita beli banyak ataupun kelengkapan untuk memperkenalkan GST daripada luar negara, kita perlu mencari penyelesaian secara *holistic* kita gunakan

manufacture yang ada di Malaysia dan kita kena membuat satu pertimbangan secara *comprehensive* supaya GST itu diperkenalkan di Malaysia itu benar-benar tidak membebankan rakyat. Untuk itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tumpat

11.17 pagi.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Saya ingin ambil peluang dan kesempatan yang diberikan untuk membahaskan secara ringkas beberapa perkara di bawah jabatan atau Kementerian Kewangan atau Perbendaharaan Negara, pertamanya Butiran 010000 di bawah maksud 010100 - Pengurusan Am.

Saya ingin menyentuh sekali lagi Tuan Pengerusi, berkenaan dengan masalah di mana Perbendaharaan lewat-lewatkan pembayaran wajib kepada negeri-negeri tertentu yang ditentukan dalam Perlembagaan. Ini adalah satu isu yang besar dan mangsanya tidak lain dan tidak bukan ialah negeri Kelantan, yang mana walaupun ditentukan dalam Perlembagaan dan juga ditetapkan dalam prosedur Majlis Kewangan Negara tentang jumlah-jumlah dan tempoh-tempoh pembayaran yang wajib dilakukan oleh Perbendaharaan kepada negeri-negeri mengikut yang ditentukan oleh Perlembagaan.

Tetapi jelas sekali dalam sejarah hampir 14 tahun dan lebih kurang selama empat tahun lebih negeri Terengganu juga terkena tetapi negeri Kelantanlah yang berturut-turut dan berterusan selama sekitar 14 tahun ini dikenakan keadaan di mana pembayaran wajib mengikut Perlembagaan dan mengikut semua ketetapan dan tatacara yang ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan sendiri dinafikan atau dilewat-lewatkan pembayaran terhadap negeri tersebut.

Perkara seperti ini Tuan Pengerusi, adalah suatu bentuk politik wang juga iaitu dalam kes UMNO yang terkenal sekarang ini ialah pemberian wang oleh calon-calon dan sebagainya tetapi di dalam kes ini penafian wang kepada sebuah negeri, kalau dalam kes UMNO melibatkan 200 lebih perwakilan yang terlibat, dalam kes penafian wang terhadap negeri Kelantan ini melibatkan lebih satu juta rakyat negeri itu, terpaksa menanggung berbagai-bagai masalah di bawah kerajaan negeri Yang Berhormat berkebetulan berlainan dengan kerajaan negeri di peringkat pusat.

Jadi saya fikir bentuk politik wang ini zalim terhadap rakyat Kelantan dan oleh itu saya sekali lagi menyeru kepada Perbendaharaan supaya memastikan bahawa

pembayaran yang dilakukan terhadap negeri-negeri melalui apa yang ditetapkan dalam Perlembagaan dan prosedur-prosedur tidak lagi dijadikan sebagaimana yang berlaku sepanjang sekitar 14 selama ini.

Seterusnya Tuan Pengerusi, perkara berkenaan Butiran 030000 di bawah Maksud 030200 - Penyelarasan Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan, Penswastan dan Perusahaan Awam.

Saya ingin menyentuh tentang KPI yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dalam pembentangan perbelanjaannya iaitu *key performance indicator* sebagai satu daripada pembaharuan yang dilakukan oleh kerajaan di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat untuk memastikan bahawa syarikat-syarikat dan setengah-setengah jabatan mempunyai kaedah pengurusan yang sebaik-baiknya untuk memastikan ianya memberikan suatu *delivery* dengan izin, yang berkesan bermakna dan sebagaimana yang dirancangkan oleh kerajaan sendiri.

Saya ingin menyarankan Tuan Pengerusi, supaya pelaksanaan KPI ini bukan sahaja dijadikan amalan kepada syarikat-syarikat GLC - Government Link Companies, dengan izin, tetapi dijadikan amalan keseluruhan pentadbiran, bukan sahaja Perbendaharaan tetapi kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan supaya KPI ini kalau mengikut analisis pakar-pakar pengurusan dianggap sebagai suatu kaedah yang terbaik untuk memastikan bahawa apa yang dirancangkan dapat dilaksanakan dan supaya pelaksanaan sesuatu rancangan itu dapat dipantau melalui kaedah KPI ini dengan cara yang paling berkesan, maka saya ingin menyarankan supaya Perbendaharaan memulakan KPI ini bukan sahaja di peringkat GLC-GLC nya tetapi juga di peringkat kementerian-kementerian yang ada dalam pentadbiran negara kita ini.

Keduanya Tuan Pengerusi, berkaitan dengan syarikat-syarikat MKD ini, saya ingin mencadangkan memandangkan banyak isu yang dibangkitkan bukan sahaja oleh saya satu ketika dahulu tetapi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain daripada kalangan *Back Benchers* tetapi juga dengan jelas dijadikan satu bahan utama dalam laporan Ketua Audit Negara iaitu berkaitan dengan Tabung Haji dan penyelewengan-penyelewengan yang berlaku dalam Tabung Haji.

Saya ingin mencadangkan supaya pentadbiran Tabung Haji dari sudut pengurusan perniagaannya diambil alih oleh Perbendaharaan supaya garis-garis panduan seperti KPI dan garis-garis panduan lain yang ditentukan oleh pentadbir-

pentadbir baru, pentadbir-pentadbir muda yang mengendalikan syarikat-syarikat kerajaan melalui Kementerian Kewangan atau Perbendaharaan ini, prinsip-prinsip pengurusan dan pentadbiran ini boleh dilaksanakan juga terhadap Tabung Haji yang jelas di bawah pengurusan yang ada di bawah pengendalian Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkaitan dengan agama, jelas bertahun-tahun tidak berkesan, di bawah pengendalian penasihat agama kepada Perdana Menteri jelas banyak penyelewengan rasuah yang berlaku di dalamnya, jadi saya ingin mencadangkan - terima kasih Yang Berhormat bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Saya ingin mencadangkan supaya pengurusan Tabung Haji ini dipindahkan kepada Perbendaharaan supaya ianya boleh diperbetulkan semula supaya wang amanah rakyat yang jujur yang ikhlas yang bertujuan murni ini tidak lagi diselewengkan oleh pegawai-pegawai bersama-sama dengan pihak swasta dengan tujuan yang sudah tentu untuk meraut keuntungan kepada pihak-pihak yang tidak ada kaitan langsung dengan niat dan tujuan untuk melakukan amalan fardu haji itu.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya beralih maksud 100200 ialah sejumlah RM75 juta disebutkan sebagai tunggakan sewa pejabat Putrajaya. Ini juga saya bangkitkan dalam banyak kementerian. Saya ingin mencadangkan supaya amalan menyewa pejabat di Putrajaya ini dihentikan, dan oleh kerana mengikut fahaman saya Putrajaya ini dipunyai secara besarnya oleh Putrajaya Holdings Berhad yang dipunyai pula oleh Petronas secara besarnya, maka usaha dan tindakan untuk mengalihkan hak kepunyaan pindah milik hartanah dan apa-apa bentuk pejabat ini dipindahkan miliknya dan tidak lagi dibayar kepada Petronas atau Putrajaya Sdn. Bhd atau sebagainya dalam bentuk sewa tahunan yang pada banyak kementerian jumlahnya amat besar sekali. Dalam kes Perbendaharaan ini, nampaknya tunggakan sewa pejabat dicatatkan di sini berjumlah RM75 juta. Maka amalan menyewa ini saya cadangkan supaya dihentikan dan digantikan dengan pemilikan sepenuhnya hartanah yang berkenaan.

Seperti kes itu juga, saya ingin merujuk kepada Maksud 021100, iaitu bantuan kewangan kepada Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK), yang untuk tahun 2005 ini diletakkan jumlah RM138 juta, satu lagi jumlah yang besar, satu lagi bukti kesilapan dasar pelaksanaannya, sekurang-kurangnya penswastan, yang jelas tidak menguntungkan mana-mana pihak sekalipun, sama ada rakyat ataupun kerajaan dan

sekarang ini kerajaan kena menanggung bayaran tahunan dalam kes ini sebanyak RM138 juta.

Saya merayu supaya kerajaan menilai semula tentang pengendalian urusan Indah Water Sdn. Bhd. dan perniagaannya supaya rakyat dan kerajaan tidak kerugian dalam kes ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk juga kepada Maksud 022200 – K.L. International Airport Berhad. (KLIB), yang mana kerajaan memperuntukkan untuk tahun 2005 sejumlah RM732 juta, satu lagi jumlah yang besar yang saya fikir perlu dijelaskan. KLIA sekarang ini adalah suatu syarikat berhad, bayaran ini untuk tujuan apa, tunggakan atau apa-apa bayaran, saya fikir perlukan penjelasan.

Akhirnya ialah Maksud 022300 – Pembiayaan (*Funding*) Gap KTMB berjumlah RM100 juta. Kerajaan banyak menanggung untuk KTMB ini dan pada tiap-tiap kali saya menyebutkan bahawa tanggungan yang dilakukan oleh kerajaan dengan jumlah yang besar ini malangnya memberikan keuntungan dan keselesaan terhadap kepada rakyat tertentu. Saya senantiasa menyebutkan bahawa rakyat di Pantai Timur tidak dapat mengecap sedikit pun, saya berani sebutkan, nikmat daripada perbelanjaan dan tanggungan pihak kerajaan yang begitu besar.

Saya mewakili rakyat Tumpat yang merupakan tempat terakhir laluan kereta api di utara Pantai Timur dan saya dapat melihat betapa pentingnya perjalanan kereta api ini untuk rakyat, tetapi saya juga melihat betapa pengabaian atau tidak mengambil beratnya pihak kerajaan terhadap memajukan kereta api khususnya di laluan Pantai Timur. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ledang.

11.28 pagi.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus menjurus kepada perkara Butiran 20000. Saya ingin menyentuh tentang suatu akta yang telah pun diperkenalkan, iaitu Akta Levi Kenderaan Tahun 1983.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, akta tersebut telah pun diguna pakai sejak tahun 1983, iaitu 20 tahun yang lalu, di mana daripada hasil kutipan levi ke atas kenderaan yang masuk dan keluar ke Singapura, telah pun menjana pendapatan negara tidak kurang sebanyak RM140 juta pada tahun lepas. Saya berpendapat

bahawa kita telah pun melalui suatu tempoh yang lama dan daripada kadar yang dikenakan antara RM100 dan RM200 setiap lori, telah banyak mendatangkan kesan yang berbagai-bagai.

Pertamanya ia telah banyak menguntungkan negara jiran kita iaitu Singapura, dengan membina projek-projek di atas tambakan laut yang sedang dibina.

Kedua, hasil daripada kadar tersebut juga telah menguntungkan pihak Singapura, di mana mereka membina bangunan mewah di bawah suatu badan yang bernama, dengan izin, *House Development Board*, dan dijual dengan memperoleh keuntungan berjumlah puluhan juga Singapore Dollars (SD).

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Oleh yang demikian, saya berpendapat bahawa kadar tersebut juga telah pun menyebabkan syarikat-syarikat yang telah pun disenaraikan di BSKL yang dikenakan pengecualian ke atas levi tersebut, di mana syarikat tersebut telah pun maju, sewajarnya mungkin tidak perlu lagi diberikan pengecualian dan lebih tidak wajar kebanyakan syarikat tersebut dimiliki oleh warga Singapura, di mana kita sedia maklum, Singapura adalah sebuah negara maju yang sepatutnya dan sewajarnya tidak bergantung penuh kepada negara kita dengan mengenakan levi yang murah dan pada masa yang sama juga, saya berpendapat sudah sampai masanya supaya kita menggalakkan agar pelabuhan-pelabuhan tempatan digunakan seoptimum mungkin.

Daripada tinjauan yang dibuat, beberapa pihak memaklumkan bahawa barang-barang yang dibawa keluar ke Singapura menggunakan kenderaan lori dengan levi yang murah dikenakan, telah pun menyebabkan beberapa barangan Malaysia seperti *tiles*, simen dan sebagainya, dijual semula atau dieksport ke negara luar oleh Singapura, dan sudah pasti ia akan menjejaskan imej negara kita dan sekali gus boleh menyebabkan reputasi negara terjejas di peringkat antarabangsa.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa sudah sampai masanya juga sekiranya kadar levi tersebut yang sekarang ini dikenakan ke atas kenderaan ke Singapura dan dari Singapura ke Malaysia juga mengambil kira kenderaan-kenderaan yang keluar masuk ke pintu-pintu masuk dan keluar negara kita yang bersempadan dengan Thailand, Indonesia lain tidak ada ya, Singapura, Thailand dan Indonesia.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa perkara tersebut adalah serius kerana jika kita bandingkan nilai ringgit Malaysia dan Singapura, bezanya sangat besar di mana RM100 adalah sama dengan SD40. Sekiranya kadar tersebut dikekalkan setelah ia melalui satu proses selama 20 tahun, mungkin ia merugikan kita dan kita tidak dapat meningkatkan pendapatan negara. Sekiranya kita boleh, misalnya, meningkatkan daripada RM200 ke RM100 ataupun mungkin mengenakan semula pengecualian kadar kepada kenderaan-kenderaan tertentu, seperti kepunyaan syarikat membawa barangan binaan ke Singapura, saya jangkakan kita boleh meningkatkan pendapatan negara sebanyak dua kali ganda. Jika tahun lepas kita memperoleh pendapatan sebanyak RM150 daripada levi yang dikenakan ke atas lori-lori yang keluar dan masuk ke Singapura, mungkin dengan merevisi kadar tersebut, dengan izin, kita boleh meningkatkan pendapatan ke tahap tidak kurang RM250 juta setahun.

Perkara kedua, Tuan Pengerusi, yang perlu saya sebut di sini ialah, saya yakin bahawa kerajaan amat serius untuk membantu kontraktor-kontraktor kecil, terutamanya kontraktor Kelas 'F'. Sedangkan pada masa ini, sebagaimana kita sedia maklum, projek kecil amat terhad, kecuali projek-projek mega. Kita sedia maklum tahun depan kita hanya membelanjakan peruntukan pembangunan yang diluluskan di dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Oleh yang demikian, kontraktor kelas 'F' mungkin tertanya-tanya, kontraktor kelas 'E', 'D', pun begitu juga, walaupun ada peruntukan sebanyak RM500 juta disediakan untuk membela kontraktor kelas 'F' ke atas kerja-kerja *maintenance* tetapi saya berpendapat juga, walaupun kontraktor besar, kontraktor mega ini, untuk projek mega, diminta untuk mengagihkan 30% daripada projek yang mereka dapat kepada kontraktor kecil tetapi sehingga sekarang maklumat yang kami terima, yang dibawa kepada kami, ialah kebanyakan kontraktor kecil tidak menerima projek tersebut. Walaupun mereka ditawarkan untuk menjadi subkontraktor tetapi tawarannya tidak telus, bayaran-bayarannya amat sukar untuk diperolehi, tawaran seperti yang disebutkan tadi tidak merata dan saya kira kontraktor kecil tidak terbela sepenuhnya.

Oleh demikian, ramai pihak yang mencadangkan supaya 30% daripada jumlah nilai kontrak yang diserahkan kepada kontraktor besar dijadikan sebagai '*urbishment sum*' ataupun satu *item* yang jumlahnya 30% daripada nilai kontrak ditenderkan semula, walaupun di bawah pengawasan ataupun pengurusan *main contractor*, ditenderkan semula oleh jabatan kerajaan, misalnya Kementerian Kerja Raya, untuk

diagihkan kepada kontraktor-kontraktor kecil. Dengan itu saya yakin, komitmen ataupun keseriusan kita, komitmen ataupun seriusnya kita terhadap pembelaan kepada kontraktor kecil lebih signifikan ataupun lebih menjadi dan akhirnya, saya berpendapat bahawa kontraktor-kontraktor kecil terbela dan imej kerajaan juga meningkat.

Jadi, itu sahaja Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

11.36 pg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Ada tiga perkara iaitu Butiran 02400, 022100 dan 200000. Pertama, berhubung dengan Bekalan Air Luar Bandar. Saya meminta, Tuan Pengerusi, kalau boleh kementerian dan kerajaan harus memfokuskan, memberi air bersih ke daerah-daerah luar bandar, walaupun Kementerian Luar Bandar dipertanggungjawabkan tetapi kewangannya datang daripada Kementerian Kewangan.

Justeru itu, saya ingin melihat dan ingin bertanya kepada kerajaan, apakah kerajaan kita ini mencukupi kewangan? Kalau mencukupi, maka selesaikanlah permasalahan yang berlaku. Kalau tidak mencukupi, janganlah gembur-gemburkan bahawa ekonomi negara kita sudah pulih, kita mempunyai keuntungan berbilion-bilion, sektor swasta, agensi-agensi kerajaan mempunyai keuntungan, tetapi apabila sampai kepada penyelesaian masalah rakyat, maka kita terkandas di situ.

Beberapa contoh yang ingin saya tegaskan di sini, Tuan Pengerusi, di mana terdapat beberapa projek-projek kecil luar bandar yang telah diberi kelulusan secara lisan, secara surat niat pada Rancangan Malaysia Kelapan dan telah dirunding dua, tiga tahun, malangnya apabila sampai kepada peringkat pelaksanaan, Kementerian Kewangan menjawab bahawa projek ini kekurangan kewangan dan akan dimasukkan sekali lagi dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Ini telah membantut pembangunan di luar bandar termasuk mengagih air bersih ini, sebab di daerah luar bandar, Tuan Pengerusi, mungkin tidak tahulah di kawasan Tuan Pengerusi pun mungkin masih ada, kampung-kampung yang tidak ada bekalan air. Ada air, paipnya tidak ada. Jadi, kadang-kadang ada pula paip, airnya tidak ada.

[Ketawa] Hah! Ini masalah besar. Saya ingin bertanya kepada kementerian ini, apa sudah jadi dengan perundingan di antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri, berhubung dengan pengambilan alih operasi air di Sabah? Saya meminta kementerian memberi jawapan yang sewajarnya supaya kita dapat tahu dan maklum, sebab masalah ini menjadi masalah masyarakat di seluruh Sabah.

Kita balik, pergi kawasan pun, tidak senang duduk sebab rakyat terus tanya kita. Aduh! Masalah air. Air ini sudah menjadi bicara di mana-mana peringkat, sebab air sudah ada catuannya, kadang-kadang empat hari dapat, tiga hari tidak dapat. Jadi, kita menghadapi bulan puasa, menghadapi hari raya, jadi kita minta kementerian supaya dapat memberi penjelasan yang sewajarnya, supaya kita juga dapat maklumat. Kalau ada duit, laksanakanlah perkara ini, kalau tidak ada duit kementerian-kementerian jangan gembar-gemburlah. Cakap, umum, sana-sini. Kita pun wakil rakyat ikut jugalah. Kalau Menteri bohong, kita bohonglah. [Ketawa] Hah! Ini masalah yang kita hadapi.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, berhubung dengan pembayaran tuntutan daripada kontraktor-kontraktor kelas 'F' di mana tuntutan ini dibagi tahun 2003, iaitu bulan, kalau tidak silap saya, bulan Mac, dan projek ini sudah siap. Malangnya Kementerian Kewangan sehingga hari ini belum lagi membayar hutang kerajaan kepada kontraktor-kontraktor kelas 'F'. Di kawasan saya lebih kurang 27 kontraktor kelas 'F' terlibat dan ada di antara mereka ini telah disaman oleh pihak bank, ada di saman oleh Along. Di Kinabatangan tidak ada bank, jadi kerajaan nampaknya menggalakkanlah Along-Along ini beroperasi. Along ini mudah pinjamannya. Jadi, kerajaan jangan marahlah kalau Along beroperasi di Kinabatangan, sebab kerajaan tidak berhasrat untuk membuka cawangan bank di Kinabatangan.

Ini untuk makluman, Tuan Pengerusi, memang berlakulah kegiatan Along ini. Jadi, saya tidak salahkan Along-Along ini, sebab kerajaan nampaknya menggalakkan Along-Along ini beroperasi tanpa memberi lesen-lesen yang sah kepada mereka yang berminat untuk membuka cawangan-cawangan bank. Jadi, walaupun Along ini merupakan ancaman di peringkat negara, tetapi di peringkat daerah, saya rasa ia bukan lagi ancaman sebab ia menjadi kawan kepada masyarakat kampung, sebab kerajaan tidak berminat untuk membuka bank di Kinabatangan.

Jadi, saya harap kementerian, Tuan Pengerusi, dapat membayar hutang-hutang kepada kontraktor-kontraktor kelas 'F' ini sebab mereka kontraktor kecil.

Jangan kerajaan menganiaya kontraktor-kontraktor ini, mereka adalah orang kita yang berusaha secara kecil-kecilan. Jadi, kalau mereka menanggung hutang, hasrat kita, matlamat kerajaan untuk melihat usahawan konon boleh dibantu untuk mempertingkatkan ekonomi, bukan pula kita membantu mempertingkatkan ekonomi tetapi mereka telah menemui satu jalan penghujung yang amat sengsara, berhutang kepada bank, berhutang kepada MARA, yang lebih sengsara seperti yang saya katakan tadi, berhutang kepada Along. Jadi, ini perlu supaya lebih melicinkan lagi keadaan, sebab kontraktor-kontraktor ini bukan orang yang kaya-raya, mereka boleh dikatakan baru hendak hidup. Jadi, kerajaan pula sering kali menyalahkan kontraktor tetapi malangnya apabila sampai kepada pembayaran seperti ini kerajaan tidak bertanggungjawab.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi iaitu saya ingin bertanya kepada kerajaan, iaitu Kementerian Kewangan, bilakah sekolah menengah di kawasan Kinabatangan dapat dibina. Tuan Pengerusi, ini juga termasuk dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Saya hairan, Kementerian Pelajaran telah meminta Kementerian Kewangan supaya mengeluarkan peruntukan sebab sekolah ini perlu. Sekolah Menengah Kampung Paris, Sekolah Menengah Sukau, Sekolah Menengah Antilibon, dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan untuk dibangunkan. Isu yang sama juga. Apabila Kementerian Pelajaran mengemukakan kepada Kementerian Kewangan, jawapan daripada Kementerian Kewangan, pembangunan sekolah ini akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, sebab dia kata, peruntukan tidak ada.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: *Goes to ceiling*, dia bilang, dengan izin. Jadi, kalau inilah yang berlaku, Tuan Pengerusi, saya tidak melihat ekonomi kita pulih. Jadi, kerajaan perlu melipatgandakan, mencari sumber-sumber baru memulihkan ekonomi kita. Jangan kita diberikan gambaran yang palsu. Kita pula terpaksa memberi gambaran yang palsu, yang salah kepada masyarakat di peringkat akar umbi. Kalau tidak ada cakaplah terang-terang, tidak ada. Jadi, pembangkang pun tahulah, tidak ada.

Ini.....

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Menyampuk]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tuan Pengerusi, saya sendiri tidak faham, apa hasrat kementerian terpaksa membohong kepada kita selaku wakil rakyat.

Jadi, jangan berbohong, sebab kalau berbohong Yang Berhormat bagi Seputeh marah. Kita kena *transparence*, kalau kerajaan merasa hendak bina, binalah. Saya hairan kenapa pegawai di peringkat perancangan beria-ria menyatakan bahawa Rancangan Malaysia Kelapan dapat dilaksanakan. Berapa sudah projek tergendala dan ini pada saya memberi *input* yang tidak baik kepada kita daripada masyarakat yang menanti pembinaan dan pembangunan seumpama ini.

Yang terakhir Tuan Pengerusi, iaitu pembinaan kolej komuniti. Saya rasa di kawasan Sipitang kawasan Tuan Pengerusi pun sudah dijanjikan berkali-kali, di Beluran, Kota Belud. Jadi, ini masalah besar, saya hendak bertanya kepada kerajaan dalam Kementerian Pengajian Tinggi di mana baru-baru ini menyatakan, bahawa kerajaan akan membina kolej-kolej komuniti untuk memberi ilmu kepada pelajar-pelajar yang tercicir daripada persekolahan. Jadi, kita meminta kementerian ini memberikan jawapan bila kolej komuniti di Kinabatangan dan di kawasan-kawasan luar bandar yang lain dibina oleh kerajaan, Rancangan Malaysia Kesembilankah, Rancangan Malaysia Kesepuluhkah ataupun ini cuma janji-janji sahaja untuk menyedapkan hati rakyat.

Tidak ada pelaksanaan secara ikhlas, secara jujur cuma mungkin untuk mengaburi hati rakyat. Jadi, kalau ini berlaku Tuan Pengerusi saya merasa satu masalah, nasib baik pembangkang tidak lagi kuat, tidak ada isu, kalau pembangkang kuat, saya lihat kita pun berhadapan dengan kekuatan pembangkang, tetapi mereka tidak ada isu, jadi Yang Berhormat bagi Kepong pun terkepung juga, jadi memang tidak ada yang perlu kita risau. Cuma kita risau kalau rakyat sudah bangkit, marah kepada kerajaan yang ada, itu menjadi satu masalah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Bangun]*

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya hendak tolong..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Seputeh dengan Kuala Krai bangun Yang Berhormat, hendak beri tidak? Seputeh sila.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya berkali-kali mendengar ucapan Yang Berhormat bagi Kinabatangan yang begitu kecewa dan *frustrated* kerana pihak Kerajaan

Persekutuan tidak menjaga kebajikan penduduk-penduduk di Sabah. Saya rasa isu yang paling penting adalah kerana di Sabah tidak ada Ahli Yang Berhormat dari pembangkang. Jadi, Yang Berhormat bersendirian pun nampaknya tidak boleh mengadakan apa-apa impak terhadap kebajikan kepada penduduk di Sabah.

Jadi, apakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya sekiranya macam kerusi Kinabatangan itu diambil alih ataupun diduduki oleh saya atau oleh Yang Berhormat parti pembangkang [*Ketawa*] mungkin keadaan ini akan berubah. Setujukah Yang Berhormat?

Datuk Bung Moktar bin Radin: *This is struggle* Yang Berhormat dengan izin, bukan *frustrated*. Ini perjuangan, kita harus memperjuangkan nasib rakyat dalam apa cara sekalipun. Pemimpin yang kecewa tidak harus berada dalam Dewan ini, harus berjuang di luar, tetapi sebagai pemimpin yang membela untung nasib rakyat, jadi kita kena cakap walaupun kita sebahagian daripada kerajaan, kita kena perbetulkan keadaan itu. Kalau Yang Berhormat berhasrat untuk duduk di Kinabatangan hari ini pun boleh [*Ketawa*] tidak perlu menunggu pilihan raya, masih ada kuota. [*Ketawa*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kuala Krai bangun Yang Berhormat. Kuala Krai.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih sahabat saya bagi Kinabatangan. Saya pun memang begitu, saya rasa soal hendak memilih kawasan itu kemudian. Soal kita bangkit untuk isu-isu rakyat seperti mana yang saudara kita Yang Berhormat bagi Kinabatangan selalu bangkitkan dan saya pun simpati kerana pihak luar bandar tertanya-tanya bila kita balik ke kawasan. Saya di kawasan Kuala Krai pun sama juga. Bila balik hujung minggu, datang kelmarin ditanya oleh pihak polis mengenai dengan isu-isu kewangan ini.

Saya memohon kepada pihak Kementerian Kewangan supaya dapat membayar wang-wang yang tidak dapat dibayar, umpamanya elaun tanggung kerja. Saya dihubungi oleh beberapa pihak daripada polis, mereka ini tidak dibayar hampir tujuh bulan, lapan bulan. Jadi, pihak yang menanggung kerja ini kerja semata-mata tetapi bayarannya belum dibayar. Ini salah satu daripada perkara yang telah dibangkitkan oleh pihak polis.

Yang keduanya berkenaan dengan 'satu Parlimen satu kolej komuniti'. Kita telah dipanggil di Dewan ini dan telah diberi oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi, kita rasa megah kerana apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan

tadi kita berasa bangga, kerana di tempat kita ramai murid yang tercicir, yang tidak dapat belajar. Jadi, bila kita dengar Menteri Pengajian Tinggi sendiri menyatakan satu Parlimen satu kolej komuniti, maka kita pun rasa gembira, balik memberitahu kepada mereka ini dan betapa kecewanya pula kita bila mana janji-janji ini tidak ditepati seperti mana yang disarankan oleh pihak Yang Berhormat.

Kita sebagai wakil rakyat yang begitu tinggi harapan kepada rakyat. Bila kita bilang tetapi semuanya tidak datang. Jadi, seolah-olah perkara ini cakap semata-mata, "Cemerlang, Gemilang, Terbilang" bila akan sampai masanya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Kalau perkara ini tidak dapat dilaksanakan, begitu juga dengan Majlis Sukan misalnya, satu kompleks sukan terutama sekali satu *district* ataupun satu Parlimen yang seharusnya diadakan. Itulah sebabnya sukan-sukan kita begitu ketinggalan berbanding dengan negara lain walaupun di Semenanjung kita ataupun di negara jiran seperti Thailand dan lain-lain lagi negara, kita ketinggalan jauh. Jadi, macam mana Yang Berhormat setuju atau tidak supaya perkara ini jangan cakap-cakap sahaja, mesti dilaksanakan untuk pencapaian yang mana Yang Amat Berhormat kata, "Cemerlang, Gemilang, Terbilang", jauh sekali kalau kita pandang dari luar bandar ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat. Ini pun merupakan wakil rakyat yang prihatin kepada rakyat. Inilah yang kita harapkan supaya kerajaan, kalau boleh kementerian-kementerian, pegawai-pegawai kerajaan, bapa-bapa menteri sebelum meneliti kedudukan kewangan jangan dahulu mengumumkan projek sana, projek sini, pembangunan sana, pembangunan sini kena bincang dahulu dengan Perbendaharaan sebelum satu-satu keputusan dibuat.

Ini selepas *Post Cabinet*, *reporter* datang, kementerian 'bam, bum, bam bum' membina itu, membina ini tetapi habuk sahaja, tunggu-tunggu, 'tarak juga, tarak mari', ini masalah.

Seorang Ahli: Taruk sama dia!

Datuk Bung Moktar bin Radin: Jadi, kita wakil rakyat pula dan orang kampung pun dengar, "Eh! Yang Berhormat banyak peruntukan diumumkan semua, kita pun hendak tahu bila kita dapat", kita pun menulis surat jumpa menteri, jumpa timbalan menteri, setiausaha parlimen, dua kali lima jugalah, tidak ada juga. Jadi, kita

minta supaya perkara ini dapat diteliti dan dipermudahkan supaya kerajaan sentiasa berada di landasan yang benar, sentiasa berwibawa, sentiasa dihormati, sentiasa disokong oleh rakyat dan kalau ini dapat kita selesaikan Tuan Pengerusi pembangkang akan bertambah kurang, kurang, kurang lagi.

Sekian terima kasih Tuan Pengerusi, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

11.53 pagi.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 2005 bagi Kementerian Kewangan. Perkara yang menarik perhatian saya ialah yang berhubung dengan percukaian terutamanya percukaian yang saya rasa akan melepaskan kita daripada peluang untuk mengurangkan lagi bajet negara kita, iaitu berhubung dengan subsidi terhadap petrol yang tidak terjejas di bawah Bajet 2005 ini.

Ini adalah merupakan satu peluang yang terlepas ataupun dengan izin dalam bahasa Inggeris, *a miss opportunity* untuk kita mengurangkan lagi defisit kepada negara kita yang kita jangkakan pada tahun hadapan menjadi defisit pada tahap 3.8%. Kalau sekiranya cukai terhadap petrol itu dikenakan mungkin kita akan dapat mengurangkan kepada 3%. Namun ada keistimewaan dan hasrat-hasrat tertentu untuk kita mencapai demi untuk kita meraikan kepentingan rakyat dan menjaga kualiti hidup rakyat.

Meskipun begitu saya melihat bahawa dengan isu kenaikan harga minyak semasa yang terus menghantui senario ekonomi dunia sekarang ini, ia menimbulkan beberapa implikasi yang penting. Pada 24 September 2004 yang lalu harga minyak di pasaran New York terutamanya telah pun meningkat ke paras USD48.88 se tong.

Ini menimbulkan masalah dan keadaan yang cemas di seluruh dunia terutamanya kepada negara kita kerana kesan-kesannya akan meluas menimpa rakyat dan juga boleh menimbulkan masalah-masalah dari segi kos harga dan inflasi. Inflasi merupakan satu kesan akibat daripada keadaan, di antaranya ialah punca daripada

kenaikan harga minyak itu. Lebih-lebih lagi dalam keadaan sekarang ini syarikat-syarikat bas sudah pun menunjukkan hasrat mereka untuk menaikkan kos dan ini sudah pasti akan menjejaskan anak-anak, kanak-kanak dan juga masyarakat. Selain daripada kegiatan-kegiatan industri yang lain juga yang melibatkan penggunaan minyak pun akan menimbulkan kesan-kesan negatif kepada rakyat dan ini bakal menimbulkan kesan-kesan yang serius kepada inflasi di negara kita.

Tuan Pengerusi, perkara yang paling penting juga di sini ialah tentang memberi subsidi ini. Sekarang dengan pengecualian cukai dan subsidi yang kerajaan berikan terhadap minyak ini, ini melibatkan kurang lebih RM10.7 bilion setahun kerajaan terpaksa mengorbankan peruntukan yang besar itu. Ini yang saya sebut pada awal tadi sebagai *a miss opportunity* untuk kita mengurangkan masalah *deficit* tetapi matlamatnya adalah secara langsung untuk memberi meskipun ia tidak memberi pulangan langsung kepada pembangunan negara tetapi ada hasrat yang begitu baik iaitu untuk membela kepentingan rakyat dan juga membela pengguna selain daripada untuk kita mengawal inflasi.

Tuan Pengerusi, perkara yang paling penting yang hendak saya timbulkan di sini ialah tentang perkembangan-perkembangan semasa yang berlaku di dunia sekarang ini. Daripada kajian yang telah dibuat tentang isu kenaikan minyak ini, bukan berpunca daripada masalah kurangnya bekalan tetapi berpunca daripada faktor-faktor lain di antaranya konflik yang berlaku di Asia Barat, ancaman daripada pengganas, bencana alam, spekulasi dan juga keadaan yang tidak stabil tentang nilai mata wang dan juga tentang siapakah yang akan menjadi Presiden Amerika itu? Dalam konteks ini, kita dan kepimpinan terutamanya Kementerian Kewangan harus sensitif dengan isu-isu global yang sedang berlaku dan bagaimanakah Kementerian Kewangan khususnya dan Kerajaan Malaysia amnya harus menangani isu-isu global ini?

Seperkara lagi yang saya ingin saya tarik perhatian Dewan ini ialah berhubung dengan pembangunan Koridor Pantai Timur dan dalam Bajet 2005 ini telah dinyatakan di sebut bahawa RM2.5 bilion diperuntukkan untuk pembangunan Koridor Pantai Timur ini. Yang menjadi harapan saya sebagai mewakili rakyat di negeri Terengganu khususnya di Timur agar peruntukan yang dijanjikan RM2.5 bilion ke arah pembangunan yang disebut sebagai pembangunan infrastruktur dan infostruktur ini dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin.

Selain daripada itu juga adalah merupakan perkara-perkara, pembangunan-pembangunan rakyat termiskin yang dijanjikan di bawah peruntukan yang besar iaitu pembangunan Koridor Pantai Timur ini akan menimbulkan dan memberi kesan-kesan dengan izin *trickle effect* ataupun kesan tempias ekonomi kepada rakyat-rakyat yang berpendapatan rendah. Selain daripada itu juga peruntukan juga adalah diberikan untuk pembangunan terutamanya di kawasan-kawasan di luar bandar dan ini adalah merupakan satu perkara yang harus diberi keutamaan oleh Kementerian Pendidikan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusuf bin Yacob]: Serdang.

11.59 pagi.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya hanya menyentuh beberapa perkara untuk penjelasan daripada pihak kerajaan. Butiran 021100 - Bantuan Kewangan kepada Indah Water Konsortium Sdn Bhd dengan peruntukan sebanyak RM138 juta bagi tahun 2005. IWK telah menjalankan perusahaannya untuk mengutip wang daripada para pengguna dan juga mengambil tindakan undang-undang untuk mendapat balik wang yang hutang daripada pengguna yang masih belum menjelaskannya. Apa sebabnya kerajaan memberi bantuan begitu banyak, bukan sahaja pada tahun yang akan datang tetapi beberapa tahun telah nampak bahawa Perbendaharaan telah memberi bantuan kepada IWK, begitu banyak wang walaupun IWK telah dijalankan begitu luas sepanjang masa yang lalu.

Dan juga perkara Butiran 021700 - Pengurusan Sisa Pepejal oleh Syarikat Alam Flora Sdn Bhd. sebanyak RM21 juta akan diperuntukkan.

Alam Flora Sdn Bhd. Ini telah menguruskan beberapa tugas sebagai mengutip sampah sarap di Selangor dan beberapa kawasan di negerinya kelilingnya, tetapi yang masih didapati bahawa tidak puas hati orang ramai terhadap kerja-kerja yang dijalankan oleh Alam Flora sepanjang masa ini, dalam media massa sentiasa disiarkan tetapi bantuan diteruskan dan apa sebabnya berlaku demikian?

Dan juga bantuan kewangan daripada Perbendaharaan ini terus disampaikan kerana setiap kerajaan tempatan yang telah diamanahkan kepada Alam Flora dijalankan tugasnya tetapi bayaran juga daripada kerajaan tempatan. Apa sebabnya berlaku demikian dan apa yang sebenarnya dan bilakah penswastaan secara rasmi akan dijalankan dan akan diteruskan daripada kerajaan kepada Alam Flora Sdn Bhd.

Saya difahamkan masih belum lagi secara rasminya bagi penswastaan hanya satu interim untuk bagi cadangan tugas untuk mengutip sampah-sarap di kawasan-kawasan tertentu.

Tuan Pengerusi, Butiran 080000 - Lembaga Hasil Dalam Negeri. Saya mintalah pihak pegawai kanan daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri supaya tundakan tindakan undang-undang terhadap perkuburan Cina kerana memorandum daripada Pertubuhan-pertubuhan Kubur Cina telah disampaikan kepada pihak kementerian, pada tahun 1995 dan juga pada 2004 tetapi tidak ada satu majlis dialog untuk mendengar masalah daripada pengurusan Pertubuhan Kubur-kubur Cina, apa sebab tidak dapat dikenakan cukai pendapatannya?

Pertubuhan-pertubuhan Kubur Cina telah memohon dan permohonan itu telah disampaikan kepada kementerian supaya untuk mengecualikan cukai pendapatan Pertubuhan Kubur-Kubur Cina di bawah Seksyen 127 (3) Akta Cukai Pendapatan tahun 1967 atau mengikuti Akta Cukai Pendapatan 13 (1a) Jadual 6. Memorandum ini disampaikan sepatutnya ada satu perbincangan, sebabnya ini ada kaitan dengan isu masyarakat Cina.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, tanah kubur yang diluluskan oleh kerajaan bukan sahaja kini, pada zaman British secara percuma kepada pengurusan yang dicadangkan oleh Pertubuhan Kubur Cina tanpa faedah. Yang sebenarnya semasa tanah kubur yang digazetkan oleh kerajaan itu bukan kawasan yang cantik tetapi mesti mahu cadangkan merata-rata tempat, membuat pamaritan, membuat jalan dan segala kemudahan untuk masa hadapan. Siapa beri bantuan? Kerajaan tidak ada satu sen untuk pengurusan kubur-kubur Cina ini? Satu sen pun tidak ada. Hanya terkandung kepada kutipan daripada keluarga si mati semasa kebumikan mayatnya itu. Kutipan itu bukan untuk untung tetapi untuk menguruskan masa hadapan, kemudahan di sekitar kubur itu. Ini sahaja kegunaannya, itu sebab katakan Lembaga Hasil Dalam Negeri hendak kenakan cukai daripada hasil itu, mungkin tidak munasabah tetapi masih memerlukan satu rumusan yang baik tetapi tindakan undang-undang telah dijalankan terhadap Pertubuhan Kubur yang tertentu pada masa kini.

Itu saya minta supaya ditundakan dari segi undang-undang dahulu. Ini pengurusan kubur Cina yang dijalankan pada masa ini hanya untuk memberi perkhidmatan kepada bukan sahaja kepada masyarakat Cina, tetapi memberi pertolongan kepada kerajaan untuk mengatasi masalah beban atau tanggungjawab

sosial kerajaan. Ini mesti kita pikul. Fikiran daripada kerajaan dan pegawai-pegawai kanan dari Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Tuan Pengerusi, ini penting sebab segala pengurusan kubur Cina yang dijalankan sepanjang masa hanya untuk menjamin supaya mayat itu tidak dibiarkan sahaja tanpa diuruskan. Kalau mayat si mati dibiarkan berterusan berada di hospital atau di rumah tanpa urusan oleh pengurusan kubur Cina ini, apa akan terjadi. Oleh itu, mintalah pihak Kementerian Kewangan atau Perbendaharaan untuk mengkaji latar belakang yang sebenarnya, untuk mengkaji sejarahnya, untuk mengkaji tugas yang sebenar yang dilakukan oleh pengurusan kubur Cina ini. Jangan katakan hanya, "Oh, ini sebab ada kutipan, mesti dikenakan cukai". Kalau yang demikian, isu masyarakat Cina terhadap mayat ini akan menjadi masalah besar dan serius.

Itu sebab kita minta pihak Lembaga Hasil...

Tuan Tan Kok Wai: Yang Berhormat bagi Serdang, boleh bagi jalan?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Cheras bangun.

Tuan Tan Kok Wai: Sedikit sahaja, terima kasih. Saya ingin tanya Yang Berhormat bagi Serdang, apakah beliau bersetuju memandangkan pihak pengurusan perkuburan Cina adalah juga merupakan persatuan amal yang telah membantu kerajaan dalam tempoh lebih daripada satu abad kebelakangan ini untuk menyelesaikan masalah sosial, iaitu menyemadikan mayat kaum Cina dan ini adalah satu tugas yang paling bermakna dan penting.

Maka saya ingin tanya Yang Berhormat bagi Serdang sama ada beliau bersetuju dengan cadangan saya.

Yang pertama, Menteri Kewangan melaksanakan haknya untuk mengecualikan semua pengurusan amal perkuburan Cina di seluruh negara dikenakan apa jua bentuk cukai termasuk cukai pendapatan.

Yang kedua, memandangkan selama ini perkuburan Cina tidak dapat satu sen pun daripada kaum Cina sebagai bantuan kewangan untuk membangunkan tanah perkuburan dari aspek pengindahan dan peningkatan menaik taraf kemudahan-kemudahan asas, maka adakah beliau bersetuju juga bahawa mulai bajet yang akan datang ini, kerajaan akan memberikan peruntukan kepada setiap perkuburan Cina di seluruh negara bagi maksud yang penting ini. Terima kasih.

Dato' Yap Pian Hon: Terima kasih. Saya hanya setuju dengan pandangan daripada pengurusan kubur Cina yang dibentangkan kepada kementerian untuk ditimbang iaitu apa sebab tidak payah dikenakan cukai pendapatan itu. Walaupun tidak ada satu sen pun daripada kerajaan untuk menjalankan pengurusan kubur Cina itu, tetapi biarkan jawatankuasa pengurusan yang begitu cekap dan begitu *dedicated* untuk menjamin kubur Cina dalam keadaan baik dan indah tanpa bantuan kerajaan, tetapi jangan kenakan cukai pendapatan, cukuplah.

Tuan Pengerusi, organisasi pertubuhan pengurusan kubur Cina ini pada hakikatnya membantu kerajaan untuk menjaga kebajikan masyarakat Tionghoa terutama dalam aspek menguruskan atur cara pengebumian orang yang meninggal dunia. Jika orang yang mati itu tidak diberi perhatian sewajarnya, ini bukan sahaja menjadi satu beban kepada kerajaan, bahkan akan muncul sebagai masalah sosial yang serius. Itulah sebabnya saya minta supaya ditunda atau ditangguhkan tindakan undang-undang terhadap pengurusan yang masih belum dijelaskan cukai pendapatan dahulu untuk membiarkan kita berdialog dan mendengar latar belakang sejarah pengurusan kubur ini dan untuk siasatan lanjut apa sebabnya pengurusan untuk meminta atau memohon supaya dikecualikan daripada cukai pendapatan itu.

Sebagai kerajaan yang mesra dengan rakyat, memorandum disampaikan dan mereka akan dipanggil. Tetapi saya minta maaf kerana pegawai-pegawai kanan Lembaga Hasil Dalam Negeri daripada keturunan bangsa Melayu mungkin tidak berapa faham latar belakang sejarah pengurusan atau kerja-kerja pengurusan kubur Cina yang sebenarnya berlaku sepanjang masa ini dengan sedikit pandangan daripada wakil rakyat kaum Cina, di mana saya sebagai penasihat kepada beberapa perkuburan Cina untuk menguruskannya di kawasan Serdang.

Saya juga ucap terima kasih kepada kerajaan pada ketika dahulu kerana mendapat 10 ekar untuk perkuburan Cina yang diwartakan oleh kerajaan negeri untuk jawatankuasa pengurusan sepanjang masa ini. Hakikatnya pengurusan kubur Cina yang dijalankan sepanjang masa dengan baik dan sempurna, maka itulah saya sekali lagi merayu, mintalah pihak...

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Parit Sulong bangun, Yang Berhormat.

Dato' Yap Pian Hon: ...pihak Perbendaharaan...

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Yang Berhormat....

Dato' Yap Pian Hon: ... untuk memberi satu jawapan atau pihak kerajaan memberi penjelasan supaya jangan jadi isu dengan membiarkan orang-orang yang tidak diingini menggunakan isu ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: *[Menyampuk]*

Dato' Yap Pian Hon: ...untuk mencaci....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Parit Sulong bangun.

Dato' Yap Pian Hon:atau ertinya kerajaan tidak mesra atau tidak memahami sebenarnya apa yang berlaku dengan pengurusan kubur Cina ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Eh, tidak sempat hendak minta penjelasan lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bukit Bintang. Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Sabar sahajalah. *[Ketawa]*

12.11 tgh.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian membahaskan peruntukan 2005, Kementerian Kewangan, Maksud Bekalan 10, 11 dan 12.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan Butiran 080000 – Lembaga Hasil Dalam Negeri, yang menerima peruntukan sebanyak RM560,006,250. Saya ingin membangkitkan persoalan cukai pendapatan yang dikenakan ke atas pihak pengurusan tanah perkuburan Cina, yang kami difahamkan bahawa Lembaga Hasil Dalam Negeri ada mengutip lebih kurang RM1 juta daripada pihak pengurusan dan pentadbiran tanah perkuburan Cina di Malaysia, dan kami tidak memahami rasional kerajaan bertindak mengutip cukai tersebut.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Serdang bahawa perkuburan Cina haruslah ditangguhkan cukai pendapatan. Menurut Laporan Anggaran Hasil 2005, mendapati butiran perkuburan Cina tidak disebutkan dalam senarai kutipan sedangkan kebiasaannya Bahagian Percukaian akan...

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bukit Bintang...

Tuan Fong Kui Lun: ...dilaporkan setiap *item*...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: ...Yang Berhormat bagi Parit Sulong bangun. Yang Berhormat bagi Parit Sulong.

Tuan Fong Kui Lun: Nantilah, 10 minit sahaja, saya ada banyak isu mahu dibangkitkan.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Sedikit sahaja saya hendak minta penjelasan. Sedikit sahaja.

Tuan Fong Kui Lun: Okey.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Atas isu yang dibangkitkan, saya ada dengar sebentar tadi bahawa kerajaan memberikan lebih kurang 10 ekar tanah, contohnya, untuk perkuburan Cina. Kita hendak tahu berapa kadar premium yang mereka bayar atas tanah yang kerajaan beri.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Itu tanya kerajaanlah.

Tuan Tan Kok Wai: Tanya kerajaan.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Kemudian itu, kalau dia tidak bayar, berapa yang dia caj setiap orang yang hendak masuk dalam kubur itu? Terima kasih.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Pengerusi, saya rasa Yang Berhormat bagi Parit Sulong tidak memahami sejarah perkuburan Cina di seluruh negara ini, bahawa kalau kita mengikut sejarah, tiap-tiap perkuburan di negara ini sebanyak 500 kubur sama besar mahupun kecil di seluruh Malaysia ini pada masa itu tidak dikenakan cukai pendapatan. Mengapa sekarang dikenakan? Adakah kerajaan telah mengalami ketidakmampuan membiayai Bajet 2005? Mengapa dalam banyak kubur selain daripada perkuburan Cina seperti kubur Islam, tidak dikenakan apa-apa caj atau cukai pendapatan? Mengapa hanya kubur Cina dikenakan cukai? Saya tidak faham. Yang Berhormat Menteri hendaklah menjawab dengan memuaskan kepada Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, saya teruskan saya punya ucapan. Bahawa percukaian akan dilaporkan setiap *item* walaupun kutipan cukai hanya berapa ribu ringgit sahaja. Adalah mustahil Bahagian Cukai terlepas pandang kutipan cukai RM1 juta dari

perkuburan Cina. Saya tidak faham sama ada terdapat penyelarasan antara Perbendaharaan dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri, sama ada Lembaga Hasil Dalam Negeri diberikan kebenaran mengutip cukai oleh Perbendaharaan.

Tuan Pengerusi, kami mendapati aduan dari pihak Pengurusan dan Pentadbiran Tanah Perkuburan Han Jiang, Ipoh, Perak, Pengurusan Tokong di Kampar, Pengurusan Tanah Perkuburan Cina di Kepong, Kuala Lumpur bahawa Lembaga Hasil Dalam Negeri mengehendaki mereka menjelaskan bayaran cukai pendapatan. Perkuburan Han Jiang, Ipoh, Perak bahawa Lembaga Hasil Dalam Negeri mengambil tindakan melalui mahkamah dikehendaki membayar cukai sebanyak RM38,000. Tokong di Kampar ini dikehendaki membayar cukai RM36,000 dan di Kepong sebanyak RM80,000.

Saya percaya pengurusan tanah perkuburan Cina yang lain pun menerima surat perintah bayaran sebagaimana persatuan-persatuan di atas. Dari ketiga-tiga tanah perkuburan tadi, kerajaan telah mengutip sebanyak RM154 ribu, itu belum lagi beratus-ratus tanah perkuburan Cina seluruh negara. Jika cukai dikutip dari setiap pengurusan tanah perkuburan Cina, itu pasti jumlah kutipan melebihi berjuta-juta ringgit. Mengapakah tanah perkuburan Islam boleh dikecualikan dari cukai dan pengurusan ditanggung oleh jabatan berkaitan.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa tanah perkuburan Cina seluruh negara pada lazimnya diuruskan oleh persatuan atau jawatankuasa yang dibentuk bukan dengan tujuan mencari keuntungan. Mereka terpaksa mengenakan caj yang nominal semata-mata untuk menampung kos penyelenggaraan kubur seperti urusan pengebumian, membersihkan kawasan, gaji pekerja dan sebagainya. Ia tidak seperti tanah perkuburan Islam yang semuanya ditanggung oleh kerajaan. Oleh itu, ia tidak membawa apa-apa keuntungan kecuali perkhidmatan kepada masyarakat Cina sahaja. Oleh itu langkah mengutip cukai pendapatan ke atas pihak pentadbiran pengurusan perkuburan Cina adalah tidak wajar melainkan jika tanah perkuburan itu dibangunkan oleh swasta seperti yang terdapat di Nilai atau di Semenyih.

Tuan Pengerusi, langkah mengutip cukai pendapatan ke atas pengurusan tanah perkuburan Cina samalah seperti mengutip cukai ke atas orang mati. Wajarkah kita mengutip cukai ke atas mayat? Tuan Pengerusi, oleh itu cadangan saya, langkah kutipan cukai ke atas tanah perkuburan Cina hendaklah dihentikan atau dibatalkan kerana yang menguruskannya adalah pertubuhan yang bukan mencari keuntungan.

Mengenai Butiran 020500 – Bayaran Subsidi Gas, Cecair dan Diesel berjumlah RM3 bilion adalah satu angka yang cukup besar. Langkah terbaru kerajaan membenarkan kenaikan harga petrol sebanyak lima sen dan gas sebanyak lima sen telah memberikan kesan negatif ke atas ekonomi. Persatuan lori, teksi, bas sekolah, penjual barang-barang keperluan akan menaikkan harga bagi menyerap kenaikan kos walaupun kerajaan terpaksa membenarkan kenaikan harga petrol sebagai langkah mengawal defisit bajet dari melebar, tetapi langkah terbaik ialah mengarahkan Petronas menanggung sebahagian subsidi petrol kerana keupayaannya ada dan rakyat tidak dibebankan dengan kos sara hidup yang tinggi.

Mengenai Butiran 020770 – Pemberian Penyelenggaraan Jalan Raya kepada DBKL sebanyak RM31 juta. Saya berharap projek menurap jalan, mengetar semula jalan dan membina susur dan pintas baru dalam Kuala Lumpur dapat dilakukan secara teratur supaya tidak akan menimbulkan kesesakan lalu lintas, mengelakkan supaya selepas diturap, dikorek semula dan diturap semula menjadikan kos bertambah dan memastikan kerja-kerja penurapan jalan tidak menyebabkan permukaan jalan menjadi tinggi dan saluran air di tepi longkang menjadi kecil dan tertutup, bila hujan turun, sebahagian jalan menjadi sungai. Banjir kilat atas jalan raya dalam keadaan sekarang tidak wajar berlaku lagi sebagai menunjukkan kelemahan pentadbiran DBKL sendiri.

Saya juga ingin bertanya kepada Maksud Butiran 020900 – Pemberian Khas Kepada Wilayah Persekutuan berjumlah RM17,300,000, apakah maksud peruntukan ini kerana Kementerian Wilayah Persekutuan telah pun wujud dan ada peruntukan sendiri dan mengapa tidak disatukan sahaja peruntukan itu? Adakah agenda tersembunyi yang lain dan saya harap dapat penjelasan Menteri.

Saya juga merujuk Butiran 020400 - Pemberian Perkhidmatan Bagi Negeri-Negeri sebanyak RM220 juta. Saya ingin bertanya adakah kerajaan melengahkan masa pembayaran kepada negeri masing-masing seperti Kelantan haruslah memberi perkhidmatan wang ini dengan masa yang tepat. Kita tidak mahu ini berlaku berlarutan sebab pembangunan di Kelantan haruslah membela rakyat Malaysia. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Bentong.

12.22 tgh.

Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyokong penuh permohonan Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk projek pengkomputeran Lembaga Hasil Dalam Negeri. Ini kerana saya yakin Lembaga Hasil Dalam Negeri perlulah merupakan sebuah agensi yang paling berkesan untuk meningkatkan hasil negara kita. Kita semua sedia maklum bahawa teknologi maklumat merupakan asas kepada kejayaan kerajaan untuk memantapkan lagi perkhidmatan awam dan dapat juga mewujudkan satu rangkaian komunikasi IT bersepadu yang dapat menghubungkan segala elektronik bersama semua agensi di sektor awam dan juga di kalangan rakyat kita.

Saya menyokong pengkomputeran Lembaga Hasil Dalam Negeri kerana baru-baru ini saya lihat cara kakitangan Lembaga Hasil Dalam Negeri mengadakan serbuan, mengadakan tangkapan dan juga mengejar balik hasil dalam negeri ini, dijalankan secara yang tidak berapa elok dan telah mendapat teguran ramai pihak. Sekiranya kita mempunyai sistem pengkomputeran yang baik, kita dapat tingkatkan maklumat kita dan kita dapat tahu mana satu syarikat yang tidak membayar hasil dan syarikat mana yang telah berhutang banyak, maka kita boleh buat susulan secara lebih bertamadun.

Saya terkilan mendengar banyak aduan yang mengatakan pegawai-pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri masuk ke kedai, masuk ke syarikat, sita pintu, hentikan operasi syarikat, mengadakan serbuan ke rumah dan juga mengugut majikan-majikan tersebut. Saya rasa perkara ini boleh dijalankan dengan lebih baik dan saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Pulau tadi dan juga yang bagi Ayer Hitam pernah menyentuh perkara ini bahawa Lembaga Hasil Dalam Negeri perlu menjalankan kutipan hasil ini dengan lebih sistematik dan bukan dengan mengadakan serbuan-serbuan ini. Ada pula diberikan sasaran kepada pegawai-pegawainya, bulan ini kena kutip berapa, bulan hadapan kena kutip berapa. Ini macam *salesman*, macam sebuah syarikat yang memerlukan *salesmennya* adakan sasarannya untuk kutip berapa tunggakan cukai.

Sudah tiba masanya saya rasa kerajaan memantapkan lagi sistem pungutan cukai kita dan dengan cara yang lebih sistematik iaitu pengkomputeran satu cara yang lebih baik untuk kita memastikan bahawa kita dapat *trace* – buat susulan dengan baik.

Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri juga berhubung dengan kerajaan telah pun melancarkan *government integrated telecommunication network* iaitu GITN pada tahun 1995 iaitu mewujudkan satu sistem pengkomputeran antara agensi-agensi kerajaan, mewujudkan satu rangkaian komunikasi IT yang berkesan. Sehingga hari ini saya ingin tahu sama ada sistem ini telah pun berjalan lancar, sama ada sistem komputer antara agensi ini boleh digunakan dan di mana kita dengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa pada tahun akan datang kita akan mempertingkatkan e-treasury yang merangkumi e-SPKB dan e-perolehan. Saya harap melalui sistem komputer yang baik kita dapat terus tingkatkan kecekapan kita.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin sentuh tentang masalah perumahan di negara kita. Kita tahu bahawa Syarikat Perumahan Negara adalah di bawah Kementerian Kewangan dan apabila saya lihat sasaran dan juga pencapaian perumahan sektor awam dan swasta di negara kita, saya merasa tergamam apabila kita lihat bahawa *target* sasaran yang kita tetapkan memang jauh ketinggalan.

Bagi sektor swasta kita telah pun mengadakan satu sasaran bagi membina rumah murah kos rendah iaitu 40,000 unit dan kita merasa bangga pihak sektor swasta dapat membina lebih kurang 54,700 unit iaitu telah pun melebihi sasaran sektor swasta. Tetapi bagi sektor awam kita mempunyai sasaran iaitu lebih kurang 192,000 unit rumah kos rendah dan kita hanya mampu membina 53,749 unit iaitu lebih kurang 28% sahaja iaitu jauh kurang daripada sasaran yang kita tetapkan untuk membantu orang-orang miskin. Apatah lagi kita telah pun mempunyai satu matlamat iaitu setinggi sifar. Apabila kita hendak pastikan kita dapat mencapai setinggi sifar ini, adalah penting kita dapat mewujudkan rumah kos rendah dapat mencapai matlamat rumah kos rendah itu.

Oleh itu, saya hendak tahu berapakah peruntukan yang akan diberi dalam bajet kali ini untuk membina rumah kos rendah kepada Syarikat Perumahan Negara. Sebenarnya apabila Syarikat Perumahan Negara ini diwujudkan tujuan utamanya adalah untuk menguruskan projek-projek terbengkalai, bukan untuk membina rumah kos rendah tetapi sekarang matlamatnya telah pun bertukar. Banyak lagi rumah mesra rakyat, banyak lagi projek-projek telah diserahkan kepada Syarikat Perumahan Negara. Saya mintalah kerajaan mengkaji semula sama ada bolehkah Syarikat Perumahan Negara dirujuk balik kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan

Tempatan kerana kita tahu bahawa dari segi sasaran rumah kos rendah mahupun masalah perumahan negara ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah lebih fasih.

Apabila Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah pun mengenal pasti sesuatu tempat untuk membina rumah kos rendah ataupun mengenal pasti sesuatu masalah projek terbengkalai, maka Syarikat Perumahan Negara boleh digerakkan, boleh dipastikan mereka menjalankan projek mereka dengan cepat. Bukan seperti pada hari ini, Syarikat Perumahan Negara di bawah Kementerian Kewangan dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tersendiri dan banyak juga masalah koordinasi timbul dari segi mencapai matlamat pencapaian perumahan sektor awam dan swasta di negara kita

Tuan Pengerusi, saya juga ingin sentuh tentang kewangan yang diberi kepada IWK yang telah disentuh oleh beberapa Ahli Parlimen. Kita semua sentuh IWK kerana kita pasti bahawa IWK selama ini tidak dapat memberikan perkhidmatan yang baik. Oleh itu, apabila kerajaan mengambil alih kita hendak tahu bahawa IWK - RM138 juta yang diberikan ini adakah untuk bayar hutang ataupun hendak tingkatkan prestasi IWK? Kita harap wang yang digunakan ini untuk mempertingkatkan prestasi IWK dan bukan hanya bayar hutang dan pencapaian IWK tidak dapat memuaskan rakyat dan saya rasa banyak lagi sungutan dan rayuan daripada rakyat dapatlah kerajaan mengambil perhatian untuk memperbaiki keadaan ini.

Tuan Pengerusi, satu lagi berhubung dengan sistem pepejal. Kita tahu bahawa pengurusan sisa pepejal ini amat penting dan kita telah serahkan kepada syarikat Alam Flora dan syarikat ini juga tidak dapat menjalankan kerja dengan memuaskan. Rata-rata rakyat merayu mengadu bahawa Alam Flora tidak menjalankan kutipan seperti yang dijanjikan. Kutipan-kutipan sampah perlu katakan seminggu dua kali ataupun tiga kali tetapi selalunya dijalankan kurang daripada yang telah disasarkan. Oleh itu, saya hendak tahu juga mengapakah kita perlu membayar RM21 juta kepada pengurusan sistem sisa pepejal oleh Alam Flora sedangkan semua PBT telah pun membuat bayaran dan kita harap Akta Sisa Pepejal yang akan dibentangkan di Parlimen ini dapat mengawal Alam Flora ini. Kalau sesuatu akta itu tidak dapat mengurus, tidak dapat mengawal syarikat yang mengurus sisa pepejal saya rasa seperti sekarang, apa yang berlaku sekarang Alam Flora sekarang lebih besar daripada Majlis Daerah. Alam Flora hendak atau tidak hendak ambil tindakan, Majlis Daerah tidak boleh berbuat apa-

apa dan selalunya apabila diberi notis kepada Alam Flora untuk mengutip sampah, Alam Flora sentiasa melengah-lengahkan masa untuk kutipan ini.

Saya rasa ini satu perkara yang amat mendukacitakan dan harap akta yang baru ini, akta yang akan dibentangkan di Parlimen ini dapat kita mewujudkan satu mekanisme agar kita dapat mengawal siapa juga syarikat yang menguruskan sisa pepejal ini. Dengan itu, saya mohon menyokong.

Tuang Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kudat.

12.30 tgh.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Izinkan saya untuk membahaskan mengenai institusi-institusi kewangan di bawah Kementerian Kewangan. Tuan Pengerusi, syarikat kewangan dan bank-bank Malaysia digesa bersikap proaktif khususnya untuk menyokong usahawan dan peniaga menjalankan perniagaan mereka di negara ini. Kita sering mendengar keluhan peniaga kita khususnya mereka yang baru menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Rata-rata berpendapat bank-bank dan syarikat kewangan mengenakan syarat-syarat yang *rigid, extra cautious* dengan izin dan *extremely play safe*.

Bank-bank hanya membantu usahawan-usahawan yang telah berjaya dan sangat beria-ia memberikan pinjaman kepada usahawan *established* sedangkan mereka ini memiliki dana modal yang terkumpul dengan banyak. Bermacam-macam cara dan tawaran istimewa untuk menarik *established businessman* ini untuk mendapatkan pinjaman. Tetapi apabila berlaku kegagalan untuk melakukan pembayaran walaupun dalam waktu yang singkat, bank-bank ini dengan cepat mengambil tindakan undang-undang tanpa belas kasihan atau tanpa membuka peluang perundingan untuk *loan restructuring* kepada peminjam-peminjam. Fenomena ini kita kenali sebagai *taking away umbrella while the rain starts pouring*.

Seperkara lagi ialah keutamaan kebanyakan pinjaman diberikan kepada keupayaan *collateral* atau persandaran dalam bentuk hartanah yang lebih tinggi daripada nilai pinjaman. Kadang-kadang untuk meminjam RM 50,000 pun peniaga-peniaga diminta mengemukakan *collateral* berkali-kali ganda nilainya daripada jumlah pinjaman dan selain dari itu aspek transaksi keluar masuk wang tidak kurang 6 bulan dengan transaksi yang aktif dan jumlah yang banyak sering dijadikan pra-syarat bagi sebuah syarikat memberikan pinjaman. Walaupun *prudent banking practice* dijadikan

alasan dalam soal ini namun sikap ini akan menyekat pertumbuhan usahawan baru khususnya bumiputera, golongan yang masih jauh tertinggal di dalam bidang perniagaan.

Sebahagian pinjaman yang dikhususkan oleh kerajaan bagi maksud bagi mencapai sesuatu objektif seperti pinjaman atau bantuan modal kepada bumiputera seperti *CGC loan*, *small business loan* ataupun *fund for food* bagi maksud menggalakkan pelaburan dalam bidang pengeluaran makanan atau *tourism fund* bagi maksud menggalakkan pelaburan dalam industri pelancongan kebanyakannya tidak mencapai matlamat yang diinginkan oleh kerajaan. Mereka rela didenda atau dikenakan penalti oleh Bank Negara daripada bertanggungjawab melaksanakan objektif kerajaan dan matlamat negara.

Kebanyakan pinjaman bank lebih tertumpu kepada *property loan* atau *property related loan* sedangkan pemberian pinjaman berbentuk *start-up capital* perniagaan kurang diberikan keutamaan. Sikap ini secara langsung menyebabkan usahawan-usahawan negara khususnya bumiputera menjadi tidak kreatif dan tidak inovatif dan ramai yang mengambil jalan mudah memohon bantuan daripada Along.

Tuan Pengerusi, seperkara lagi pihak bank kadang-kadang tidak menggunakan konsep kewarasan dan kewajaran dalam mendapatkan semula pinjaman atau *recovery* Semasa kejatuhan ekonomi, bank-bank tanpa belas kasihan melelong *collateral* ataupun sandaran hartanah walaupun dengan harga yang terlalu rendah jauh daripada nilai sebenar hartanah tersebut. Tidak ada usaha untuk merundingkan dengan peminjam yang jujur untuk memberikan mereka peluang untuk memohon penjadualan semula hutang atau mengenakan *private treaty* bagi harta-harta sandaran bagi maksud mendapatkan harga yang lebih tinggi terhadap harta tersebut.

Bank-bank hanya berminat untuk melolong dengan harga yang murah dan ini secara langsung hanya menguntungkan sektor guaman dan juga lelongan. Kos-kos yang ditanggung daripada maksud ini dikompaunkan dengan pinjaman tersebut dan akibatnya hutang menjadi semakin bertimbun-timbun.

Akhir-akhir ini fenomena Along semakin berperanan di negara kita. Apakah puncanya? Sudah tentu berpunca daripada sikap bank-bank kita yang terlalu rigid dengan kelulusan yang terlalu lambat dan pelbagai kos yang terpaksa ditanggung oleh peminjam. Misalnya bagi pinjaman bagi RM50,000 seseorang itu perlu menyediakan sekurang-kurangnya tidak kurang daripada RM5,000 untuk mendapatkannya iaitu

berkaitan dengan *charges* yang dikenakan seperti *processing fees*, *memorandum of charges fees*, *memorandum of transfer fees*, *legal fees*, *stamp duty fees*, *valuation fees* dan berbagai-bagai lagi fees yang dikenakan.

Jangka masa *disbursement of loan* juga tidak kurang daripada 3 hingga 6 bulan. Ini adalah satu jangka masa yang terlalu panjang bagi seorang peniaga untuk melaksanakan perniagaan dengan berkesan. Ban-bank patut menyediakan satu Piagam Pelanggan. Bank Negara patut menyediakan satu Piagam Pelanggan kepada semua bank-bank supaya masalah kelewatan yang tidak diingini tidak berlaku. Bank-bank harus ingat dan faham bahawa kewujudan mereka adalah kerana pelanggan, tanpa pelanggan bank-bank akan gulung tikar dan jika bank tempatan khususnya gulung tikar maka ini akan menjadikan peluang besar kepada bank-bank asing untuk memasuki pasaran perbankan kita.

Tahun 2010 adalah sasaran pelaksanaan globalisasi dan liberalisasi perdagangan. Jika bank-bank tempatan tidak bersikap proaktif dan mengumpul pengalaman perbankan yang mantap, saya khuatir bank-bank milik rakyat kita satu persatu akan ditelan oleh bank-bank asing ini.

Seperkara lagi ialah perlindungan kepada penjamin sesuatu pinjaman bank. Kebanyakan bank bertindak terhadap penjamin. Walaupun belum mengambil tindakan sepenuhnya kepada peminjam sebenar, lebih-lebih lagi jika penjamin adalah seorang yang mempunyai reputasi tinggi di dalam perniagaan. Ada insiden di mana penjamin dikenakan tindakan bankrap sedangkan peminjam belum melalui tindakan yang sewajarnya. Demikian juga dengan penjamin syarikat atau mereka yang menandatangani *joint and several guarantee* walaupun syarikat belum lagi melalui proses *fore-closure* harta-harta syarikat tetapi penjamin syarikat telah dikenakan tindakan bankrap. Ini adalah satu ketidakadilan dan bercanggah dengan keluhuran undang-undang negara. Mahkamah sebelum menjatuhkan perintah *receiving order* dan *adjudicated order* patut menyiasat perkara-perkara seperti ini untuk mengelak *miscarriage of justice* dalam sistem perundangan kita.

Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Seputeh.

12.40 tgh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, pada tahun 1975 Suruhanjaya Harun mencadangkan bahawa pekerja di badan berkanun yang memilih Skim Saraan KWSP (SSK) boleh menikmati caruman yang dibayar oleh pihak majikan sebanyak 17.5% daripada gaji mereka. Cadangan ini diterima oleh Lembaga KWSP pada tahun 2001 dan SSK ini dilaksanakan pada 1 Januari 1992, di mana kesemua pekerja yang memilih SSK menikmati manfaat yang *back dated* pada 1 Januari 1975. Keputusan KWSP ini menyebabkan lebih kurang 70 bekas pekerja KWSP yang merupakan pekerja perintis (*pioneer*) yang bersara sebelum 1 Januari 1992 ini berasa amat tidak adil kerana mereka memang telah berkhidmat di KWSP pada tahun 1975, tetapi apabila KWSP mengamalkan skim ini, 70 pekerja yang bersara ini ditinggalkan.

Tuan Pengerusi, 70 bekas pekerja KWSP yang telah bersara ini merupakan golongan yang berumur tua. Mereka telah pun mengadu perkara ini kepada pihak KWSP, kepada pihak media dan juga kepada pihak Menteri Kewangan Kedua pada tahun itu tetapi KWSP kelihatan masih degil terhadap keputusan asal mereka, iaitu hanya pekerja yang masih berkhidmat dengan KWSP pada 1 Januari 1992 boleh menikmati manfaat caruman sebanyak 17.5% yang terhutang oleh KWSP dengan *back date* pada 1 Januari 1975.

Tuan Pengerusi, saya pernah berjumpa kumpulan bekas pekerja KWSP ini dan saya memang bersimpati kepada para datuk dan nenek ini. Sebenarnya jumlah amaun yang dituntut oleh mereka adalah tidak banyak iaitu jumlahnya lebih kurang RM1 juta sahaja. Jumlah ini adalah begitu kecil berbanding dengan kerugian dari segi banyak pelaburan yang dibuat oleh pihak KWSP seperti LRT, Empangan Bakun dan sebagainya. Jadi, sebagai badan berkanun yang ditubuhkan untuk memberi perlindungan kepada pekerja ia sepatutnya menunjukkan teladan yang baik kepada pertubuhan dan syarikat lain supaya ia tidak dilihat menindas pekerjaannya sendiri, khususnya pekerja perintis di KWSP yang berkhidmat di KWSP sejak tahun 1950-an dan 1960-an. Jadi, saya merayu pihak Kementerian Kewangan dan KWSP memberi pertimbangan kepada keluhan mereka.

Tuan Pengerusi, walaupun saya ingin memuji usaha pihak KWSP terhadap majikan yang tidak membayar caruman KWSP kepada pekerjaannya, tetapi usaha KWSP kelihatan tidak mencukupi kerana semakin banyak majikan dan syarikat tidak

menunaikan tanggungjawab mereka, malah mereka tidak peduli saman mahkamah yang dikeluarkan oleh KWSP, dan tindakan mahkamah juga agak lambat mungkin kerana banyak kes yang tertimbun di seluruh negara.

Tuan Pengerusi, ini adalah amat tidak adil bagi pihak pekerja terutamanya golongan bawahan. Jadi, saya ingin mencadangkan pihak Kementerian Kewangan supaya meminda undang-undang kita untuk mengenakan denda yang lebih ketat terhadap majikan yang sengaja menghutang caruman KWSP pekerja dengan mengadakan peruntukan yang membenarkan pekerja berkenaan menamatkan perniagaan syarikat majikan mereka, iaitu *wind up* syarikat mereka. Jadi, ini adalah cadangan saya untuk menggesa lebih syarikat menunaikan tanggungjawab mereka.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada Butiran 040000. Saya merasa pihak Kementerian Kewangan kelihatan tiada kuasa terhadap bank kita. Pada tahun lepas ramai Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini telah pun membantah beberapa langkah yang diambil oleh pihak bank khususnya bayaran yang dikenakan terhadap penggunaan mesin ATM, di mana kita terpaksa membayar 50 sen setiap kali sekiranya menggunakan ATM melebihi empat kali dalam satu bulan dan bayaran yang dikenakan terhadap cek tunai dan juga sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya masih ingat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan pada masa itu selepas menghadapi desakan daripada para Ahli Yang Berhormat di Dewan ini, dia pun setuju dengan pandangan kita dia kata, akan mengkaji semula dasar yang diamalkan oleh bank, tetapi kelihatan ini tidak dilakukan langsung. Saya difahamkan juga banyak bank telah mengarahkan pekerja mereka meletakkan jawatan ataupun VSS dan *outsourc*e urusan bank mereka kepada individu ataupun syarikat swasta. Cara *outsourc*e ini telah pun mengakibatkan banyak masalah kepada pelanggan bank, pertama, pekerja *outsourc*e ini adalah amat ketat dan terlalu teliti terhadap cek kita. Cek selalu ditendang keluar kerana masalah yang kecil dan sedikit sahaja.

Kedua, apabila sesuatu cek ditendang keluar oleh pihak bank adalah amat susah bagi kita untuk *trace* penghantar cek tersebut, kerana si penerima cek itu hanya menerima satu notis yang mencatat nama bank dan juga nombor cek sahaja dan cek yang asal, yang ditendang keluar itu tidak dihantar kepada kami. Selain itu kami juga terpaksa membuat bayaran kos kiriman pos tentang notis ini. Ini mengakibatkan banyak masalah kepada pelanggan bank.

Ketiga, cara *outsource* ini kadang-kadang mengakibatkan sesetengah dokumen asal pelanggan itu hilang dan ini mungkin menjejaskan urusan niaga pihak pelanggan dan mengakibatkan banyak masalah kepada pihak pelanggan.

Keempat, cara *outsource* bank ini adalah beruntung kepada pihak bank kerana ia merupakan satu jenis eksploitasi kepada pihak pekerja kerana pihak bank dapat mengelakkan tanggungjawab mereka terhadap manfaat pekerja, di mana mereka tidak perlu bayar caruman KWSP dan SOCSO kepada pekerja tersebut dan ini adalah bercanggah dengan objektif kerajaan yang ingin mendirikan masyarakat penyayang. Jadi, saya minta Kementerian Kewangan mengkaji semula tindakan bank yang *outsource* servis mereka itu.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin bertanya tentang wang yang tak dituntut dalam bank. Saya menerima aduan daripada pengadu yang mana mereka rasa amat susah untuk mendapat balik wang telah pun dimasukkan dalam akaun Wang Yang Tidak Dituntut (*Unclaimed Money*). Jadi, mereka ingin bertanya sama ada *unclaimed money* ini, adakah ia di bawah kuasa Bank Negara ataupun di bawah bidang kuasa bank berkenaan. Juga apakah cara yang paling senang bagi mereka untuk mendapat balik wang yang telah pun dimasukkan ke dalam akaun Wang Yang Tidak Dituntut (*Unclaimed Money*).

Akhir sekali, saya juga ingin menyeru kepada Kementerian Kewangan memandangkan isu Along ini atau kes penipuan dan juga penindasan yang dilakukan oleh Along ini telah pun semakin serius, saya ingin cadangkan supaya Kementerian Kewangan juga boleh mengadakan lebih skim Pinjaman Mikro (*Micro Credit*) tanpa *collateral* kalau boleh untuk memudahkan para peminjam SMI, penjaja dan mereka yang amat memerlukan wang pada tempoh yang singkat dan tertentu. Saya rasa ini adalah cara yang boleh menyelesaikan masalah akar umbi (*root*) yang kes Along ini, kerana saya berpendapat ramai mereka yang meminjam wang daripada Along sebenarnya wang yang ingin dipinjam oleh mereka itu tidak begitu banyak, mungkin beberapa ribu sahaja, RM10,000 atau RM20,000 sahaja. Tetapi kerana mereka rasa sangat susah untuk meminjam wang tersebut daripada bank kerana memerlukan prosedur yang panjang, *collateral* dan juga lain-lain masalah, jadi mereka pun terpaksa meminjam daripada Along.

Jadi, salah satu cara kerajaan boleh menyelesaikan masalah ini adalah menubuhkan lebih sistem mikro kredit seperti apa yang diadakan terhadap wanita dan

juga persatuan wanita sekarang yang saya rasa ini adalah cara yang paling baik untuk menyelesaikan masalah ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sepanggar.

12.50 tgh.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh tiga butiran iaitu Butiran 0600, Butiran 100500 dan Butiran 0800.

Menyentuh dengan Butiran 0600 – Perkhidmatan Kastam, saya ingin menyentuh mengenai Bahagian Penguatkuasaan Kastam di mana sering kali kita diberitahu mengenai seratus satu macam barang penyeludupan yang dapat diberkas oleh pihak Kastam. Masalahnya ialah kita masih lagi dapati banyak kegiatan penyeludupan ini di kalangan rakyat kita lebih-lebih lagi yang menyedihkan kita ialah di mana kita dapat melihat penyeludup-penyeludup ini dari kalangan orang-orang asing yang menyeludup barang-barang seperti rokok dan minuman keras.

Pendatang haram serta pendatang tanpa izin ini menyeludup barang-barang terutama sekali di Sabah amatlah berleluasa sehinggakan kanak-kanak mereka yang berusia 5 tahun pun menjual barang-barang seludup ini. Kegiatan ini sangatlah merumitkan di mana rokok-rokok haram yang dijual daripada Filipina, Indonesia serta Labuan dan minuman keras yang dijual oleh pendatang tanpa izin ini dengan senang dan mudah sekali di seluruh bandar dan pekan di negeri Sabah.

Tentunya ini sangat merumitkan oleh kerana ini juga akan mengakibatkan keselamatan anak-anak ini di mana mereka bersaing sesama sendiri untuk menjual di pekan-pekan sehingga keselamatan mereka diabaikan. Ada yang terlanggar kereta sewaktu berlari menjual rokok-rokok secara haram ini kepada pelanggan-pelanggan.

Walaupun kerajaan telah menaikkan duti import rokok dan arak dengan tujuan untuk mengurangkan perokok atau pun peminum arak ini, di Sabah rakyat tidak menghiraukan duti import ini disebabkan penjualan rokok-rokok dan arak secara haram ini berleluasa.

Tuan Pengerusi, di atas perbuatan orang asing ini untuk menjual barang-barang secara haram ini saya mencadangkan agar pihak Kastam diberi tambahan penguatkuasaan dan alat-alat canggih untuk mencegah penyeludupan ini dari berleluasa di Sabah. Saya juga ingin mencadangkan agar penjual serta pembeli

barang-barang seludup ini dipertingkatkan undang-undang dengan hukuman yang berat.

Tuan Pengerusi, menyentuh dengan Butiran 100500 mengenai sumbangan untuk aktiviti sosial, sukan dan kebajikan di jabatan kerajaan – dengan adanya peruntukan ini saya percaya jabatan kerajaan akan memperolehi alat-alat sukan serta mempertingkatkan aktiviti-aktiviti sosial dan kebajikan. Di Parlimen ini juga, saya rasa sudah sampai masanya kita diperuntukkan kerusi-kerusiurut oleh kerana kalau kita adakan kerusi-kerusiurut ini sekurang-kurangnya semasa rehat kita boleh dapat nikmatnya.

Di Jabatan-jabatan kerajaan, saya rasa haruslah diberikan peralatan sukan agar dapat mempertingkatkan aktiviti sosial di kalangan kakitangan kerajaan. Dengan adanya aktiviti-aktiviti seperti ini, maka kakitangan kerajaan sekurang-kurangnya dapat menangani cabaran-cabaran harian, dapat meredakan tekanan cabaran dan sebaliknya dapat juga mempertingkatkan kesihatan tubuh badan serta sanubari kakitangan yang menjalankan tugas harian dengan sempurna dan bermutu tinggi.

Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 0800 – Lembaga Hasil Dalam Negeri. Dalam rebet dan pelepasan cukai pendapatan individual, dalam pembelian buku sebanyak RM700 dan pembelian komputer pelepasan cukai pendapatan juga dinaikkan daripada RM400 hingga RM500 untuk menggalakkan kemajuan rakyat dalam celik IT. Dengan pelepasan cukai ini tentunya akan menggalakkan bertambahnya pengetahuan individu dalam semua bidang untuk bersaing dalam dunia tanpa sempadan.

Tuan Pengerusi, dengan menonjolkan alat-alat yang canggih dan pada ketika kita juga terpaksa untuk memperolehi ilmu pengetahuan melalui internet, dengan adanya cara e-Journal kita juga dapat mengurangkan buku-buku yang dibeli secara fizikal. Saya berharap dan merayu agar pelepasan pembelian buku-buku ini dapat diselaraskan dengan yuran pembayaran e-Journal.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Rantau Panjang.

12.55 tgh.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan mengambil bahagian sedikit berucap di bawah Kepala 020400, 020600 dan 02044 dan 0200800.

Pertamanya saya ingin mendapat sedikit maklumat daripada pihak kerajaan di bawah Kepala Pusat Maklumat Harta Tanah Negara yang diperuntukkan sebanyak RM5 juta lebih. Saya ingin tahu bolehkah pihak kerajaan bantangkan kepada Ahli Parlimen ini harta-harta kerajaan pusat di negeri-negeri. Umpamanya tanah-tanah Kerajaan Pusat atau Kerajaan Persekutuan ini di setiap negeri di tanah air kita ini untuk kita membuat ukuran berapa banyak tanah kerajaan negeri yang telah diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan dan untuk menafikan atau menidakkan apa yang disebutkan selama ini ada di antara negeri-negeri yang payah ataupun 'liat' untuk memberi kepada Kerajaan Pusat untuk membuat pembangunan.

Kemudian, saya akan pergi kepada perkara di bawah 02044 iaitu Pemberian Perkhidmatan Bagi Negeri-Negeri. Ingin juga saya mengetahui jumlah pemberian yang diberi kepada negeri-negeri seperti mana yang termaktub dalam Perlembagaan iaitu pemberian geran wajib. Kalau boleh saya ingin tahu bagi setiap negeri, negeri manakah yang paling banyak, negeri mana yang paling sedikit dan negeri mana yang dilewat-lewatkan pemberian ini oleh Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri.

Saya ingin tahu juga pemberian di bawah 020800 iaitu pemberian bagi membiayai 50% kos pengurusan jabatan-jabatan negeri di bawah Senarai Bersama Perlembagaan. Di sini saya juga ingin mengetahui jumlah 50% yang diperolehi oleh negeri-negeri termasuk negeri Kelantan – berapa banyak daripada 50% pemberian balik hasil kutipan oleh beberapa jabatan di negeri Kelantan kepada Kerajaan Persekutuan dan pemberian balik 50% tersebut. Kalau boleh negeri-negeri lain juga saya ingin mengetahui pemberian 50% itu, berapa banyak sebenarnya tiap-tiap negeri.

Apa yang saya hendak bandingkan di sini ialah pemberian untuk zon-zon perdagangan bebas ini. Walaupun peruntukannya sedikit saya ingin tahu juga adakah ini termaktub di dalam kawasan zon bebas cukai Rantau Panjang dan Pengkalan Kubur.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, sambung di sebelah petang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, boleh. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dewan bersidang semula.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang hingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat Majlis dalam Jawatankuasa. Yang Berhormat bagi kawasan Rantau Panjang ada lima minit lagi. Sila sambung.

.2.32 ptg.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi, saya berhenti setakat ingin mendapatkan kepastian berapa banyak pemberian bagi membiayai pengurusan jabatan-jabatan kerajaan negeri, iaitu sebanyak 50% yang diberikan oleh Kerajaan Pusat kepada kerajaan negeri.

Apa yang hendak saya sebutkan lagi ialah di bawah Kepala 040200 – Kehilangan Barang-barang dan Wang Kerajaan. Saya sungguh terkejut apabila dimaklumkan kehilangan barang-barang ini terlalu banyak di akhir-akhir ini. Oleh yang demikian, saya ingin tahu sejauh mana pengawalan kerajaan terhadap barang-barang yang hilang di pejabat-pejabat ini termasuk di bangunan Parlimen ini.

Saya dimaklumkan di Parlimen ini juga pernah kehilangan komputer. Saya tidak tahu bagaimana pengawalan yang dilakukan oleh kakitangan Parlimen ini sehingga komputer Parlimen sendiri pun boleh hilang. Apatah lagi di jabatan-jabatan yang lain, yang tidak mempunyai pengawalan yang ketat seperti di Parlimen ini. Parlimen ini sudah ada dengan PGA dan sebagainya di sini.

Kepala 040400 – Hapus Kira Pinjaman. Saya ingin tahu hapus kira pinjaman ini, hapus kira pinjaman ini dalam betuk mana yang diambil kira oleh kerajaan untuk

dihapus kira. Adakah pinjaman-pinjaman kerajaan ataupun pinjaman individu terutama sekali pinjaman daripada ahli-ahli UMNO, pemimpin-pemimpin UMNO sentiasa meminjam duit di bank-bank kemudian di satu-satu tahap atau satu-satu masa, kerajaan menghapus kira pinjaman tersebut sebagaimana berlaku di beberapa tahun yang silam.

Adakah RM50,000 yang diperuntukkan di sini juga termasuk pinjaman-pinjaman daripada pemimpin ataupun ahli-ahli UMNO yang telah menjadi buah mulut kepada rakyat sekarang ini?

Seterusnya ialah 150000 – Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin. Saya dimaklumkan bahawa banyak penipuan berlaku. Tabung Amanah Pelajar Miskin ini tidak terjatuh semuanya ke tangan pelajar-pelajar miskin, tetapi ada juga di antara anak-anak orang kaya, anak-anak orang besar, khususnya pemimpin-pemimpin yang cuba menipu untuk mendapatkan wang daripada amanah ini. Biasanya kalau bapa itu seorang yang bergaji besar atau tinggi ataupun pangkat tinggi, mereka tidak menggunakan bapa tetapi menggunakan penjaga. Penjaga itu diambil daripada kalangan datuk atau yang tua, yang telah mempunyai pekerjaan dijadikan penjaga kepada anak mereka dan menyebabkan mereka ini mendapat pinjaman atau biasiswa daripada Tabung Amanah Rakyat Termiskin ini.

Ini satu penipuan besar dan saya harap pihak-pihak kerajaan cuba *check* balik perkara ini. Saya dimaklumkan memang ada terdapat rungutan daripada kalangan rakyat khususnya pelajar-pelajar sendiri yang mengatakan kawan-kawan beliau belajar bersama anak orang besar, anak orang kaya, dapat wang daripada tabung ini. Sedangkan beliau sendiri anak orang miskin tidak dapat. Bila ditanya, anak itu sendiri memberitahu bahawa bapanya cuba menipu kerajaan dengan meletakkan beliau ini di bawah penjagaan datuknya yang berada di kampung – ini selalu berlaku. Saya minta pihak kerajaan mengambil tindakan serius supaya perkara ini tidak akan berlaku berterusan.

Kemudian, saya hendak sebut berkenaan dengan pejabat dan rumah kediaman Kastam. Saya ingin tahu adakah kerajaan telah selesai dalam menguruskan ataupun perbincangan terhadap Kuarters Kastam Rantau Panjang iaitu yang berada di Mukim Guandring di Gual Periuk, Rantau Panjang, Kelantan. Kalau tidak silap saya, perkara ini telah berlaku berlarutan sejak 10 tahun lalu. Pihak kerajaan ditipu oleh seorang

bekas pemimpin Wanita UMNO negeri Kerajaan, seorang pemaju perumahan dan perkara ini telah pun dibawa ke mahkamah berlarutan sehingga sekarang ini.

Saya ingin mengetahui sejauh manakah perkara ini sama ada telah selesai ataupun belum selesai. Kalau belum selesai, bilakah kerajaan akan mengatasi perkara-perkara seperti ini, dan saya berharap di lain kali pihak pengurusan jabatan-jabatan ini hendaklah berhati-hati dengan pemimpin UMNO ini, walaupun wanita sentiasa berlaku perkara-perkara yang tidak diingini di dalam masyarakat kita sekarang ini.

Akhir sekali ialah saya hendak sebutkan berkenaan dengan sistem perakaunan berkomputer standard untuk negeri-negeri ini (RM80 juta), apakah ini telah diedarkan termasuk negeri Kelantan yang telah didiskriminasikan begitu lama oleh Kerajaan Persekutuan. Kalau ada, berapakah peruntukan yang telah diagihkan kepada jabatan-jabatan di negeri Kelantan untuk melicinkan perjalanan jabatan-jabatan supaya standard dengan negeri-negeri lain yang berada di Malaysia sekarang ini.

Saya harap apa yang saya sebutkan ini mendapat jawapan daripada menteri dengan tidak perlu memberi notis lagi, kerana apa yang telah saya sebutkan tadi adalah perkara yang mudah atau perkara-perkara yang boleh disemak oleh pegawai-pegawai kerajaan terutama sekali apa yang telah saya sebutkan tiga perkara tadi, iaitu sebelum rehat tadi, masa ada dua jam setengah yang membolehkan pegawai-pegawai kerajaan mengambil maklumat yang terperinci terutama sekali tentang apa telah disebutkan tadi, iaitu agihan kepada kerajaan negeri 50% daripada pengurusan jabatan yang memungut hasil daripada kerajaan negeri seperti Jabatan Kastam, Jabatan Hasil Dalam Negeri, JPJ, Jabatan Kerja Raya dan beberapa agensi-agensi yang lain atau jabatan-jabatan yang lain, yang kerja memungut cukai dan menghantar kepada Kerajaan Persekutuan.

Saya ingin tahu berapa yang diagih balik, bukan sahaja di Kelantan tetapi semua negeri supaya kita dapat bandingkan berapa banyak hasil dikutip oleh jabatan yang berada di negeri-negeri itu dihantar kepada Kerajaan Persekutuan dan berapa banyak pula diagih-agihkan balik sebanyak 50% sebagaimana yang disebutkan di dalam buku ini.

Perkara ini saya rasa cukup penting dan kalau boleh dapat pula seperti mana yang disebutkan oleh sahabat saya Yang Berhormat bagi Tumpat tadi. Pada hari ini juga kita ingin mendapatkan penjelasan daripada menteri, berapa negerikah yang

mengalami keadaan yang sama dengan negeri Kelantan ini, iaitu diskriminasi yang berterusan, di mana kerajaan Kelantan terpaksa menghadapi satu tekanan kewangan yang teruk apabila geran wajib yang telah dilambat-lambatkan oleh Kerajaan Persekutuan dihantar kepada Kerajaan Negeri Kelantan.

Mengikut jadual seperti mana yang disebutkan di sini tidak ada sekali pun selama 14 tahun berturut-turut di bawah pemerintahan Kerajaan PAS di Kelantan ini yang diberi mengikut jadual, yang telah dipersetujui bersama oleh Kerajaan Persekutuan untuk disampaikan kepada Kerajaan Negeri Kelantan. Ini perkara-perkara yang saya rasa penting untuk saya mendapat maklumat pada hari ini juga. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Seng: *[Bangun]*

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: *[Bangun]*

Datuk Ronald Kiandee: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada tiga lagi. Bintulu sila.

2.39 ptg

Dato' Seri Tiong King Sehingga [Bintulu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Izinkan saya menyentuh isu berkenaan Lembaga Hasil Dalam Negeri mengikut Butiran 080000 – Kementerian Kewangan. Saya suka menarik perhatian Dewan yang mulia ini mengenai satu isu yang amat hangat sekarang dan yang berkait rapat dengan masyarakat Cina di negara kita.

Apabila Jabatan Hasil Dalam Negeri membuat keputusan supaya semua pihak termasuk persatuan-persatuan yang dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan tanah perkuburan Cina, dikenakan cukai. Isu ini telah banyak diperkatakan oleh masyarakat Cina mengapa kerajaan Barisan Nasional begitu tidak adil dan prihatin.

Sepanjang pengetahuan saya, persatuan-persatuan yang mengendalikan kerja-kerja amal dan sosial di tanah perkuburan yang hanya menyediakan tapak kubur dan menjaga kebersihan di tanah perkuburan bagi masyarakat Cina. Kerja-kerja ini adalah bercorak sukarela, tidak berorientasikan keuntungan. Dari masa ke masa persatuan-persatuan juga harus mengutip derma dari masyarakat Cina sebab wang daripada penjualan tapak perkuburan memang tidak mencukupi untuk menampung kos kebersihan dan penyelenggaraan tanah perkuburan.

Apakah kerja-kerja sosial atau amal ini juga dikenakan cukai keuntungan, tambahan pula bagi orang-orang miskin mereka tidak perlu bayar satu sen pun jika hendak dapat tapak perkuburan dan bagi keluarga yang mampu membeli tapak perkuburan mereka telah pun dikenakan cukai oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri, adakah adil dan suka sama kerajaan begitu tamak hingga mengenakan cukai dua kali, kita mesti mahu faham dalam dunia ini, kalau orang kaya katakan kaum Cina, dia memang tidak kubur ini tempat 'orang tasi' punya, memanglah dia kubur dalam itu orang kaya punya tempat contohnya itu macam itu Kubur Nilai.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kubur Nilai, mana?

Dato' Seri Tiong King Siang: Kubur Nilai, dekat Nilai, sana pun ada satu atau Semenyih sana pun ada satu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: *[Menyebut perkataan dalam bahasa Cina]*

Dato' Seri Tiong King Siang: Cina kata *[Bercakap dalam bahasa Cina]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu kena bayarlah.

Dato' Seri Tiong King Siang: Itu mesti kena bayar, itu satu kuburan satu lubang pun RM50 ribu pun ada. Ha itulah kalau itu meniaga kuburan punya itu syarikat kalau dia ada untung kitalah boleh *tax* sama dia tidak ada masalah. Itu 'orang tasi' punya, orang miskin punya janganlah kita minta dia *tax*, kalau bolehlah ingat, kalau tidak kita cadang satu itu orang sudah, siapa sudah duduk itu kuburan, kita setahun minta dia bangun sekali, bayar cukai dulu, masuk balik semua *[Ketawa]*, ha, kalau kita tidak boleh selesai itu sahaja kita boleh selesai *[Ketawa]*, haa kalau tidak nanti lama-lama kita tidak ada wang boleh bayar itu cukai, nanti lama-lama itu orang duduk kuburan kena buli kena buang, sama juga.

Seorang Ahli: Miskin punya berapa.

Dato' Seri Tiong King Siang: Miskin punya kubur kadang-kadang RM2 ribu, kadang-kadang *free*, kalau orang tidak mampu memanglah *free*, *[Disampuk]* itu mana ada untung, ini kita ini termasuk Tuan Pengerusi, kita mesti mahu ingat....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ehhh...apa-apasaya *[Ketawa]*.

Dato' Seri Tiong King Siang: Kalau kecoh kita miskin tidak ada kuburan itu termasuk, nanti kita punya mayat nanti masuk sungai sahajalah kasi hangus sahajalah, kasi buaya makan *[Ketawa]*.

Tuan Pengerusi, saya difahamkan bagi tanah perkuburan masyarakat Melayu, masalah ini tidak wujud langsung, masyarakat diberikan tanah perkuburan oleh pihak kerajaan sedar, mungkin diberikan geran dan ada juga yang mewakafkan tanah mereka untuk dijadikan tapak perkuburan. Saya menyokong cara dan sistem ini. Tetapi apa sebab kerajaan tidak dapat bantu masyarakat lain untuk menyelesaikan isu mengenai ini cukai tersebut.

Yang Berhormat Timbalan Menteri ataupun Menteri-menteri keturunan Cina mungkin dia sudah duduk lama di dalam ini Kabinet, dia sudah terlupa satu hari dia masa tiba, dia pun mahu pakai juga ini tempat, kalau kaya tidak apalah, kalau miskin kalau kita tidak mahu bantu diselesaikan ini masalah, nanti satu hari kita mana pergi cari ini tempat, empat kaki kali lapan kaki panjang, kali lagi enam kaki dalam, mana lagi dapat ini. Ini juga termasuk Tuan Pengerusi, juga *[Ketawa]*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat jangan ini macam, saya beri peluang untuk Yang Berhormat ucap.

Dato' Seri Tiong King Siang: Kalau Tuan Pengerusi mampu bayar itu...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya mungkin tidak mahu mati *[Ketawa]*.

Dato' Seri Tiong King Siang: Ini baguslah. Jadi saya berharaplah isu ini jika tidak dapat diselesaikan dengan cepat dan secara yang memuaskan ianya akan menjadi satu masalah yang sensitif dan saya berharap pihak pembangkang tidak akan ambil kesempatan. Saya berharap jika menteri-menteri, timbalan-timbalan dan Ahli-ahli Parlimen keturunan Cina mestilah berani berhadapan dengan isu ini, janganlah kita fikir ini barang sensitif, kita tidak mahu disentuh, kita mesti mahu ingat dalam pilihan raya kita ada janji apa masalah kalau untuk orang awam kita akan pertahankan.

Kalau ini untuk kita punya orang awam kita semua menteri-menteri, timbalan-timbalan dan Ahli-ahli Parlimen keturunan Cina tidak berani berdiri di depan, saya ingat pilihan raya akan datang - ini hari banyak Cina tidak ada ini termasuk ini Kedah punya Alor Setar ke ini, sama ini Tuan Pengerusi pun *next term* saya ingat kita semua sudah kena buang, tidak masuk Dewan yang mulia ini lagilah. *[Ketawa]* Itu termasuk juga menteri jugalah memang...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Adakah termasuk Bintulu?

Dato' Seri Tiong King Siang: Mesti masuk, mesti kita sekali gus punya semua, fasal Cina sudah marah, kita Cina. Saya haraplah fasal perkuburan punya fasal nanti kita semua masuk kubur, satu kali semua. Saya haraplah kita boleh berani berhadapan dengan isu ini, masyarakat Cina tidak mempunyai pilihan lain kecuali merayu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membantu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Rantau Panjang bangun.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Sekejap, sekejap saya mahu tolong, saya mahu tolong.

Dato' Seri Tiong King Siang: Tidak apalah, ini Cina punya fasal.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tidak apa, tidak apa.

Dato' Seri Tiong King Siang: Cina punya fasal you tidak payah bahaslah.

[Ketawa]

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Sikit saja, sikit sahaja.

Dato' Seri Tiong King Siang: Kita sekarang Cina punya masalah kita selesai, haa kalau kita masalah....

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Satu minit sahaja.

Dato' Seri Tiong King Siang: Kita masalah mana kita fikir Barisan Nasional, ada silap kita selesai sendiri.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Satu.

Dato' Seri Tiong King Siang: Itu tahun depan itu pilihan raya akan datang ini Dewan yang mulia ini tidak ada pembangkang sudah.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Mahu tolong, mahu tolong.

Dato' Seri Tiong King Siang: Kita selesai sendiri tidak payah, tidak payah
[Ketawa].

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Rantau Panjang duduklah. *[Ketawa].*

Dato' Seri Tiong King Siang: Kepada Yang Berhormat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membantu kalau perlembagaan tidak membenarkan, Menteri Kewangan ataupun Menteri-menteri Kabinet membuat keputusan berkenaan isu saya mencadangkan agar satu rang undang-undang daripada Kementerian Kewangan berkenaan isu ini di bawa ke Dewan yang mulia ini untuk dibahasakan dan diluluskan. Saya haraplah ini akan satu keputusan yang positif yang dapat dicapai. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Beluran.

14.48 ptg.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh perkara perkhidmatan kewangan yang juga menyentuh tentang pengurusan perbelanjaan. Kita melihat kerajaan mengambil beberapa langkah untuk urusan kewangan dan juga pelaksanaan projek dilaksanakan dengan baik di negara ini dan kalau kita lihat daripada sistem konsultan daripada sistem payung daripada sistem tender tertutup, tender terbuka dan yang akhir sekali kita lihat kerajaan pada ketika ini sedang melaksanakan sistem tender untuk semua jenis projek termasuklah projek-projek kecil di luar bandar dan kita melihat matlamat dan juga tujuannya adalah baik untuk mengurus kewangan kerajaan itu dengan cekap dan juga berkesan kerana kita melihat banyak perkara yang telah dibangkitkan di Parlimen ini sahaja tentang pelaksanaan projek-projek yang tidak lengkap tidak siap dan tidak mengikut seperti yang dijangkakan oleh kerajaan.

Dan kita melihat apabila kerajaan memutuskan untuk mengadakan sistem tender bagi semua projek, sama ada projek yang kecil ataupun yang besar, sama ada yang bernilai RM20,000 ke atas ataupun berjuta nilainya, kita melihat sesungguhnya sistem pengurusan kewangan itu dijalankan dengan baik. Kalau dulu beberapa projek yang seharusnya memakan belanja yang begitu besar dengan sistem yang ada, kita melihat kos sesuatu projek itu dapat dikurangkan dengan sistem yang baru ini.

Tetapi masalah yang nyata sekarang ini, di kawasan luar bandar terutamanya, apabila sistem ini diguna pakai oleh kerajaan, terutama dalam pelaksanaan projek-projek bagi tahun kewangan 2004, kita melihat *take-off periodnya* terlalu lambat dan berpuluh projek di kawasan saya, umpamanya bagi projek jalan kampung yang kita telah senaraikan, diluluskan oleh kerajaan termasuk lebih dari 20 batang jalan kampung yang harus dinaiktarafkan oleh kerajaan pada tahun 2004 tetapi disebabkan oleh pendekatan baru kerajaan dengan menggunakan sistem tender bagi setiap projek walaupun bernilai RM20,000, RM21,000 dan sebagainya, *take-offnya* itu terlalu lambat.

Setakat ini di kawasan saya umpamanya, 22 batang projek jalan raya yang diluluskan di mana cuma tender yang dikeluarkan, yang diluluskan, dibuka dan diluluskan oleh kerajaan, oleh pihak agensi pelaksanaanya cuma untuk tiga batang jalan

raya. Kita lihat sekarang sudah bulan Oktober dan cuma tinggal dua bulan sahaja lagi sebelum tahun kewangan akan ditutup, dan saya tidak yakin, Tuan Pengerusi, pendekatan ini akan membantu kerajaan melaksanakan projek dari segi *takeoff periodnya*, dari segi kecepatannya dan juga dari segi kualiti projek yang akan dijalankan pada penghujung tahun yang biasanya adalah musim tengkujuh, musim hujan yang akan banyak mendatangkan masalah.

Saya melihat bahawa Perdana Menteri telah menegur perkara ini. Beliau menggunakan istilah "*Christmas shopping*" yang harus dielakkan oleh kerajaan dalam melaksanakan projek-projek bagi rakyat. Kita melihat istilah "*Christmas shopping*" ini bukan sahaja berlaku pada tahun 2004 malah ia telah berlaku sekian lama dalam melaksanakan projek-projek pembangunan kerajaan. Saya melihat bahawa kerajaan harus meneliti pelaksanaan projek-projek ini, sama ada di bawah Konsep Payung ataupun konsep tender terbuka, tender tertutup, ia harus dilaksanakan lebih segera bukan sahaja urusan kewangan yang harus diambil kira oleh kerajaan tetapi dari segi pelaksanaan projek, kualiti projek, penyiapan projek oleh pihak kontraktor harus juga diambil kira oleh kerajaan. Dalam konteks inilah maka saya katakan bahawa pelaksanaan projek-projek kecil luar bandar ini harus dilihat secara terperinci, sama ada sesuai atau tidak dilaksanakan secara tender terbuka, walaupun ia melibatkan kontraktor-kontraktor kelas 'F' tetapi dari segi pelaksanaannya, ia mengambil masa.

Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya dengan pegawai kerajaan mengapa perkara ini berlaku dan sebahagian besar daripada mereka mengatakan bahawa Kementerian Kewangan, soalnya adalah disebabkan oleh Kementerian Kewangan yang lambat mengeluarkan waran-waran untuk pelaksanaan projek-projek ini. Itu yang pertama. Yang keduanya adalah disebabkan oleh kekurangan kakitangan di agensi-agensi yang melaksanakan projek ini. Di Sabah umpamanya, pihak Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah (JPPS) diberi tugas untuk melaksanakan projek-projek kecil luar bandar. Ini termasuklah projek-projek yang ditender bernilai RM20,000 ke atas, yang ditender oleh kerajaan dan disebabkan oleh kekurangan kakitangan, maka soal penyiapan skop kerja, soal pemantauan

Datuk Bung Moktar bin Radin: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kinabatangan, hendak minta penjelasan atau baru masuk?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Minta penjelasan.

Datuk Ronald Kiandee: Okey. Sila, sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ya, Yang Berhormat, saya rasa masalah ini dikongsi bersama dengan Yang Berhormat bagi Beluran dan Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Sabah yang lain dan juga di seluruh Parlimen ini.

Pada satu ketika Kementerian Kewangan mengambil keputusan bahawa projek-projek yang dilaksanakan oleh kontraktor kelas 'F' tidak perlu ditender, cuma dipanggil sebut harga tetapi keputusan kerajaan baru-baru ini nampaknya berbeza sedikit yang mana ia amat membebankan kontraktor-kontraktor kelas 'F' di mana projek kecil pun dibuka secara *open tender* (tender terbuka). Jadi apakah Yang Berhormat meminta Kementerian Kewangan mengkaji keputusan ini sebab ia membebankan wakil-wakil rakyat dan juga kontraktor-kontraktor kecil ini di mana wakil rakyat sering ditemui oleh kontraktor ini bahawa mereka menghadapi masalah berhubung dengan tender terbuka ini. Kalau berpuluh-puluh tahun yang lalu tidak ditenderkan tetapi kenapa sesudah Kerajaan Barisan Nasional menang besar, dia ditenderkan pula. Terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Sing: Ini termasuk Sarawak juga. *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Datuk Ronald Kiandee: Sistemnya bagus, Tuan Pengerusi, tetapi pelaksanaannya tentu dengan alasan yang begitu – lambat melaksanakan kerja sehingga hujung tahun baru tender dapat diselesaikan. Itu pun sebahagian kecil yang dapat diselesaikan manakala sebahagian besar daripada projek-projek kerajaan yang ditender ini masih belum siap skop kerjanya, masih belum ditetapkan harga penilaian oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan yang ada di Sabah dan masih tidak lengkap kerana tender itu belum boleh dibuka.

Kalau kita lihat masalah ini, masalah waran lambat, masalah penyediaan skop kerja yang lambat, maka kita merayu ... saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kinabatangan, bahawa kerajaan harus menilai kerana di sini kita harus menilai sama ada urusan kewangan itu sahaja harus dinilai oleh kerajaan untuk mendapatkan kontrak yang sesuai dengan harganya ataupun kerajaan juga harus menilai dari segi pelaksanaan projek yang *diintended*, yang hendak dilaksanakan oleh kerajaan dan ini melibatkan kawasan-kawasan di Beluran yang merupakan kawasan yang terlibat, yang

dibebani oleh pendekatan kerajaan yang baru ini. Saya mohon agar kerajaan, pertamanya, mengkaji sistem ini, sama ada ada kelonggaran, sama ada ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Putatan bangun.

Datuk Ronald Kiandee: Okey, sila.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat bagi Beluran, ada di tempat saya, dalam tangan saya ini surat memanggil sebut harga daripada satu jabatan kerajaan di negeri Sabah bertarikh 17 September dan dikirimkan pada 21 September yang menyatakan tarikh tutup sebut harga itu pada 24 September. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa perkara seperti ini juga harus berlaku di Sabah.

Datuk Ronald Kiandee: Memang perkara begitu berlaku, di kawasan juga berlaku, maka kerana itu saya katakan bahawa kerajaan harus menilai. Saya ingin cadangkan agar nilai projek, terutamanya projek-projek luar bandar, katakan bernilai RM200,000 ke bawah ataupun RM100,000 ke bawah untuk jalan-jalan kampung, harus disemak betul-betul sama ada tender terbuka ini perlu kita *imposekan* terhadap projek-projek kecil luar bandar dari segi *urgencynya*, dari segi kecepatannya, dari segi pelaksanaannya secara berkualiti.

Tuan Pengerusi, saya yakin beberapa batang jalan yang ada di kawasan saya, di kawasan Putatan, di kawasan Kinabatangan, tidak akan mampu dilaksanakan oleh agensi pelaksana – Jabatan Pembangunan Persekutuan yang ada sekarang ini dengan sistem yang ada dalam baki tempoh dua bulan yang ada sekarang ini sebelum habis tempoh tahun kewangan tahun 2004.

Tuan Pengerusi, saya inginkan penjelasan dan juga inginkan pendekatan, kajian oleh kementerian agar projek-projek luar bandar ini akan dapat dilaksanakan dengan baik. Tuan Pengerusi, salah satu daripadanya ialah untuk mengkaji pendekatan baru kerajaan, terutama projek-projek kecil di luar bandar.

Saya juga ingin menyokong seruan daripada Ahli Yang Berhormat bagi Sepanggar agar Jabatan Kastam dan Eksais diperlengkapkan dengan kakitangan yang mencukupi dan unit penguatkuasaannya dilengkapi dengan kemudahan penguatkuasaan yang benar-benar mencukupi untuk memastikan bahawa *tax* daripada jualan barang-barang yang diimport, barang-barang yang ditegah masuk dan barang-barang yang sepatutnya dikenakan cukai ketika memasuki negara kita ini akan dapat

dicukai, ditax dan juga dikuatkuasakan undang-undang yang ada agar Jabatan Kastam akan dapat memberi sumbangan yang sebaik-baiknya kepada negara dari segi *tax*.

Saya pada keseluruhannya menyokong rang undang-undang ini.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

2.59 ptg.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan perkara di bawah Butiran 060300 dan 060200 di bawah Perkhidmatan Kastam dan Operasi Kastam.

Kerajaan telah menginginkan satu masyarakat yang sihat dan gaya hidup yang sihat dan telah sekali lagi menaikkan cukai ke atas rokok dan minuman keras. Perkara ini adalah diminta oleh mereka yang berminat dan terlibat dengan perniagaan agar membangkitkan perkara ini di dalam Dewan ini.

Saya ingin merujuk kepada Kod Tarif 2402 - 10000, 2402 – 20900 berkenaan *Cigar*, Cerut *Containing Tobacco*. *Cigarettes containing Tobacco* bermakna rokok yang mengandungi tembakau. Selain daripada *cigarettes* seperti yang dinyatakan dalam Kod 2402 - 10000 itu yang juga mengandungi tembakau, mengapakah mereka tidak bertanya, kenapakah duti import dan duti eksais yang dikenakan adalah berbeza. Sebelum ini, sebelum penguatkuasaan kenaikan cukai ini, pengiraan cukai adalah sama bagi kedua-dua jenis rokok ini.

Perkara kedua ialah mengapakah pengiraan pengutipan jumlah cukai yang dikenakan adalah secara pengiraan sebatang demi sebatang. Sebagaimana tadi saya nyatakan ada *Cigarette Containing Tobacco*, Kod 2402 - 20900 di mana duti eksais yang akan dikenakan adalah mengikut batang duti import juga, di mana 20 sen sebatang. Konsumer minta saya tanya. Kalau pengilang, pembuat rokok ini, mereka boleh lari daripada membayar cukai yang banyak, mereka akan menghasilkan rokok yang lebih pendek, sebab di dalam bajet ini tidak dinyatakan berapa panjang rokok tersebut. Pertama, dalam perkara ini konsumer akan rugi.

Yang kedua ialah jika pengilang atau *manufactures* rokok ini, ia ingin mengelak daripada bayaran cukai yang lebih banyak, ia akan menghasilkan rokok yang lebih

panjang. Lebih panjang. Sebab yang akan dikenakan duti import dan duti eksais adalah berdasarkan batang dan bukan berapa panjang. Jadi, mereka ingin tahu apakah – kalau macam itu hasrat kerajaan untuk sebuah masyarakat yang sihat, gaya hidup yang sihat akan gagal. Sebab masih akan berterusan orang membeli, sebab harganya, walaupun telah naik tetapi mereka dapat menghisap rokok yang lebih panjang.

Tuan Pengerusi, faham? Jadi,.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya tidak berapa faham. *[Ketawa]*

Cik Fong Po Kuan: Jadi, yang merokoklah, *[Ketawa]* yang merokok amat prihatin perkara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya tidak faham. *[Ketawa]*

Cik Fong Po Kuan: Tidak faham? Nanti saya akan ulang di luar Dewan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik. *[Ketawa]*

Cik Fong Po Kuan: Jadi, ini membuat satu *loophole*, membenarkan *manufacturer*, mengelak membayar duti yang lebih tinggi.

Yang kedua, juga konsumer tidak terpelihara, kalau dia menghasilkan rokok yang lebih pendek. Sebab pengutipan pengenaan cukai ini adalah mengikut batang dan bukan beratnya yang sebelum ini adalah mengikut berapa beratnya tembakau ini atau rokok ini. Ini perkara yang saya bangkitkan berkenaan dengan rokok.

Seterusnya berkenaan Jabatan Kastam. Saya telah banyak kali bangkitkan dalam Dewan berkenaan pengimportan bahan-bahan sisa industri dari Taiwan yang sebelum ini, yang telah memalukan negara ini dan sehingga kini masih tidak ada tindakan. Jadi, saya ingin tahu apakah masalah yang dihadapi dalam Jabatan Kastam ini sehingga di mana bahan-bahan sisa industri, lebih kurang 12,000 tan terlepas daripada pemeriksaan kastam. Tidak tahu apakah pegawai kita kurang latihan, pengetahuan berkenaan apakah bahan-bahan sisa toksik yang tidak dibenarkan dibawa masuk ke dalam negara kita. Perkara satu.

Perkara kedua adalah apakah kita mempunyai *equipment* yang mencukupi dan pegawai yang mencukupi bagi mengesan bahan-bahan sisa toksik, di mana ada negara-negara membangun atau *develop countries* cuba membawa masuk ke negara ini. Bahan-bahan ini menjadikan negara kita tempat pembuangan sisa-sisa toksik ini.

Jadi, saya ingin tahu, kalau Jabatan Kastam, pegawai kita tidak cukup latihan, saya harap kerajaan ambil perhatian berkenaan perkara ini. Beri mereka latihan yang secukupnya, jadi mereka boleh menjalankan tugas mereka dengan baik.

Perkara ketiga ialah *unclaimed money* yang telah dibangkitkan sebelum ini oleh Yang Berhormat bagi Seputeh. Saya terima satu aduan daripada penghuni kawasan saya. Dia bawa surat, dia tunjuk, dia kata saya terima surat ini, apabila saya baca dalam surat itu, adalah dari sebuah syarikat menyatakan bahawa pengundi saya itu, dia mempunyai wang yang masih tidak dituntut dan meminta dia menghubungi pihak syarikat tersebut. Apabila saya menghubungi syarikat tersebut, saya tanya apa wang itu, dari bank atau di bawah aset di mana ia tidak dituntut bawah bank mana?

Syarikat itu tidak memberi maklumat. Dia kata, "Hendak saya bantu, boleh tetapi kena bayar dahulu, lepas itu saya akan tolong untuk dapatkan wang yang tidak dituntut ini". Jadi, saya pohon kerajaan, kita ambil langkah yang lebih proaktif agar kementerian menulis kepada mereka yang mempunyai wang yang masih tidak dituntut secara terus. Ini maklumat dalaman, boleh diperolehi oleh syarikat-syarikat. Jadi, dengan secara tidak langsung mereka mengaut keuntungan. Mengapakah kementerian tidak proaktif, *return what is due to them*, dengan mengambil langkah yang lebih proaktif.

Itu sahaja yang saya ingin bangkitkan. Saya pohon jawapan diberi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pendang.

3.06 ptg.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya hendak berbicara tentang B.10 - 04400 – Institusi-institusi Kewangan. Sebagaimana yang kita ketahui sebenarnya kerajaan telah meletakkan satu sistem kewangan ataupun Perbankan Islam. Sesuai dengan ayat Allah S.W.T. [*Membaca ayat Al-Quran*] Ayat itu, berkenaan dengan penubuhan Bank Islam. Sejak penubuhan Bank Islam, maknanya kita telah mempunyai satu alternatif untuk mengadakan sistem kewangan secara Islam dan kami di pihak PAS, alhamdulillah telah menggunakan ini dengan seluas-luasnya.

Apa yang menjadi masalah dan juga keluhan daripada rakyat adalah sistem yang dibuat oleh Bank Islam ini nampaknya bukan sekadar memberi satu sistem yang

halal, tetapi satu sistem yang agak menindas pengguna. [*Membaca ayat Al-Quran*] Tidak dilaksanakan dengan sepenuhnya. Sepatutnya dengan sistem Islam yang ada dalam Bank Islam ataupun sistem kewangan yang lain, kita boleh menggunakan dengan jalan yang baik, dengan tidak menindas pengguna, tetapi apabila kita membuat pinjaman nampaknya ia lebih teruk kita kena bayar berbanding dengan sistem kewangan daripada bank-bank yang konvensional yang tidak *Islamic*.

Saya hendak beri contoh tentang pinjaman Murabahah, kita buat pinjaman selama 6 bulan, mesti bayar habis pinjaman tersebut ditambah dengan faedah ataupun keuntungan yang dikenakan sebanyak 1% sebulan. Maksudnya kita terpaksa langsaikan dalam masa 6 bulan pinjaman tersebut. Begitu juga dengan pinjaman perumahan, misalnya, kalau kita pinjam, contohnya RM70 ribu, kita terpaksa bayar, mungkin sampai kepada RM140 ribu untuk menamatkan atau melangsaikan jumlah pinjaman kita.

Apabila kita tanya dengan bank, mereka mengatakan, memanglah kalau kita hendak ayam yang halal, kena bayar duit yang lebih. Kita rasa ini satu kaedah atau alasan yang tidak sepatutnya diberikan dalam sistem kewangan yang kita hendak menolong rakyat .

Berkenaan institusi kewangan juga. Saya ingin menyentuh tentang masalah baru yang diwujudkan oleh bank-bank iaitu *cek*. *Cek* yang berpaling, apabila kita hendak *cash*, kita *initial* di situ, orang yang hendak *cashkan* itu terpaksa kena bayar RM2. Jadi, saya rasa kalaulah perkara ini berterusan, maksudnya kerajaan tidak memberikan satu kelonggaran ataupun institusi kewangan tidak memberikan satu kebebasan kepada rakyat untuk mengeluarkan, menggunakan ceknya sendiri;

Berhubung dengan kad ATM. Ini juga menjadi rungutan kepada rakyat berhubung dengan pengeluaran, had pengeluaran sesuatu hari hanya setakat RM2,000 kadang-kadang sampai ke RM3,000. Apakah masalahnya? Jika sekiranya dibiarkan sejumlah wang lebih daripada RM2,000 ataupun RM3,000 dikeluarkan dalam masa sehari dan tidak dihadkan kepada empat kali ataupun lima kali sebulan. Ini wang mereka, kad ini adalah kad mereka. Alasan yang diberikan adalah takut-takut kad ini jatuh kepada tangan orang lain dan dikeluarkan wang. Kalau sekiranya dia tidak pandai jaga kad, maksudnya tidak payahlah beri kad pada dia. Itu masalah ketiga.

Seterusnya saya hendak menyentuh berhubung B.12, 150000 - Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin berjumlah RM200 juta. Kita rasa ini merupakan satu

perkara yang perlu diberi perhatian oleh kerajaan kerana kita dapati banyak kawasan-kawasan yang terpencil, misalnya di Kedah, Baling, Sik, Padang Terap ada di kalangan pelajar-pelajar yang tidak dapat bersekolah disebabkan oleh keluarga mereka miskin. Bukan setakat bantuan buku teks perlu diberikan, tetapi juga bantuan makanan dan juga pakaian harian untuk ke sekolah, bahkan ada di antara mereka yang terpaksa menggunakan kasut-kasut yang telah di *recycle* semula untuk pergi ke sekolah.

Dengan harapan bahawasanya bantuan rakyat miskin ini dapat diberikan secara telus, secara tidak ada pilih kasih, kerana kita dapati sekarang ini ada kalangan yang tidak dapat bantuan ini disebabkan oleh masalah misalnya politik ataupun masalah birokrasi yang lain. Jadi, kita rasa..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Hendak beri *point*.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Boleh rakan. Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Pendang. Saya tertarik dengan Yang Berhormat kata pemberian *one-off* bantuan kepada pelajar-pelajar miskin. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa sebenarnya politik tidak terlibat kerana pemberian ini adalah di atas pengurusan guru besar dan guru-guru sekolah itu sendiri. Cuma orang politik kadang-kadang parti memerintah, hari hendak memberi bantuan itu kita ada di situ, memberi satu jaminan kekuatan kepada orang miskin bahawa kerajaan sentiasa berada bersama dengan mereka.

Jadi, macam dalam kawasan Parlimen saya, saya tidak kira sama ada dia itu ayahnya menyokong PAS atau tidak, ataupun ayahnya berada di dalam parti pembangkang tetapi kalau budak itu layak, dan budak itu memerlukan bantuan, kita akan memberikan kepadanya kerana mereka adalah rakyat Malaysia. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi mungkin tersilap, bukan di semua kawasan. Terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Mungkin sebelum sampai ke tahap itu dia ada tapan, hendak sampai ke sekolah itu mungkin berlaku unsur-unsur yang saya sebutkan tadi. Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Jerai kerana telah memberi

penerangan. Saya berharap untuk masa-masa yang akan datang, perkara-perkara seperti ini tidak perlu berlaku lagilah kalau sekiranya ia berlaku sebelum sampai ke sekolah.

Kemudian B.12, 050000 - Tabung Bantuan Bencana Negara berjumlah RM5 juta. Kelmarin saya balik ke kawasan dan tuan-tuan boleh lihat di akhbar juga kawasan saya memang kelmarin dilanda oleh puting beliung, saya ingat 30, 40 buah rumah telah tercabut atapnya dan kita berharap dengan adanya bantuan tabung ini dapatlah rakyat yang mendapat bencana itu dapat diberikan bantuan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Tentang B.10, 070000 - Lembaga Pembangunan Langkawi. Saya rasa kita semua telah sedar, ada ura-ura untuk menaikkan tambang feri daripada RM15 ke RM18, daripada RM9 ke RM12 untuk kanak-kanak.

Saya hendak bertanya kepada pihak yang terbabit berapa ramaikah rakyat Langkawi yang telah dijadikan jutawan segera itu masih lagi menjadi jutawan segera. Kerana dalam soalan saya kepada pihak yang berkenaan tidak dijawab berhubung dengan perkara jutawan di Langkawi ini. Kita tidak mahu jutawan segera yang diwujudkan di Langkawi dengan adanya Pulau Bebas Cukai ini hanya satu ataupun dua tahun tetapi setelah duit mereka kehabisan, mereka telah tinggal sebagai seorang yang papa kedana terpaksa lari dari Langkawi untuk pergi membeli tanah di ulu di Baling dan juga di Kulim.

Ini wujud dan saya mendapat banyak rungutan daripada mereka yang tinggal di Langkawi. Jadi, saya rasa itulah tiga, empat perkara yang saya hendak kemukakan. Tuan Pengerusi, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kenapa tiba-tiba ramai hendak berucap?

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah saya beri kepada Yang Berhormat bagi Jasin, Yang Berhormat bagi Jerai belum bersedia lagilah.

3.15 ptg.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin turut memberikan pendapat saya berkenaan dengan 0100 -

Perkhidmatan Kewangan, kerana saya suka mewakili rakan-rakan saya peniaga-peniaga kecil. Kalau kita lihat pada setiap tahun bank-bank perdagangan di Malaysia ini apabila mengeluarkan laporan kewangan dengan bangga mengatakan untung RM1 bilion, RM½ bilion, semua bilion dan akhir-akhir ini kita lihat adakah bank-bank swasta ini juga bersama-sama dengan kerajaan untuk membantu peniaga-peniaga kecil.

Tuan Pengerusi, bagi peniaga-peniaga kecil ini, bukan mudah untuk mendapat pinjaman bank. Jadi, kita berharap supaya bank-bank ini menunjukkan sedikit *social obligation*nya kepada orang ramai. Apatah lagi macam yang disebut oleh sahabat-sahabat saya tadi bahawa di antara kawasan luar bandar tidak ada perkhidmatan bank. Ada di kawasan Melaka, di kawasan saya itu yang ada Bank Simpanan Nasional. Bank Simpanan Nasional ini kita hendak berniaga apa. Jadi, oleh kerana terlampau memikirkan keuntungan, maka bank-bank perdagangan kita ini dia hanya membuka cawangan-cawangan di bandar-bandar besar sahaja tetapi di kawasan luar bandar ini diabaikan sama sekali.

Datuk Bung Moktar bin Radin: [*Bangun*]

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Eh! Sepuluh minit sahaja lagi. Okey.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Yang Berhormat, saya rasa amat bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa sosial obligasi di kalangan bank-bank luar ini tidak ada langsung ke arah menyumbang pembangunan negara kita. Mereka hanya memikirkan keuntungan dan ada juga kita lihat, setujukah Yang Berhormat bahawa kadang-kadang mereka ini menjadi 'Along' yang profesional dalam negara kita. Mereka kalau orang pinjam sedikit, dia mengugut hendak syorkan *bankruptcy*, pergi *court* dan sebagainya tetapi peminjam yang berjuta-juta ringgit dia beri tempoh sampai tempoh tidak tahu bila.

Jadi, apakah Yang Berhormat menggesa supaya kerajaan mengetatkan lagi undang-undang. memberikan tekanan sedikit supaya mereka menyumbang ke arah sosial obligasi ini. Terima kasih.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya. Memang betul apa Yang Berhormat cakap tadi. Kerana bank ini dia tidak berapa hendak melihat orang kecil-kecil, yang dia hendak melihat adalah yang besar-besar, yang lebih mendukacitakan kalau Bank Negara menetapkan kuota 30% harus pergi kepada bumiputera, dia akan mencari seorang atau dua orang bumiputera yang besar-besar keseluruhan kuota itu diambil. Tetapi peniaga-peniaga kecil

bumiputera yang lain ini dinafikan haknya, apatah lagi yang mendukacitakan kita yang mana sahaja kalau ada orang kampung yang hendak membuat projek..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Butiran yang mana satu?

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: 0100 Tuan Pengerusi, Perkhidmatan Kewangan. Yang menjadi masalahnya orang kampung susah hendak meminjam duit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak perlu membangkitkan perkara yang berkaitan dengan dasar ya Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Dasar ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak perlu.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Dan satu lagi tentang bank ini Tuan Pengerusi, kita berharap ini adalah pengalaman kerana kadang-kadang kita lihat cakap sahaja. Dahulu kita buat macam Tabung Pemulihan Bumiputera tetapi bumiputera yang mana yang dapat. Orang yang berniaga dahulu memakai kereta sekarang ini sudah susah, pakai basikal tidak dapat tetapi bumiputera yang pakai *Rolls Royce* dapat.

Beberapa Ahli: Betul, betul.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Bumiputera yang pakai *Mercedes* dapat. Jadi, saya berharap supaya Bank Negara lebih melihat perkara ini supaya kita dapat membantu semua golongan masyarakat kita.

Yang kedua Tuan Pengerusi, saya hendak membincangkan tentang Perkhidmatan Kastam, sebagaimana yang disebutkan oleh rakan saya Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Kerana kita lihat Kastam satu *income earner* kepada pemerintah ataupun kepada negara kita, kita berharap supaya kerajaan memberi kelengkapan secukup mungkin, sebaik mungkin. Hari ini kita lihat *uniform* Kastam pun sudah bertukar, sudah macam askar dah, ada yang *general*, kita pun sudah tidak faham lagi, dahulu kita tahu yang ada bintang-bintang askar dengan polis, sekarang Kastam punya pangkat kita pun sudah tidak faham lagi. Sudah macam badan pihak berkuasa, baguslah kalau dia hendak mengambil tindakan terhadap penyeludupan dan sebagainya.

Tetapi kalau kelengkapannya tidak cukup bagaimana? Macam yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah tadi, tentang sisa toksik yang masuk ke dalam negara kita. Pegawai Kastam berpandu kepada agensi perkapalan *forwarding agent*,

apa *forwarding agent* cakap dalam Borang Kastam itu, Kastam 1 atau Kastam 2, itu yang digunakan oleh pihak Kastam dan oleh kerana kelengkapan tidak cukup daripada pihak Kastam, Kastam tidak berani membuka kontena itu [*Ketawa*].

Jadi, oleh yang demikian sebagaimana saya syorkan di awal dahulu supaya perkhidmatan kastam ini dilengkapi oleh *scanner* yang hari ini kita hanya buat dekat North Port di Pelabuhan Klang kerana mematuhi arahan daripada Amerika dengan sistem yang dibuat oleh Amerika tetapi pelabuhan lain tidak ada. Dan kita lihat orang berniaga ini, Tuan Pengerusi, dia akan cari *loopholes* di mana *loopholes*nya? Dan dia tengok *loopholes* yang banyak di Johor, melalui Pasir Gudang, melalui Johor Bahru. Jadi dia akan masukkan *consignment* barang-barang ini dahulu melalui Johor Bahru. Jadi akhirnya apa yang kita hendak buat dan menguatkuasakan undang-undang tidak tercapai kerana *scanner* yang ada dekat Pelabuhan Klang. Mereka import barang melalui Johor dekat kampung Tuan Pengerusi, melalui Kulai. Ini yang berlaku sekarang dan apa sahaja barang yang macam kita tengok macam sisa toksik dan sebagainya semua masuk daripada Johor.

Begitu juga yang kita bincang bulan sudah tentang racun makhluk perosak. Kebanyakan import racun perosak adalah melalui Pelabuhan Johor bukan melalui Pelabuhan Klang. Jadi saya berharap melalui bajet yang kita ada dekat kastam ini kita berharap supaya Kastam Diraja Malaysia ini dibekalkan kelengkapan secukupnya supaya dengan ada kelengkapan ini lebih banyak cukai dapat kita kutip dan juga kita kena jaga juga kebajikan pegawai-pegawai kastam tadi.

Sebagai contoh dalam segi pengawalannya, pencegahan 060300, Tuan Pengerusi, orang-orang pencegahan kastam gajinya lebih kurang dengan pegawai kastam biasa, walhalnya dia hendak mencegah penyeludupan. Jadi saya berharap apabila dia tidak cukup, Tuan Pengerusi, jadi kita mengharap kita menganggapkannya macam-macam, rasuallah dan sebagainya. Tetapi kita kena memperkasakan mereka dengan kelengkapan yang secukup mungkin dan elaun-elaun sebagaimana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tempoh hari bahawa kenaikan elaun khas untuk komando, untuk polis-polis pasukan khas harus juga diberi kepada pegawai-pegawai kastam pencegah ini supaya mereka dapat membuat kerja yang lebih baik untuk mencegah penyeludupan yang berlaku di dalam negara kita.

Jadi, Tuan Pengerusi, dengan itu saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tuaran.

3.23 ptg.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bangun untuk turut membahas bagi Butiran 021400, iaitu Projek Bekalan Air Luar Bandar.

Tuan Pengerusi, apabila saya melihat segala butiran di bawah Perkhidmatan Am Perbendaharaan ini, saya tidak nampak butiran untuk Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar, cuma bekalan air luar bandar tetapi di Projek Bekalan Air Luar Bandar pun peruntukan untuk tahun ini pun 0, sifar, untuk tahun lepas RM50 juta. Jadi saya amat terkejut sebenarnya, Tuan Pengerusi, sebab di Dewan yang mulia ini kita sudah berkali-kali menyatakan soal bekalan air luar bandar, bekalan elektrik luar bandar, saya amat hairan dan saya ingin minta penjelasan daripada pihak kementerian apakah sebenarnya yang sifar itu? Apakah kerajaan tidak akan beri peruntukan untuk Bekalan Air Luar Bandar?

Seorang ahli: Pegawai sudah silap....*[Dewan riuh dengan ketawa]*

Tuan Wilfred Madius Tangau: Apakah dalam Bekalan Elektrik Luar Bandar juga 0? Sebab tidak ada peruntukan langsung dalam perbekalan yang kita bahas ini. Tuan Pengerusi.....

Tuan Jimmy Donald: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Aman.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Ya, Sri Aman, sila.

Tuan Jimmy Donald: Minta penjelasan dari Yang Berhormat bagi Tuaran. Tuan Pengerusi, dahulu kalaulah tidak ada bekalan air secara formal di luar bandar mereka di sana boleh hidup kerana boleh menggunakan *gravity-feed water supply*, dengan izin. Tetapi sekarang dengan penekanan yang diberi oleh kerajaan untuk membuka ladang sawit jadi boleh dikatakan semua air luar bandar sudah tercemar. Ini menjadi perkara yang amat merunsingkan, apakah pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini?

Tuan Wilfred Madius Tangau: Memang benar, bukan itu sahaja Yang Berhormat, di luar bandar sekarang ini kerajaan pun menggalakkan pelancongan, *home-stay* dan sebagainya. Kita memang menggalakkan pelancongan dan pelbagai lagi projek-projek di luar bandar termasuk juga bekalan air untuk sekolah-sekolah di

luar bandar, beribu-ribu sekolah di luar bandar tetapi saya amat hairan kenapa ini sifar?

Yang keduanya dalam hal ini...

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kinabatangan bangun.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Silakan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Pengerusi. Setujukah Yang Berhormat bahawa unjuran kerajaan ke arah pembangunan seimbang sudah tidak ada keseimbangannya? Sebab untuk *budget* air luar bandar pun tidak ada, apa lagi untuk pembangunan, hendak beri orang minum pun tidak ada. Bagaimana pandangan Yang Berhormat, bagaimana kerajaan hendak mengunjurkan pembangunan seimbang ini boleh diterjemahkan seadil-adilnya seperti kehendak hak asasi manusia di Malaysia harus kerajaan bertanggungjawab ke arah memberi air kepada rakyat?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat soalan ini Yang Berhormat tahukah jawapan yang akan diberikan?

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kinabatangan, tidak tahukah? Baik, baik.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Itu biar Menteri yang akan menjawab, biar Menterilah yang jawab itu, tetapi persoalan di sini ialah kita sudah berkali-kali bertanya sebenarnya apakah pihak kerajaan telah menentukan tarikh sasaran? Sampai bilakah ke semua kampung-kampung di seluruh negara ini akan mendapat bekalan air bersih?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Akan dikajilah!

Seorang Ahli: Akan dikaji.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Jika sekiranya begini, O, seolah-olah kita ini tidak ada sasaran. Bagi kita wakil-wakil rakyat apabila kita berhadapan dengan masalah ini mendapat permohonan daripada rakyat, daripada JKK dan sebagainya semuanya kita hantar kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Pembangunan Wilayah dengan harapan yang ini akan ditunaikan. Tetapi apabila kita melihat ini sifar, saya mohon penjelasan, apa sebenarnya?

Ir. Edmund Chong Ket Wah: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Batu Sapi!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Batu Sapi.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Ya, Batu Sapi.

Ir. Edmund Chong Ket Wah: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat bagi Tuaran. Kalau Sandakan sama Batu Sapi pun tidak dapat air dengan elektrik, apa lagi peruntukan tidak dapat.

Beberapa ahli: *[Ketawa]*

Tuan Wilfred Madius Tangau: Sebenarnya Yang Berhormat, negara kita ini kaya peruntukan banyak, pengurusan dan keutamaannya, itu sahaja. Yang kita mahu nyatakan di dalam Dewan yang mulia ini ialah dari segi pengurusan, dari segi keutamaan-keutamaan di manakah keutamaan, serta bagaimanakah pengurusan kewangan ini?

Tuan Pengerusi, di sinilah perlu kita minta penjelasan daripada Kementerian Kewangan bagaimanakah sebenarnya peruntukan-peruntukan yang diberikan kepada luar bandar khususnya di negeri Sabah sekarang ini kewangan-kewangan...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jerai.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Sebentar ya, sebentar Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya!

Tuan Wilfred Madius Tangau: ...peruntukan untuk pembangunan luar bandar sama ada bekalan elektrik atau bekalan air semuanya disalurkan ke JPPS dan kesemuanya ini sebenarnya senarai projek kita hantar ke Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Pembangunan Wilayah. Kelulusan diberi oleh Menteri. Sekarang ini Pengarah JPPS akan mengatakan ini tidak kena—mengena dengan Kementerian Luar Bandar, ini semuanya daripada Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan. Ini yang menghairankan, jadi apabila ada sifar di sini, ini bererti kuasa Menteri pun sudah habis...

Datuk Bung Moktar bin Radin: Akan dikajilah jawapannya!

Tuan Wilfred Madius Tangau: Silakan Jerai.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat! Siapa yang berani cakap....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih sahabat saya dari Tuaran.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Siapa cakap tadi? Tidak ada bangun?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bukan, bukan saya!

Tuan Wilfred Madius Tangau: Saya beri Jerai, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik, baik...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya tidak berdosa, ada lain orang cakap, saya kena marah pasal apa?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik, baik, kemukakan soalan dengan cara baik-baik. *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini Kinabatangan ini, saya jadi mangsa. Yang Berhormat daripada Tuaran dan Tuan Pengerusi, apabila Yang Berhormat Tuaran mengatakan bahawa peruntukan di Kementerian Kewangan untuk luar bandar tidak ada untuk air dan api, saya buka daripada muka surat 254, di Kementerian Kemajuan Luar Bandar.

Di sini, Yang Berhormat, memang ada peruntutannya iaitu bagi Semenanjung RM15 juta, Sarawak RM45 juta dan Sabah RM30 juta. Jadi, peruntukan ini tidak mencukupi. Begitu juga dengan bekalan air luar bandar bagi Semenanjung RM30 juta, Sarawak RM31 juta dan Sabah RM31 juta. Jadi, mungkin Yang Berhormat boleh bersuara untuk minta lebih sedikit. Saya pun hendak soal itu.

Jadi, tidak ada dalam Perbendaharaan, tetapi telah diberi terus kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar. Jadi, Yang Berhormat bersetuju atau tidak untuk tambah?

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih, terima kasih atas penjelasan itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tuaran, sila gulung.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Ya, ya, okey. *[Ketawa]* Terima kasih. Saya akan gulung, Tuan Pengerusi, saya akan gulung. Cuma saya minta penjelasan tadi apabila ada komen-komen daripada Pengarah JPPS yang mengatakan, bahawa yang berkuasa ialah Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan ataupun Perbendaharaan dan bukan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Itu amat sensitif bagi kita sebab harapan kita kepada kementerian itu ialah menapis dan juga memberi senarai projek-projek luar bandar, khususnya bekalan air, bekalan elektrik dan sebagainya. Itu sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup ya.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tengok siapa?

Dr. Tan Seng Giaw: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak mahu berucap?

Dr. Tan Seng Giaw: Mahu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Keponglah.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Orang tidak mahu bercakap, mahu bagi, macam mana Tuan Pengerusi? *[Ketawa]*

Cik Fong Po Kuan: Sabarlah, sabar.

3.31 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, halaman 175, Butiran 030000, Kod 030200 dan halaman 174, Butiran 020000, Kod 020100.

Tuan Yang di-Pertua, saya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tuan Pengerusi.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, jadi pengerusi sekarang ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Hmm.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya hendak bangkitkan mengenai masalah Projek Lebuhraya Utara-Selatan. Ini ada kena-mengena dengan Syarikat MKD – Penswastan dan Perusahaan Awam kerana di dalam kod butiran ini kita perlu menentukan kepentingan kewangan kerajaan dalam projek-projek penswastan dan program-program kerajaan dan merunding terma-terma mengenai perjanjian konsesi penswastan.

Baru-baru ini PLUS Expressway Berhad sudah mempertimbangkan untuk RM1 bilion bon dan ada ura-ura pihak kerajaan sudah mempertimbangkan untuk memperlebar seksyen-seksyen yang tertentu bagi Lebuhraya Utara-Selatan. Yang Berhormat bagi Jerai pun datang daripada lebuhraya itu juga. Kita diberitahu bahawa apa yang dipertimbangkan oleh pihak kerajaan ialah, ini daripada bendahari, untuk mengadakan projek memperlebar seksyen-seksyen seperti Ipoh Utara ke

Jelapang, dari Seremban ke Ayer Keroh dan juga beberapa bahagian yang lain dengan harga kosnya RM900 juta.

Saya berharap pihak kementerian dapat memberitahu kepada kita sama ada hasratnya untuk memberi projek kepada PLUS Expressway dan subsidiarinya adalah PLUS untuk Projek Lebuhraya Utara-Selatan ini. Dengan lebuhraya yang panjang sekali di negara ini, di Semenanjung dan menelan belanja yang banyak, berpuluh bilion ringgit.

Setakat ini, Tuan Pengerusi, sejak kementerian membenarkan PLUS mengambil konsesi kerana dia tidak dibenarkan mengikut perjanjian kontrak untuk menaikkan tarif tol dan diberi peluang untuk melanjutkan konsesinya. Selepas itu kita nampak pihak PLUS sudah mengalami masalah dan pihak kerajaan sudah mengambil alih, memiliknegerakan sekali lagi untuk Lebuhraya Utara-Selatan.

Sebab itulah kita perlu tahu sebab-musabab pihak kerajaan memiliknegerakan Projek Lebuhraya Utara-Selatan. Kemudian pihak kerajaan sedang menimbang bagi pihak PLUS Expressway untuk memperlebarkan seksyen-seksyen yang saya sebutkan tadi dengan kos RM900 juta, ini memang satu perkara yang kita perlu tahu sama ada PLUS Expressway itu mampu untuk memperlebarkan semua ini ataupun tender ini adalah terbuka, kerana kita perlu ketelusan dan akauntabiliti untuk memastikan Lebuhraya Utara-Selatan yang merupakan lebuhraya yang terpanjang di Semenanjung ini dapat diuruskan dengan baik dan kos untuk memperlebarkan itu, kerana bilangan kenderaan sudah bertambah dengan banyak, termasuk kenderaan dari Jerai yang kadangkala tidak mengikut peraturan. Itu masalah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong, sahabat saya yang memperingati Jerai. Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya, bahawa Jerai adalah kawasan pelancongan, tetapi ia tidak ada jalan untuk masuk ke kawasan saya kecuali melalui Gurun dan sekarang ini pula pelabuhan dengan kos yang menelan belanja RM150 juta sedang...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini tidak berkaitan dengan...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak, tidak. Ini pasal lebuhraya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak kenalah, tidak payahlah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Lebuhraya hendak masuk di...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau hendak cakap, nanti Yang Berhormat boleh cakaplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, Yang Berhormat bersetuju tidak PLUS ini kena pastikan dia punya tempat-tempat yang boleh *cross* masuk supaya ia mendatangkan lebih keuntungan kepada PLUS dan juga pelancongan di kawasan Jerai. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, bagi aspirasi dan ekspektasi orang ramai, kita perlu mempertimbangkan cadangan Yang Berhormat bagi Jerai, tetapi saya tidak nampak apa keuntungan kita pergi ke Jerai dengan begitu sahaja, dengan memperluaskan jalan ke Gurunnya. *[Ketawa]* Bilangan kenderaan akan melalui jalan itu terhad juga, walaupun Yang Berhormat bagi Jerai hendak memaparkan industri itu tetapi kurang lagilah. Kita mesti usaha lagi, mungkin 10 tahun atau 20 tahun akan datang Jerai jadi lebih menarik...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Oleh itu, Yang Berhormat tidak bersetuju dengan dialah.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya ingat macam inilah, dengan aspirasi dan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, teruskanlah.

Dr. Tan Seng Giaw: ...ekspektasinya, kita mempertimbangkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Ketawa]* Tuan Pengerusi, selain daripada meminta pihak bendahari untuk memberitahu kepada kita bagaimana kita akan menguruskan projek dan memperlebarkan seksyen-seksyen Projek Lebuhraya Utara-Selatan, saya akan membangkitkan masalah mengenai MRR2 pakej last yang melibatkan jejambat bertingkat di Kepong.

Tuan Pengerusi, kita diberitahu bahawa dengan melantik tiga konsultan; satu dari Australia, satu dari Jerman dan satu lagi dari United Kingdom. Sekarang, Halcrow dari United Kingdom mengatakan ini satu *design fault*, *design floor* untuk lebuhraya bertingkat ini dan dengan pakej yang menelan belanja RM238.8 juta. Ini bermakna pihak *design engineer*, iaitu Maunsell Sharma dan Zakaria Sdn. Bhd. mesti bayar sama ada RM20 juta ataupun lebih ataupun kurang, saya pun tidak tahu jumlah yang diperlukan untuk memperbaiki keretakan *cross beam*, ada 33 tiang dan *cross beam*, yang 31 itu sudah retak...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kita sekarang berada di Kementerian Kewangan ya, bukan di JKR.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, ada kena mengena dengan Bendahari, kerana perlantikan *design engineer* dan perlantikan kontraktor iaitu Konsortium Bumihiway itu ada kena mengena dengan Bendahari, mesti ada kena mengena kerana bila kita tanya JKR, mengapa Konsortium Bumihiway dilantik? Dia kata itu hal Bendahari. Inilah dia, tetapi kalau kita baca *quote* ini, [*Sambil merujuk kepada satu laporan*] kita memang tahu Datuk Mansor iaitu mengenai penyelarasan Syarikat MKD, penswastaaan dan perusahaan awam. Penswastaaan ini termasuk di dalam ini untuk memastikan kepentingan kewangan kerajaan, termasuk projek-projek penswastaaan dan konsesi penswastaaan, memang masuk di dalam ini, Tuan Pengerusi. Sebab kalau dari segi kewangan, Bendahari adalah lebih penting daripada JKR.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, masa cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw: Hah? Macam mana masa sudah cukup pula! Ini baru hendak sentuh mengenai MRR2 ini. Saya hendak tahu dari pihak Bendahari, siapakah yang melantik kontraktor Bumihiway dan juga jurutera konsultan *design*nya? Siapa yang melantik sama ada JKR ataupun Bendahari, ataupun Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri? Ini memang penting, kerana kita tidak mahu berulang lagi masalah seperti MRR2 dan juga MATRADE, sama sahaja dengan MATRADE. Kita tidak tahu siapa yang melantik kontraktor itu, siapa yang melantik *design engineer* ini, ini memang penting sekali. Saya tidak mahulah pembaziran wang yang begitu banyak untuk projek-projek bagi orang ramai ini dan saya berharaplah, lima minit lagi ya masa?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup, masa sudah cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Cukup pula!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Sekian, terima kasih.

[*Beberapa orang Ahli Yang Berhormat bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Eh, macam mana tiba-tiba empat orang? [*Disampuk*] Ahli-ahli Yang Berhormat, jadi setiap seorang saya berikan lima minitlah. Yang Berhormat bagi Jerai bangun lama, nanti saya beri sepuluh minit, yang lain lima minit. Sebelum saya minta pihak kerajaan menjawab, Yang Berhormat bagi Kota Belud.

3.44 ptg.

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Tuan Pengerusi, saya cuma ingin membangkitkan satu perkara iaitu mengenai dengan B.11, Butiran 021500 iaitu Bayaran Pemansuhan Duti Import dan Eksais Atas Barangan Petroleum kepada Negeri Sabah dan Sarawak.

Saya memang maklum bahawa pemansuhan ini adalah hasil daripada persetujuan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dan kita berterima kasih kepada pihak Kerajaan Pusat kerana telah memberi bayaran balik kepada kita. Apa yang ingin saya persoalkan ialah, apakah kaedah dan formula dari segi pembayaran balik ini? Adakah ia berdasarkan sama rata antara Sabah dan Sarawak? Atau yang keduanya, apakah ia berdasarkan pengeluaran? Ini penting kerana sebelum ini dahulu, di mana kerajaan negeri mendapat langsung bayaran ini dan ini memudahkan bagi Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak untuk merancang proses pembangunannya. Pada kali ini, sudah tentulah kita ingin tahu apakah formulanya dan apakah ekoran daripadanya, maka kita akan memasukkannya dalam Perlembagaan, oleh kerana dahulu sebenarnya, ia termasuk dalam Perlembagaan Negara kita di mana kuasa-kuasa ini terletak kepada kuasa kerajaan negeri. Tetapi hasil daripada penghapusan ini, maka kuasa itu sudah tidak ada kepada kerajaan negeri.

Saya cuma ingin bertanya kepada Kementerian Kewangan, apakah kelak, sekiranya ada formula yang telah dipersetujui oleh Kerajaan Pusat dengan negeri Sabah dan Sarawak, maka kita akan memasukkannya dalam Perlembagaan? Atau satu perjanjian akan dibuat antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak? Ini pada saya penting kerana ini adalah sebahagian daripada hasil yang kita perolehi pada satu ketika dahulu, tetapi kita faham kenapa ia dihapuskan. Tetapi saya rasa, penting bagi kita mempunyai satu alternatif yang tertentu untuk menentukan bahawa negeri Sabah dan Sarawak mendapat hasilnya dan ia dapat diramalkan setiap tahun, berapakah yang diperolehi oleh kedua-dua kerajaan?

Jadi, sekadar itu sahaja secara ringkas, Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Rembau.

3.46 ptg.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Pengerusi, ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya ada peluang bercakap, Tuan Pengerusi?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tidak adalah, kenapa tadi tidak bangun?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Haiya!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Terpulang kepada mata saya nantilah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau mata saya nampak, saya beri peluang, kalau tidak nampak, tidak adalah. Tidak apalah, duduk, duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kita berdepan boleh nampak, Tuan Pengerusi. Kiri kanan payah, hadapan dapat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Rembau.

Dato' Firdaus bin Harun: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma hendak mengambil bahagian dalam Kepala 060000 - Kumpulan Wang Pinjaman kepada Badan-badan Berkanun dan Badan-badan Lain.

Tuan Pengerusi, seperti yang sedia maklum, Badan-badan Berkanun ini banyak ditubuhkan sejak daripada tahun 70an. Ada yang sudah ditutup, ada yang diswastakan dan kita perhatikan bahawa peruntukan yang diberikan pada tahun hadapan sangat besar iaitu RM940 juta, hampir RM1 bilion.

Sebenarnya badan-badan ini sebahagiannya memang telah menyumbang ke arah membasmi kemiskinan dan juga menyusun semula masyarakat supaya pengenalan kaum tidak lagi berdasarkan fungsi-fungsi ekonomi. Apa yang saya hendak sebutkan di sini ialah dari segi soal *benchmarking* dan juga pemantauan. Memandangkan banyak perbelanjaan negara diperuntukkan untuk Badan-badan Berkanun ini, adalah dicadangkan supaya Badan-badan Berkanun ini yang juga termasuk SEDC dan badan-badan yang lain juga dikenakan dari segi *benchmarking* seperti yang dikenakan kepada *Government Linked Companies* (GLC).

Saya mencadangkan supaya CEO dan juga pegawai-pegawai kanannya juga tertakluk kepada *Key Performance Index* (KPI). Maknanya mereka ini hanya ditawarkan perkhidmatan untuk tempoh dua, tiga tahun dan tertakluk kepada prestasi, berdasarkan KPI yang ditetapkan. Dengan cara ini, saya yakin Badan-badan

Berkanun ini akan dapat memberikan khidmat yang lebih baik dan berkesan kepada rakyat.

Perkara yang kedua yang saya hendak sentuh ialah soal Kepala 150000 – Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin. Memandangkan peruntukan yang diberikan juga agak besar iaitu RM200 juta, saya juga mencadangkan supaya program ini dipantau dengan lebih teliti lagi supaya ianya sampai kepada kumpulan sasaran. Adalah dicadangkan supaya Jawatankuasa Pemantauan ditubuhkan di peringkat daerah atau Parlimen. Dalam meluluskan peruntukan untuk pelajar-pelajar miskin ini, pandangan wakil rakyat kawasan dan juga Ahli Parlimen hendaklah juga diambil kira supaya dengan ini, Tabung ini benar-benar mencapai matlamatnya untuk membantu pelajar-pelajar miskin khususnya di luar bandar supaya mereka dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

3.50 ptg.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, lima minit ya.

Tuan M. Kula Segaran: Ya. Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dalam Butiran 010200.

Tuan Pengerusi, ini adalah mengenai penyewaan kereta-kereta kenderaan oleh kerajaan. Kami tahu bahawa kerajaan telah melantik sebuah kompeni bernama Spanco Sdn. Bhd. di mana ada berkaitan dengan orang-orang kuat dalam UMNO di mana kenderaan-kenderaan itu dikatakan akan disewa balik dari syarikat itu yang bernama Spanco Sdn. Bhd. Baru-baru ini Timbalan Perdana Menteri telah mengatakan oleh kerana atas desakan-desakan yang tertentu bahawa, mereka akan mengkaji balik apakah terma-terma di mana satu perjanjian yang telah dimasuk oleh kerajaan dengan Spanco Sdn. Bhd. di mana beberapa ratus kereta kerajaan diberi kepada Spanco dan Spanco selepas itu memberi sebagai menyewa kepada kerajaan. Satu-satu kereta itu saya difahamkan disewakan sehingga sebanyak RM5,000 sebulan.

Apakah kerajaan telah atau akan memantau dengan apa pendapat yang diberi oleh beberapa orang mengenai perkara ini terutama sekali Timbalan Perdana Menteri

di mana beliau mengatakan bahawa ada sesuatu yang tidak kena iaitu tidak ada *arm slam* dalam perjanjian di antara penyewa dan pemilik kereta tersebut. Saya ingin tahu adakah kerajaan akan mengkaji balik mengenai perjanjian tersebut dan berapakah kenderaan yang terlibat dalam perkara ini dan apakah sewa-sewa yang sedang dibayar dan bilakah satu tindakan yang tegas akan diambil mengenai perkara ini.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya juga ingin menyentuh mengenai Perkara 021100 iaitu Indah Water. Kita semua tahu bahawa beberapa tahun dahulu Indah Water Sdn. Bhd. telah diswastakan. Seperti yang kita semua tahu bila sesuatu syarikat itu diswastakan, ia dikatakan akan membawa kebaikan kepada kerajaan dan rakyat. Tetapi bila ada kesusahan mengenai kewangan ia akan diambil alih oleh kerajaan, ini adalah satu di antara perkaranya. Apakah tindakan atau *standing* pada masa sekarang. Saya difahamkan kerajaan sudah memberi lebih dari RM500 juta sebagai *soft loan*. Sekarang saya difahamkan akan diberi lebih kurang RM138 juta lagi. Adakah ini sebagai *soft loan*, macam mana *recovery periodnya* dan apakah kajian yang telah dibuat, kenapa Indah Water perlu diberi keutamaan supaya mereka mengambil keuntungan dengan sesenangnya, akan tetapi bila melibatkan perbelanjaan, itu semua adalah di tangan atau di bawah penyeliaan kerajaan.

Tuan Pengerusi, sebagai akhirnya saya hendak kata mengenai Butiran 060000 – Kumpulan Wang Pinjaman kepada Badan-badan Berkanun dan Badan-badan Lain. Tuan Pengerusi, terutamanya saya ingin tahu berapakah jumlah pinjaman setakat ini yang telah diberi kepada *State Development Cooperation* Perak. Ini adalah kerana terutama sekali di mana baru-baru ini saya difahamkan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak bukan sahaja bila ia disediakan sebagai satu syarikat untuk menolong masyarakat miskin, tetapi sekarang bukan hajat dan apa yang dibuat oleh PKNP itu luar dari apa yang dijangkakan. Di antaranya adalah baru-baru ini mereka telah cari satu sistem yang senang. Macam Ali Baba, mereka mengambil alih tanah yang diberi oleh kerajaan, selepas itu terus jual kepada pihak-pihak yang ketiga. Adakah ini yang dikehendaki oleh kerajaan. Kenapa Kerajaan Persekutuan perlu lagi memberi pertolongan kepada sesuatu syarikat yang tidak ingin untuk menolong apa yang ditulis dalam akta-akta yang berkenaan terutama sekali di negeri Perak di mana Perbadanan Kemajuan Negeri Perak bukan lagi tidak beruntung tetapi ramai di antara pekerja ini tidak ada kerja. Saya difahamkan bahawa gaji-gaji mereka pun lambat dibayar.

Baru-baru ini satu bangunan 20 tingkat telah dibina dekat Jelapang Tol, sudah empat tahun tidak ada *occupancy* langsung.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan M. Kula Segaran: Jadi, kenapakah kita perlu lagi memberikan pinjaman? Setakat ini berapa pinjaman telah diberi? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading.

3.55 ptg.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya gembira kerana diberikan peluang untuk bersama-sama membahaskan di Kementerian Kewangan - Perbendaharaan. Saya hendak bercakap banyak Tuan Pengerusi, tetapi Tuan Pengerusi, tentu...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Lima minit lebih-lebih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi tentu tidak bagi saya lebih, kerana orang lain lima minit, saya pun lima minitlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Lima minit. Kalau tak puas hati, turunkan kepada dua minit. *[Ketawa]* Teruskan. Yang Berhormat cakap sekarang!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, saya sedang hendak bercakaplah, Tuan Pengerusi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, cakap!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi sabar sedikitlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apa Tuan Pengerusi ada masalahkah semalam dekat rumah? *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau saya tidak bersabar saya tidak akan beri peluang kepada Yang Berhormat Sri Gading yang baru masuk sahaja.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya ada pagi tadi Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, baik. Kalau tidak ada boleh duduk. Jerai sudah tunggu lama.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okey, baik. Jerai dia memang boleh sampai, dia jadi tekonglah. Tuan Pengerusi pun hendak beri dia lebih masa. Saya hendak sentuh berkenaan dengan 100500. Saya ini orang yang sentiasa bersimpati,

yang sentiasa menyokong dan sebenarnya menjadi rakan tugas dengan kakitangan kerajaan. Ramai rakan-rakan yang menyokong saya di kawasan, daripada kalangan....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, yang mana satu butiran?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Butiran 100500 Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Betulkah? *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Aktiviti Sosial, Sukan dan Kebajikan di Jabatan Kerajaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Di bawah Kementerian Kewangan ataupun kementerian lain?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kewangan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kewangan ya. Baik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya belum salah baca Tuan Pengerusi. *[Ketawa]* Tuan Pengerusi macam tidak percaya saya pasal apa Tuan Pengerusi? Saya banyak percaya sama Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi orang pandai, orang baik. Jadi, tolong percaya saya Tuan Pengerusi. Saya tidak akan buat silap tentang kepala-kepala ini dan kepala-kepala ini kita memang banyak kepala Tuan Pengerusi, jadi kita baca kepala ini.

RM15 juta peruntukan ini, kakitangan kerajaan kita ada satu juta saya difahamkan lebih kurang. Jadi, kalau hitung panjang RM15 sahaja satu kepala Tuan Pengerusi. Kita memang galakkan kakitangan supaya bergiat dalam sukan, supaya mereka lebih cergaslah bekerja dari pagi sampai petang. Kalau ada kegiatan-kegiatan sukan beriadah, ini akan memberikan kecergasan kepada mereka. Majlis-majlis sosial ini penting bagi mereka kerana hendak membuang perasaan jemu, kadang-kadang perasaan kecewa. Kalau ada majlis-majlis seperti ini diadakan, ia boleh memberikan galakan kepada semangat kakitangan kerajaan kita.

Juga soal kebajikan, saya tidak tahu umum, kebajikan macam mana dimaksudkan. Apakah kebajikan ini menolong anak-anak mereka agaknya. Mereka juga kadangkala macam juga orang-orang lain. Kadangkala mereka menghadapi kesulitan kewangan yang sama dengan orang lain. Apakah kewangan ini boleh diagihkan sedikit-sebanyak untuk kebajikan, untuk kepentingan mereka dalam menyelesaikan masalah-masalah. Saya tidak faham kerana ini umum sangat – sosial,

kebajikan, sukan. Kita tidak begitu arif macam mana cara pembahagian. Jadi, saya fikir RM15 juta ini bukan satu angka yang besar dan mencukupi kalau dibandingkan dengan jumlah kakitangan kerajaan yang hampir atau lebih kurang 1 juta jumlahnya. Jadi, saya fikir kenalah timbang supaya dinaikkan. Kita kena menghargai jasa-jasa mereka.

Tuan Pengerusi, pegawai-pegawai kerajaan ini macam-macam tingkat. Yang tinggi dia tidak berapalah masalah tentang kewangan. Soal sosial umpamanya, belia-belia sosial apakah tidak boleh kemungkinan, rombongan kakitangan daripada Semenanjung ini dibawa agaknya berkunjung ke Sabah dan Sarawak bagi mereka yang peringkat bawah ini, dalam hubungan hendak menjalin hubungan yang erat...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi, tak boleh saya lebihkan lagi ya. Jadi, itulah saya harapkan dipertimbangkan supaya peruntukan ini diperbesarkan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ... untuk kepentingan kakitangan kerajaan kita. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih daun keladi, lain kali Tuan Pengerusi bagi lagi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Pada pukul 4.15 petang, saya akan jemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab. Sebelum saya memberi peluang kepada Yang Berhormat bagi Jerai, Ipoh Timor. Selepas Ipoh Timor, Yang Berhormat bagi Jerai. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab pukul 4.15 petang.

Tuan Lim Hock Seng: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Lihatlah, Yang Berhormat, saya minta maaf.

Tuan Lim Hock Seng: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sabar, sabarlah. Baiklah.

4.00 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Pengerusi, ada dua perkara. Pendek sahaja. Yang pertama, dalam perbahasan dasar saya ada timbulkan masalah KWSP khususnya mengenai pelaburan, mengenai kualiti, akauntabiliti dan *transparency*

pelaburan KWSP tetapi tidak ada diberi jawapan dalam perkara ini. Saya berharap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang akan menggulung boleh memberikan satu jawapan yang tepat oleh kerana yang terlibat adalah lebih daripada 10 juta pencarum-pencarum KWSP yang kuarir mengenai *retirement fund* mereka. Itu yang pertama.

Yang kedua ialah mengenai kedudukan terkini berkaitan *Bakun Dam*. Oleh kerana *Bakun Dam* sekarang sungguhpun dimiliki oleh Sarawak Hydro tetapi sebenarnya *wholly-owned*, dengan izin, oleh Minister of Finance (MoF). Baru-baru ini ada dilaporkan dalam keluaran *The Edge* yang melaporkan bahawa mengikut satu laporan yang di buat oleh *Technical Consultant, Chief Technical Advisor* kepada *Sarawak Hydro* ialah syarikat yang dimiliki oleh Ministry of Finance ada memberi satu gambaran yang sangat teruk mengenai masa hadapan *Bakun Dam*, dan dengan izin, dengan masa yang suntuk yang ada, perkara yang mustahak saya petik, "*Construction planning and execution of the multi-billion ringgit dam for the Bakun Hydro Electric Project is deeply flawed and the successful in completion remains uncertain in terms of dateline, price and quality*".

Seterusnya ada disebut bahawa *in the case of Bakun*, "*The impression gained is about the project design and construction implemented in an ad hoc way with very limited control and coordination and almost no proactive management by Malaysia-China Hydro Joint-Venture*" yang baru-baru ini mendapat satu kontrak bernilai RM1.8 bilion untuk menyempurnakan pembinaan *Bakun Hydro* dan ini menimbulkan di masa hadapan sama ada kita perlu mengizinkan *throw good money selepas bad money*.

Dalam perkara ini satu komentar telah pun dibuat mengenai isu ini. Sebenarnya kita di pihak DAP dalam tahun 90-an pun telah timbulkan, sangat tepat. Di sini, untuk menjimatkan masa, saya memetik komentar yang dibuat oleh P. Guna Segaran, "*Bakun was stand in history as one of those mammoth projects that started out for the sake of the prompt project rather than being driven by an actual need for the power of E-produces. To this day there are much cheaper ways of producing power and there seems to be no capacity in the state of Sarawak to take up the huge spurt where Bakun starts producing. To look for a market for power after embarking on an expensive project to produce a power is a rather strange way of operating and puts the power producer in untenably vulnerable position. It reflects bad planning and decision making to acerbate the problem by putting those who do not have experience in the*

work in the driving seat is highly lamentable and cause in the question the vary way in which contract are being handed out”.

Di sini saya ingin bertanya sama ada Perbendaharaan sekarang pernah membuat satu kajian yang mendalam sama ada untuk memberhentikan *Bakun Dam Project* sungguhpun akan melibatkan kerugian beratus-ratus juta ringgit supaya akhirnya negara mengalami kerugian berbilion-bilion ringgit. Saya berharap supaya kita boleh mendapat satu laporan terkini mengenai *the mega Bakun Dam Project*. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jerai.

4.05 ptg.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Bersabar itu separuh daripada iman.

Tuan Pengerusi, saya ingin membahar tentang Kepala B.10 hingga B.12 dan P.10 dan P.70 tetapi saya hendak ambil dahulu iaitu tentang Tabung Bantuan Bencana Negara. Saya kira peruntukan yang diberikan ini tidak mencukupi. Bencana ini ada dua. Satu yang Allah Taala bagi seperti ribut, taufan dan sebagainya. Yang keduanya yang manusia buat tetapi bencana juga. Contohnya apabila kita luluskan satu projek, yang ada bukit-bukau itu ditarah sampai licin dan apabila hujan turun jadi banjir. Akhirnya wang rakyat diperlukan untuk menyelesaikan banjir dan tauke yang buat kerja itu mendapat untung.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Saya hendak mencadangkan supaya peruntukan untuk bencana alam ini ditambah. Betul, saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat bagi Pendang dan dalam kawasan saya sendiri pun baru-baru ini ribut dan air bah. Hampir 50 buah rumah - ada yang dihanyutkan dan ada yang bumbungnya terangkat. Kadang-kadang bantuan daripada kerajaan ini setakat beli bumbung zink sahaja. Yang lain Wakil Rakyat kena cari. Wakil Rakyat pun letihlah. Tuan Pengerusi pun faham, setakat mana sangat Wakil Rakyat ini. Harap pakai *coat* sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada yang mampu, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Jadi, kita minta kerajaan tambahlah peruntukan untuk Tabung Bencana Negara ini, ya. Kerana bencana ini dia datang bukannya tentu. Apabila peruntukan lambat orang susah, apabila orang susah kadang-kadang rumah tidak ada dia duduk di balai raya, anak hendak pergi sekolah dan makan pun susah. Walaupun kerajaan ada berikan bantuan tetapi tidak selesa. Jadi perlu dipertingkatkanlah dan saya ingin mencadangkan kalaulah bencana banjir dan sebagainya berlaku adalah disebabkan oleh syarikat-syarikat perumahan dan projek-projek pembangunan tertentu, maka syarikat tersebut dipertanggungjawabkan untuk memberi bantuan kepada orang yang ditimpa bencana disebabkan oleh perniagaan mereka. Takkan semua kerajaan hendak bagi, kerajaan banyak tanggungjawab lagi. Syarikat ini kira hendak sapu untung sahaja dengan tidak mengira susah senang rakyat.

Tuan Pengerusi, lagi satu berkenaan dengan penswastaaan. Saya bersetuju, dari dahulu lagi saya sokong penswastaaan. Tetapi biarlah penswastaaan itu menguntungkan kedua belah pihak. Orang putih kata apa? *Win-win situation. Both parties enjoy the profit*, dengan izin. Tetapi kadang-kadang kita nampak perjanjian itu menguntungkan pengusaha ataupun orang yang hendak menjalankan penswastaaan dan merugikan kerajaan. Saya bersetuju dengan wakil daripada mana tadi bercakap, ada pula bila rugi serah balik kepada kerajaan, bila sihat bagi balik kepada dia.

Tuan Pengerusi, kerja ini orang lain pun boleh buat. Saya pun reti buat kerja itu. Ini kira orang kata samun secara terhormat. Contohnya, kita ambil Syarikat Penerbangan Malaysia. Ini saya hendak ceritakan. Bila untung dia ambil, bila rugi, nah, kerajaan ambil balik. Inikah cara penswastaaan?

Saya minta Perbendaharaan pada masa hadapan hendak menswastakan apa-apa pun biar *balance*. Pastikan bila dia mahu hang terima, susah payah hang tanggung. Kalau tidak hang jangan bergalak mai. Hendak swasta itu hendak swasta ini sampai tidak boleh tengok apa pun semua hendak swasta, dok kira semua hendak diswastakan. Hak yang swastakan "tong tahu" ini, sekarang ini apa jadi? Indah Waterlah ini. Ini merugikan. Akhirnya kerajaan yang kena tanggung.

Kita kena lihat, jangan kita buat macam itu. Kepada yang swasta ini janganlah bagi kepada seseorang itu sampai banyak sangat. Orang lain pun hendak hidup juga.

Ini kadang-kadang bagi kerana dia itu boleh – syarikat itu kepada dia, syarikat ini kepada dia seolah-olah dalam Malaysia ini dia seorang sahaja yang tahu berfikir untuk berniaga, orang lain tidak reti. Apa? Ahli Parlimen kita ini tidak tahu berniagakah? Orang-orang luar tidak tahu berniagakah? Jadi, janganlah fikir macam itu. Bagilah seorang sedikit. Rakyat seronok, orang berniaga pun seronok.

Lagi satu berkenaan dengan tabung kumpulan pelajar-pelajar miskin ini. Saya hendak minta kerajaan buat macam kita daftar PPRT ini. PPRT kita ada satu format didaftar di bawah Jabatan Perdana Menteri. Jadi kita boleh dapat maklumat dalam komputer siapakah golongan PPRT, berapa ramai yang sudah dikeluarkan dan berapa ramai pula yang sudah ditambah.

Begitu juga pelajar miskin ini. Tuan Pengerusi, saya dapat lihat sendiri di kawasan saya, ramai orang miskin yang tidak dapat pergi ke sekolah kerana tidak ada duit. Apabila tidak ada duit ini memang tidak adalah. Bukan boleh main-main. Kalau pak dia pergi ke laut, ribut kuat, dia tidak boleh pergi ke laut dia tidak ada duitlah. Kadang-kadang dia hendak pergi ke sekolah tetapi tidak ada duit, hendak makan pun tidak ada duit. Nasib baiklah kita ada makanan dan sebagainya tetapi tambangnyaalah tidak ada.

Macam kelmarin sewaktu saya balik ke kawasan saya - saya ada klinik. Saya ada buka klinik saya juga, Tuan Pengerusi. Klinik bukan macam klinik Ahli Yang Berhormat bagi Kepong. Klinik Kepong dia jaga kulit. Kepong dia pakar kulit. Saya klinik masalah – menyelesaikan masalah rakyat. Datanglah seorang, katanya anaknya anak istimewa, duduk di Jeniang, bersekolah di Bidung. Daripada Jeniang hendak ke Bidung jaraknya 25 kilometer. Pak hendak bawa anak dengan motor, pak pun penat, dengan jantung, kencing manis semuanya cukup. Hendak bawa anak cacat ini ke sekolah dengan motor, dengan mak pak – tiga orang, cuba fikir? Jadi, yang inilah yang kita hendak tolong.

Bagilah peruntukan dekat depa ini. Depa ini anak istimewa dah Allah S.W.T. buat macam itu, hendak buat macam mana? Jadi pak, mak ini kesian. Dia kata hendak memotong tak boleh tok. Dah seminggu hujan. Hendak motong getah macam mana bila hujan? Tempat getah itu ayak masuk. Jadi, susu dia tak keluar. Rupanya susu dia ini Tuan Pengerusi, bukan macam kalau orang perempuan waktu bersalin ada susu. Pokok getah ini, hujan tak keluar susu. Ini betui. Hah, ini tengok pelajar-pelajar ini semua. Ini bukan semua kaya ini, ada yang miskin. Tetapi tak apalah zaman saya

mana boleh pakai *tie* ini Tuan Pengerusi. Zaman la ini budak-budak dok pakai *tie* segak belaka, cikgu-cikgu pun kemas dengan *tie*, bukan? Inilah kita berjuang untuk depa.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Jerai, minta penjelasan sedikit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kasihan Bagan pasai tak dapat tadi.

Tuan Lim Hock Seng: Tompang, ya, saya tompang sedikit masa.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Boleh. Boleh. Boleh. Boleh.

Tuan Lim Hock Seng: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat bagi Jerai, sudahkah Yang Berhormat di bawah butiran 040000 – Perkhidmatan Perakaunan, di mana ada juga ahli-ahli dari MIA iaitu *Members of Institute of Accountant*, mereka mengadu bahawa mereka ini tidak boleh menjadi *tax agent* tetapi yang bukan MIA, boleh jadi *tax agent*. Ini juga yang menjadi masalah yang cukup penting. Saya ingin berkongsi pendapat dengan Yang Berhormat bagi Jerai. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya tak sedar Bagan. Saya tak sedar. Tetapi kalau hak tak dak ini pun boleh, bagi pula yang ada ahli apa Yang Berhormat kata tadi?

Tuan Lim Hock Seng: MIA.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: MIA, hah bagilah. Yang ini pakat-pakat cari makan. Hendak kira apa Tuan Pengerusi. Jadi Tuan Pengerusi, satu Tuan Pengerusi orang pencen pesan dekat saya, kelmarin jumpa saya, mintalah hak pegawai-pegawai kerajaan boleh pencen. Kami pun bekas pegawai kerajaan juga, Bukan? Kami pun kalau pun tak ada anak, ada cucu. Bulan puasa, raya, jadi hak tabung pencen ini pikiaklah no, dok pegawai-pegawai dok ada pun satu akan pencen. Jadi tolonglah pegawai-pegawai yang pencen ini bagilah bonus kat depa.

Kalau hak yang bekerja dapat, saya ingat pencen pun patut dapatlah. Bukan banyak sangat. Bagi, orang tua-tua Tuan Pengerusi dia dapat pencen dia rasa berlenang ayak mata. Inilah khidmat aku pada negara dahulu. Macam tentera, dia boleh pencen dok ketak tangan. Ketak, dahulu aku 'galeih' senjata duduk belakang dalam hutan, ribut

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ladang]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ledang bangun Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, Ledang, silakan. Saya bukan boleh, dia cepat hendak sebak.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Jerai. Sedikit sahaja. Bonus itu untuk orang yang bekerja kerana dia bekerja. Orang pencen ini dia tidak bekerja, ada bonuskah? Sekian, terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya kata tadi ihsan. Atas ihsan. Depa berkhidmat dahulu, bukan? Dan depa berkhidmat jasa-jasa mereka. Contohnya perajurit, contohnya polis. Atas perjuangan mereka, khidmat mereka, hari ini kita aman. Jadi atas ihsan itu, Allah Tuan Pengerusi oi! Macam kita anak ramailah. Kalau kita beli coklat, beri dekat abang dan tak beri kata adik, adik kadang tak marah tetapi dia pi belakang pintu dia teriak. Dia jauh hati, awatlah pak aku ni beri coklat kata abang, sebab abang dapat 5A saya dapat 3A. Jadi dia merasa macam tu.

Jadi, hak yang pencen ini dahlah penyakit, kencing manis, darah tinggi apa semua, kita pula lupa. Saya serulah Kementerian Kewangan, Setiausaha Parlimen ada, dah menang pun.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cameron Highlands bangun Yang Berhormat. Masa Yang Berhormat sudah habis. Cameron Highlands bangun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tak apa Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Minta penjelasan sedikit sahaja Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tak apa. Sila, sila.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Yang Berhormat, macam mana, di manakah Wakil Rakyat akan berteriak. Minta penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Wakil Rakyat ini Tuan Pengerusi, kita menangis di dalam hati *[Dewan riuh]* Ibarat pepatah:

"Rumah terbakar nampak asapnya,

Hati terbakar siapalah yang tahu? [Dewan bertambah riuh]

Ustaz, assalamualaikum ustaz, Pasir Mas. Inilah nasib kami Wakil Rakyat. Jadi, kami hendak minta bonus rasa malu. Terpulanglah kepada pegawai kerajaan tolong rekomen sedikit, dekat KSUKah, dekat Menterikah. Kita tidak minta, tambah Kepong dia lagi malu, dia jenis lembut. Dia tak minta. Jadi, bila saya minta, dia

seronok. Kita hendak minta pun malu. Malulah dekat cikgu, budak-buduk kita berjuang. Tetapi, pikiaklah kitapun ada mulut hendak makan juga.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Wakil Rakyat pun makan beras juga Tuan Pengerusi oi! Ada lagi? Tak ada.....[Ketawa] [Dewan riuh]

Ada lagi satu Tuan Pengerusi. Lagi satu ini, saya sudah hendak habis dah. Satu dari segi bank-bank Tuan Pengerusi. Memang tabung banyak. Saya tidak nafikan. Kerajaan buat tabung daripada hak berniaga jual nasi dalam cermin di kedai tepi jalan, kaki lima sampailah yang sebesar-besarnya. Tetapi kadang-kadang, ini masalah kementerian ini, dia hendak bagi anak kita hendak mempertingkatkan pertanian dan asas tani, memang pertanian dan asas tani perniagaan dia itu *high risk*. Kadang-kadang not *bankable* tidak boleh.

Tetapi kerajaan telah memberi tahu rakyat, memberi tahu peniaga-peniaga supaya menceburkan diri dalam bidang pertanian. Kita harap bank-bank ini akan turut membantu kerajaan melonggarkan sistem perbankan mereka supaya orang-orang yang ingin melibatkan diri dalam perniagaan pertanian dan asas tani ini harus diberi bimbingan dan pertolongan. Kita jangan harap kerajaan semata-mata.

Macam Bank Rakyat baru-baru dia *declare* Tuan Pengerusi biasa jadi pengerusi. Daripada Dato' jadi Pengerusi sampai lani Bank Rakyat *declare* dividen 15% setahun yang tertinggi dan bank ini berjalan dengan baik. Jadi kita harap bank-bank lain pun selain daripada hak hendak kaut keuntungan, memang orang berniaga hendak untung tetapi jangan buat perangai ceti.

Perangai ceti Tuan Pengerusi, dia pakai kain dengan payung. Kain putih, baju putih, modal dia berjalan kaki sahaja. Notis tidak apa pun dak. Tetapi kalau dia mai depan rumah kita, dia pegang dengan payung itu, orang malu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Setiausaha Parlimen hendak jawab.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Setiausaha Parlimen hendak jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia tengah menelaah lagi Tuan Pengerusi. Saya tengok dia dok baca lagi tu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tak apalah. Masa sudah cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, saya minta kalau boleh, bank-bank ini ikut kehendak kerajaan, membantu kerajaan daripada belakang, pastikan permohonan-permohonan untuk membangunkan ekonomi negara ini diberi perhatian oleh bank-bank. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sila jawab.

4.18 ptg

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Pengerusi. Saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua ahli-ahli yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan ini dan mana-mana jawapan perlu *detail*, kalau saya tidak dapat menjawab, saya berharap, akan memberikan jawapan secara bertulis.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, kadar GST di antara 3% hingga 13%, memang kerajaan bercadang untuk melaksanakan GST ataupun *Good and Services Tax* menggantikan sistem sekarang ini iaitu *Sales Tax* dan *Services Tax*.

Malaysia adalah di antara yang terlewat mengenakan sistem ini. Setakat ini Singapura sudah menjalankan, Thailand sudah menjalankan dan Filipina sudah menjalankan. Sistem ini merangkumi semua peringkat iaitu dengan izin *manufactures*, *wholesalers* dan juga *consumers* berbanding dengan sekarang ini.

Tuan Pengerusi, cadangan Ahli Yang Berhormat akan diambil maklum dan kerajaan memang sedar isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Oleh itu kerajaan bercadang akan melaksanakan GST pada 1 Januari 2007 supaya kajian yang mendalam dapat dibuat sebelum pelaksanaan dan kerajaan telah pun melantik satu panel perunding percukaian dan pengkerusinya telah pun dilantik iaitu Dato' Kamariah Husin yang akan mengkaji sistem ini dan juga membuat promosi dengan perbelanjaan yang telah pun diperuntukkan.

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bagan Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat. Bolehkah saya bertanya kepada Yang Berhormat, adakah perbezaan di telah GST dengan VAT iaitu *Value Added Tax*, ada bezakah?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Yang saya faham, saya bukan ahli ekonomi tetapi yang saya faham apa yang telah diberitahu oleh pegawai ialah yang sebenarnya samalah *Value Added Tax* dengan GST. GST merangkumi semua sekalilah. Kalau yang sistem sekarang seperti yang telah saya sebutkan tadi, dia cuma mengenakan cukai jualan dan *service tax* dan ada kebocoran sebenarnya. Dengan menggunakan GST maka kita harap mendapat balik segala cukai yang telah pun selama ini bocor dan sistem ini pada prinsipnya adalah *user pay* macam sistem *tol* jugalah.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Yang Berhormat bagi Tumpat mencadangkan supaya Tabung Haji diletakkan di bawah Kementerian kewangan, perkara ini Tuan Pengerusi memerlukan kajian yang lanjut dari segi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Air Hitam, bangun Yang Berhormat. Air Hitam.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Air Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya ingin bertanya apa yang telah saya sarankan tadi, sebenarnya saya hendak tahu mengikut konsep awalan daripada pihak kerajaan, apakah struktur cukai pendapatan individu dan syarikat akan diturunkan dan berapakah peratusan, kalau kita lihat *trend* dunia sekurang-kurangnya dua peratus akan dikurangkan dan *tax bracket* itu akan dikurangkan mungkin daripada 14 menjadi 10 supaya golongan yang berpendapatan sederhana pun tidak perlu dibebankan dan saya minta konsep awalan itu ada tak mencakupi perkara ini.

Dan kedua, keperluan asas itu mengikut konsep awalan apa yang ada ditakrifkan sebagai keperluan asas barangan dan perkhidmatan. Saya minta pandangan dan penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Pengerusi, perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Air Hitam tadi, sukalah saya sebut bahawa kerajaan akan mengkaji melalui panel perunding ini percukaian, saya kira selepas

dikaji barulah akan ditetapkan apakah bentuk dan *detailnya* kepada seluruh rakyat Malaysia. Buat sementara waktu saya belum ada lagi maklumat tentang perkara ini.

Tuan Pengerusi, balik kepada Yang Berhormat bagi Tumpat tadi, beliau hendak supaya Tabung Haji diletakkan di bawah kementerian Kewangan. Perkara ini memerlukan kajian yang lanjutlah dari segi kesesuaian kerana pada masa sekarang ini Tabung Haji di bawah pengawasan Jabatan Perdana Menteri dan Perdana Menteri sendiri adalah juga Menteri Kewangan, jadi perlu kajian yang lebih mendalam.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Tumpat juga membangkitkan peruntukan sebanyak RM732 juta kepada KLIAB, peruntukan sebanyak RM732 juta yang disediakan kepada KLIAB adalah untuk membayar balik *principal* dan faedah atas pinjaman yang dijamin oleh kerajaan dan akan matang pada tahun 2005 untuk pembinaan KLIA. Untuk makluman Tuan Pengerusi, jumlah kos sebenar ialah RM11 bilion dan pinjaman telah diambil daripada EPF dan juga *syndicated loan* dan bayaran telah pun dimulakan pada tahun 1995 dan akan berakhir pada tahun 2022 dan bermakna pada setiap tahun kerajaan akan membayar mengikut kadar matang pinjaman-pinjaman yang telah dibuat.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan IWK yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tumpat juga, peruntukan sebanyak RM138 .juta untuk bayar hutang atau memperbaiki perkhidmatan. Peruntukan sebanyak RM138 juta diperlukan untuk menampung masalah aliran tunai bagi menjalankan operasinya. Ini berikutan dari keengganan para pengguna untuk membuat bayaran ke atas perkhidmatan yang disediakan oleh IWK. Dan sekarang ini IWK telah mengambil tindakan termasuk tindakan mahkamah pada pengguna-pengguna.

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bagan, ya.

Tuan Lim Hock Seng: Maaf, Tuan Pengerusi. Saya tidak ada peluang berucap, saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat mengenai tindakan mahkamah oleh IWK, mengapakah IWK perlu memakai atau mengupah peguam-peguam dari Kuala Lumpur dan menghantar surat kepada pelanggan-pelanggan di kawasan saya, baik di Balik Pulau kerana ada tunggakan hutang dan mereka diberi surat tuntutan supaya hadir di mahkamah Kuala Lumpur. Mengapa IWK tidak boleh mengupah atau memakai peguam-peguam di tempat-tempatan masing-masing supaya pelanggan-pelanggan di tempat-tempat di luar bandar ataupun di mana-mana tempat

pun baik, boleh hadir di mahkamah di tempat-tempat mereka dan tidak payah datang ke Kuala Lumpur. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Pengerusi, ini adalah perkara baru yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bagan. Jadi saya tidak ada jawapan sekarang ini, saya akan beri melalui jawapan bertulis.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Tumpat juga membangkitkan menyebut tentang *Key Performance Index* (KPI), iaitu satu pembaharuan untuk menyuntik kaedah pengurusan yang baik. Beliau mencadangkan supaya KPI ini dilaksanakan bukan sahaja kepada GLC tetapi juga kepada seluruh jentera pentadbiran kerajaan.

Tuan Pengerusi, penggunaan konsep KPI akan dilaksanakan untuk meningkatkan prestasi pengurusan agensi awam. Sebagai pelaksanaan secara perintis, Jabatan Imigresen dan Jabatan Pendaftaran Negara akan menggunakan konsep KPI melalui Ogos tahun ini, sudah mula Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Tumpat juga membangkitkan Kementerian Kewangan melewatkan pemberian kepada kerajaan negeri terutama kepada Kerajaan Negeri Kelantan, yang menafikan hak rakyat negeri Kelantan.

Sebenarnya Tuan Pengerusi, mengikut amalan sekarang, pemberian kepada kerajaan negeri dilakukan sebanyak dua kali setahun. Bagi negeri Kelantan pembayaran di buat pada bulan Jun dan Disember. Pada tahun 2004 bayaran peringkat pertama telah dibuat RM61.4 juta dan bayaran peringkat kedua akan dibuat pada Disember tahun 2004 sebanyak RM79.4 juta.

Tuan Pengerusi, Tumpat juga membangkitkan kenapa diberi peruntukan khas kepada Wilayah Persekutuan sebanyak RM17.3 juta di bawah B.11, sedangkan Kementerian Wilayah Persekutuan telah diwujudkan.

Tuan Pengerusi, Wilayah Persekutuan tidak diberikan *grant per kapita* seperti yang diberikan kepada sesebuah negeri mengikut Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu bagi menggantikan *grant per kapita* pemberian khas ini disediakan di bawah Belanja Mengurus B.11 dan akan disalurkan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan.

Tuan Pengerusi, Tumpat juga membangkitkan isu berkenaan dengan *funding gap* oleh kerajaan kepada KTMB sebanyak RM100 juta, minta pembaikan perkhidmatan kereta api di Pantai Timur.

Tuan Pengerusi, KTMB perlu terus mengendalikan perkhidmatan kereta api di negara ini. Pada masa ini tambang yang dikenakan kepada pengguna tidak mencukupi untuk menampung kos operasi. Tambang kereta api pula tidak boleh dinaikkan supaya tidak kerana kerajaan tidak mahu membebankan para pengguna. Oleh itu, kerajaan perlu membantu KTMB untuk terus kekal menyediakan perkhidmatan pengangkutan kepada rakyat di seluruh Semenanjung.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Tumpat juga membangkitkan tentang tunggakan sewa Pejabat Putrajaya berjumlah RM75 juta, kadar sewa yang tinggi dan kerajaan diminta untuk mengambil milik kepada kerajaan.

Tuan Pengerusi, penyewaan pejabat ini adalah satu tempoh yang tertentu dan akhirnya bangunan ini akan dimiliki oleh kerajaan. Sebenarnya Tuan Pengerusi, perjanjian adalah untuk 20 tahun dan pada akhir 20 tahun maka seluruh bangunan itu akan dimiliki oleh kerajaan dan dari segi harga sewaan, jika dibandingkan dengan harga sewaan yang dikendalikan adalah kompetitif berbanding dengan harga sewaan pejabat di sekitar Kuala Lumpur dan bandar raya yang lain. Sewa sekarang ialah kadar RM3 per *square meter* dengan izin, Tuan Pengerusi berbanding di Kuala Lumpur adalah lebih daripada itu.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, ingin mengetahui jumlah pemberian kepada negeri-negeri termasuk pemberian 50 peratus di bawah senarai bersama. Tuan Pengerusi, pemberian yang diberikan kepada negeri-negeri adalah seperti berikut:-

- i) pemberian per kapita mengikut jumlah penduduk;
- ii) pemberian penyelenggaraan jalan;
- iii) pemberian berdasarkan tahap pembayaran ekonomi dan infrastruktur;
- iv) pemberian di bawah senarai bersama;
- v) pemberian kos pertambahan hasil Persekutuan;
- vi) pemberian berasaskan kaedah keseimbangan;
- vii) pemberian perkhidmatan;
- viii) pemberian khas iaitu kepada Sarawak dan Sabah, Selangor, Kedah dan Wilayah Persekutuan.

Saya ada *detail* Tuan Pengerusi, tetapi saya ingat tidak payah bacalah oleh kerana semuanya setiap negeri adalah termasuk Negeri Kelantan pun mendapat peruntukan yang sama berbanding dengan negeri-negeri yang lain.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Bagi jalan?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Yang Berhormat, tujuan saya minta *detail* ini ialah untuk membuat perbandingan supaya semua yang berada di Dewan ini boleh mengetahui dan boleh membuat perbandingan sejauh manakah berlaku diskriminasi di antara kerajaan negeri-negeri yang ada di Malaysia, di antara yang diperintah oleh Barisan Nasional dengan yang diperintah oleh PAS. Jadi, kalau ada di tangan tetapi tidak diumumkan ataupun cuma diberi kepada saya seorang tetapi orang lain tidak tahu, ini tidak adil. Sebab itu saya mengemukakan supaya pihak kerajaan bagi. Apa salahnya jikalau dikemukakan sekarang ini, kalau panjang pun kita tunggu, masa tidak perlu kita rasa suntuk kerana hanya seorang menteri yang akan menjawab pada petang ini.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Pengerusi, saya baca untuk Kelantan, maklumat untuk lain-lain negeri ada bersama saya. Untuk Kelantan, pemberian mengikut bilangan penduduk – RM20,506,329; pemberian penyelenggaraan jalan negeri – RM27,668,924; pemberian berdasarkan tahap pembangunan ekonomi dan infrastruktur – RM25,980,000; pemberian di bawah senarai bersama - ini bermakna jabatan-jabatan Persekutuan yang ada di negeri masing-masing, pemberian ialah sebanyak RM14,664,290, dan jika ada hasil daripada operasi jabatan-jabatan itu maka hasil itu semuanya masuk kepada hasil negeri masing-masing.

Pemberian khas, tidak berkenaan dengan Kelantan, pemberian kerana pertambahan hasil – RM28,460,527 dan pemberian berasaskan kepada kaedah keseimbangan – RM12,321,800 dan pemberian perkhidmatan – RM16,226,244. Semua sekali jumlah untuk Kelantan – RM145,825,114, itu untuk Kelantan dan dibayar dua kali setahun, Tuan Pengerusi.

Yang Berhormat bagi Serdang membangkitkan mengenai pengecualian cukai kepada Pertubuhan Pengurusan Perkuburan Cina. Permohonan oleh Pertubuhan Pengurusan Perkuburan Cina untuk mendapatkan pengecualian cukai boleh dikemukakan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Lembaga Hasil Dalam Negeri

akan mengkaji permohonan tersebut berdasarkan kepada peruntukan yang telah ditetapkan dalam Akta Percukaian 1967.

Setakat ini, Tuan Pengerusi, satu perjumpaan telah diadakan antara wakil-wakil Pertubuhan Pengurusan Perkuburan Cina bersama dengan Timbalan Menteri Kewangan Pertama. Perlu ada satu *representation*, dengan izin, yang menyeluruh, bukan secara *ad hoc*, supaya dapat dipertimbangkan oleh pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri. Untuk makluman tentang perkuburan Islam, Tuan Pengerusi, semua perkuburan Islam adalah di bawah kelolaan masjid masing-masing dan masjid-masjid ini adalah di bawah Majlis Agama Islam negeri masing-masing dan setahu saya tidak ada bantuan daripada kerajaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Serdang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya.

Dato' Yap Pian Hon: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat. Kerana permohonan adalah daripada Pertubuhan Pengurusan Perkuburan Cina sedang dibincangkan dan masih belum ada rumusan, bolehkah pihak kementerian menangguhkan tindakan undang-undang terhadap sesetengah pengurusan kubur Cina yang masih belum menjelaskan cukai pendapatan untuk mewujudkan suasana kemesraan antara kedua-dua pihak dan juga antara pihak kerajaan dengan masyarakat Cina ini. Bolehkah perkara ini dipertimbangkan oleh kementerian?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Permintaan daripada Yang Berhormat bagi Serdang bolehlah saya bawa kepada Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri tentang perkara ini.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang telah dibangkitkan ialah bilakah kerajaan dapat membayar elaun polis yang tertunggak. Saya tidak ingat Yang Berhormat yang mana yang membangkitkan perkara ini, minta maaf. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kewangan telah pun menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM472,871,800 melalui Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan Pertama 2004 yang baru diluluskan oleh Dewan Rakyat. Peruntukan ini termasuklah RM295.6 juta untuk PDRM termasuklah untuk pembayaran elaun-elaun yang tertunggak, bermakna selepas ini sepatutnya telah menerima bayaran-bayaran tersebut.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Ledang dan Yang Berhormat bagi Beluran mencadangkan supaya 30 peratus projek dikhaskan kepada bumiputera, diuruskan secara tender bagi memberi peluang perniagaan kepada kontraktor kelas 'F'. Tuan Pengerusi, kaedah perolehan sama ada secara sebut harga dan *requisition* bagi kerja-kerja kecil yang tidak melebihi RM200,000 adalah untuk mempercepatkan pelaksanaan projek-projek kecil dan pembaikan kerja-kerja kecil bersifat mudah dan tidak memerlukan kemahiran teknikal yang tinggi. Kaedah ini juga tidak memerlukan tempoh masa yang panjang berbanding dengan urusan tender yang perlu diputuskan oleh lembaga agensi-agensi selepas dibuat penilaian teknikal dan penilaian kewangan.

Tuan Pengerusi, saya beri secara lebih *detail* tentang perkara ini, kontraktor-kontraktor kelas 'F' boleh dilantik terus bagi projek-projek yang nilainya kurang dari RM20,000 tanpa tender; bagi projek bernilai antara RM20,000 hingga RM100,000 - ini berdasarkan jadual kadar kejuruteraan awam dan bangunan boleh diberi secara undian, giliran ataupun sebut harga; bagi projek bernilai RM20,000 hingga RM200,000, yang tiada jadual kejuruteraan awam dan bangunan, maknanya tiada kadar JKR, maka digunakan kaedah sebut harga, Tuan Pengerusi. Ini bagi memudahkan dan mempercepatkan pemberian kerja-kerja tersebut.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Bukit Bintang ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Beluran bangun, Yang Berhormat.

Datuk Ronald Kiandee: Saya tidak pasti sama ada arahan itu dilaksanakan oleh agensi yang membuka tender, yang melaksanakan, yang memegang wang dan yang melaksanakan proses tender tetapi apa yang berlaku di Jabatan Pembangunan Persekutuan, Sabah, *anything* yang di atas RM20,000 ia ditawarkan secara *open tender* dan seperti saya katakan tadi, proses ini melambatkan pelaksanaan projek. Saya rasa kalau perkara itu diambil kira oleh JPPS, dijadikan sebagai suatu tata kerja, satu cara kerja, mungkin ada kebaikannya tetapi dari segi pelaksanaannya sekarang ini, semua projek bernilai RM20,000 ke atas ditender secara terbuka oleh pihak JPPS. Saya minta Kementerian Kewangan meneliti perkara ini agar pelaksanaan projek dapat disegerakan terutamanya yang melibatkan projek-projek kecil luar bandar.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Pengerusi, kelewatan di peringkat JPPS (Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah) saya ingat berlaku juga di Kelantan sebelum ini iaitu projek-projek diluluskan bukan di peringkat negeri tetapi di

Kuala Lumpur, ini yang melewati. Tetapi saya difahamkan bahawa perubahan telah dibuat dan projek-projek di Kelantan telah pun diluluskan di peringkat negeri Kelantan sendiri. Perkara di Sabah ini sepatutnya tidak berlaku dan saya ambil perhatian perkara ini dan akan membuat teguran. Ini sebenarnya di bawah ICU, di Kuala Lumpur, bolehlah saya buat teguran, insya-Allah.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Bukit Bintang bertanya adakah Jabatan Hasil Dalam Negeri mendapat kebenaran daripada pihak Perbendaharaan untuk mengutip cukai daripada Persatuan Pengurusan Perkuburan Cina, ini yang saya sudah sebutkan tadi, memang kutipan cukai daripada persatuan tersebut adalah mengikut peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 yang tidak memerlukan kebenaran daripada pihak Perbendaharaan. Saya sudah cerita tadi tentang apa yang berlaku sekarang ini.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kinabatangan membangkitkan isu bahawa kerajaan tidak berminat membuka cawangan bank di Kinabatangan menyebabkan Along beroperasi dengan meluas di sana. Kementerian Kewangan amat prihatin dengan isu cawangan bank sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Dengan sebab itu kementerian telah mengarahkan pihak Bank Negara untuk menangani isu tersebut dengan mengadakan perjumpaan dengan Yang Berhormat bagi membincangkan keperluan penduduk di kawasan tersebut.

Ini akan membantu Bank Negara mempertimbangkan cara yang terbaik bagi memenuhi keperluan penduduk Kinabatangan. Wakil Bank Negara telah pun membincang perkara ini dengan Ahli Yang Berhormat dan belum lagi ditetapkan sebenarnya tarikh untuk berjumpa antara Yang Berhormat dengan wakil dari Bank Negara. Saya ingat mungkin dalam sedikit masa lagi akan ada pertemuan dan dapat diselesaikan masalah cawangan bank di sana.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kudat mencadangkan supaya Bank Negara menyediakan Piagam Pelanggan untuk bank-bank bagi mengelakkan berlakunya kelewatan dalam kelulusan pinjaman dan pengeluaran pinjaman kepada peminjam.

Tuan Pengerusi, pada masa ini semua institusi perbankan adalah dikehendaki mempamerkan Piagam Pelanggan di setiap premis perniagaan mereka. Peraturan yang perlu dimuatkan dalam Piagam Pelanggan tersebut adalah:

- (i) tempoh masa yang diambil oleh institusi perbankan untuk memproses permohonan pinjaman. Secara amnya, institusi

perbankan mengambil masa tidak lebih daripada sebulan daripada tempoh penerimaan permohonan yang lengkap untuk meluluskan sesuatu permohonan;

- (ii) tempoh masa yang diambil oleh institusi perbankan bagi menyemak semula rayuan daripada pemohon dan juga dokumen yang perlu dikemukakan sebelum, semasa membuat permohonan pinjaman. Maksudnya sudah ada piagam dan sepatutnya bank-bank mengikut piagam yang tersebut.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Seputeh, ini perkara spesifik mengenai rayuan pesara KWSP supaya mengembalikkan caruman 13.5%. Tuan Pengerusi, pemberian kadar caruman 13.5%, iaitu melebihi kadar caruman berkanun untuk anggota KWSP adalah berkaitan dengan pelaksanaan Skim Saraan KWSP ataupun SSK yang berkuat kuasa pada 1 Januari 1992. Pada tahun 1975 sehingga 31 Disember 1991, anggota KWSP mempunyai dua pilihan, iaitu sama ada untuk berada dalam Skim Pencen atau berada dalam Skim KWSP iaitu tidak berpencen. Bagi anggota yang memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, mereka telah menerima caruman majikan atas kadar berkanun iaitu antara 5% hingga 12% daripada gaji hakiki. Sebelum Jun 1975, caruman majikan ialah 5%; Julai 1975 hingga November 1980 ialah 7%, Disember 1980 hingga Disember 1982 ialah 11%; Januari 1993 hingga sekarang, caruman majikan ialah 12%.

Pada 1 Januari 1992, kerajaan melaksanakan gaji Sistem Saraan Baru (SSB), manakala KWSP melaksanakan SSK. Anggota KWSP telah diberi pilihan, sama ada memilih SSK atau memilih pencen. Hampir seratus peratus anggota telah memilih SSK iaitu mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Ini bermakna anggota yang berada dalam Skim Pencen sebelum 1 Januari 1992 telah menyerahkan hak pencen mereka.

Sehubungan dengan itu, kerajaan telah bersetuju supaya Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) mengembalikkan hak pencen mereka. Seterusnya, Lembaga pada 13 Januari 1997, bersetuju supaya amaun yang dikembalikan oleh KWSP di bayar dividen berdasarkan dividen KWSP. Anggota yang sedia mencarum kepada KWSP sebelum SSK, iaitu di antara tahun 1975 hingga 1991, mengalami kerugian kerana mereka hanya menerima caruman majikan atas kadar berkanun iaitu di antara 5% hingga 12%.

Golongan ini telah membuat aduan atas alasan wujudnya anomali di antara mereka dengan anggota yang berpencen yang telah memilih SSK pada tahun 1992. Untuk mengimbangkan kedua-dua golongan, Lembaga pada 16 April 2001, bersetuju membayar perbezaan caruman KWSP *share* majikan 17.5% tolak caruman berkanun kepada golongan yang tidak berpuas hati ini. Dengan keputusan ini anomali di antara anggota di bawah Skim Pencen dan anggota yang mencarum kepada KWSP sebelum pelaksanaan SSK telah dapat diselesaikan.

Berikutan dengan keputusan tersebut, beberapa anggota seramai 70 orang yang telah bersara sebelum pelaksanaan SSK pada Januari 1992, memohon supaya mereka ditimbang juga untuk mendapat caruman KWSP sebanyak 17.5% dan dibayar perbezaan tersebut. Sehubungan ini, Lembaga telah membuat keputusan bahawa mereka yang layak mendapat kadar caruman 17.5% ini ialah anggota-anggota yang memilih SSK dan masih berkhidmat pada tarikh kuat kuasa SSK, iaitu 1 Januari 1992.

Oleh yang demikian, anggota yang telah bersara sebelum SSK dilaksanakan tidak berhak untuk menerima perbezaan caruman KWSP *share* majikan. Pihak pengurusan KWSP telah memaklumkan keputusan ini kepada semua yang terlibat termasuklah kepada Persatuan Pesara KWSP. Isu yang sama telah dibawa kepada Biro Pengaduan Awam dan pengurusan KWSP telah memberi penjelasan kepada pihak berkenaan pada 29 Oktober 2003. Lembaga KWSP menganggap kes ini telah selesai, Tuan Pengerusi.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Ya, terima kasih. Ya, saya memang tahu apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi. Sebenarnya apa yang 70 orang pegawai perintis KWSP ini hanya merayu supaya mereka dipertimbangkan. Jadi, saya bangkitkan ini sekali, saya rasa pihak Kementerian Kewangan dan juga KWSP juga haruslah pertimbangkan bahawa mereka telah memberi sumbangan yang begitu banyak kepada KWSP dan juga mempertimbangkan rayuan mereka.

Jadi, apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat itu saya faham tetapi saya masih meminta Kementerian Kewangan untuk membantu mereka, kerana jumlah wang yang diminta oleh mereka tidak begitu banyak kalau dibandingkan dengan kerugian dari segi pelaburan KWSP ini atas, mungkin prinsip kemanusiaan. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Pengerusi, Kerajaan Barisan Nasional adalah satu kerajaan yang cukup prihatin dan saya yakin pihak yang terlibat ini bolehlah membuat rayuan sekali lagi dan saya yakin pihak Lembaga boleh timbang semula perkara ini.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh membangkitkan tentang sistem berkomputer yang telah pun dibangunkan di tiap-tiap negeri, iaitu SPECS. Sebenarnya Tuan Pengerusi, sistem ini telah dibiayai oleh Kerajaan Pusat, dan di peringkat pelaksanaan, peringkat awal memang Kerajaan Pusat yang akan menyenggarakan. Kos penyenggaraan akan ditanggung oleh Kerajaan Pusat. Selepas selesai waktu peringkat awalan itu, maka kerajaan negerilah yang akan membiayai kos pengendalian sistem-sistem yang tersebut. Kini dibuat di semua negeri, Tuan Pengerusi.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen saya ingat saya bangkitkan perkara-perkara lain. Adakah ini akan dijawab nanti ataupun itu sahaja?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ada, ada. Ada lagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Okay, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ia jadi begini oleh kerana jawapan datang berperingkat-peringkat, Tuan Pengerusi. Jadi, saya baca mana yang dahululah. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, peruntukan untuk hapus kira pinjaman sebanyak RM50 juta untuk tujuan apa? Tuan Pengerusi, peruntukan ini adalah bagi menghapus kira pinjaman projek bekalan air luar bandar di lapan buah negeri iaitu di negeri Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Terengganu dan Perak, memandangkan hasil daripada projek-projek air tersebut tidak mencukupi untuk membayar balik pinjaman kerajaan. Ini adalah selaras dengan keputusan kerajaan supaya semua projek bekalan air di luar bandar dibiayai secara *grant* dan tidak lagi melalui pinjaman.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Tuaran. Kenapa projek air luar bandar tidak ada peruntukan pada tahun 2005, sedangkan peruntukan disediakan sebanyak RM50 juta pada tahun 2004? Untuk makluman Yang Berhormat, perkara ini adalah

bersamaan dengan soalan Yang Berhormat bagi Rantau Panjang di mana peruntukan bagi projek air luar bandar pada tahun 2005 adalah sebanyak RM50 juta, sama seperti 2004. Walau bagaimanapun, untuk tahun 2005 peruntukan ini diberi dalam bentuk hapus kira pinjaman kerana semua projek bekalan air luar bandar mulai tahun 2000 adalah dibiayai oleh melalui *grant* bukan lagi secara pinjaman.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang juga membangkitkan apakah kriteria yang digunakan bagi mendapatkan pinjaman ataupun biasiswa dari Wang Amanah Pelajar Miskin. Tuan Pengerusi, peruntukan Wang Amanah Pelajar Miskin di bawah Butiran B.12, 15000 sebanyak RM200 juta diberi sebagai bantuan kepada pelajar miskin selaras pelaksanaan Dasar Pendidikan Wajib yang dibuat di bawah Seksyen 29A, Akta Pendidikan 1996. Mulai tahun 2003 ibu bapa diwajibkan menghantar anak mereka ke sekolah dalam tahun satu di sekolah rendah. Kriteria yang digunakan bagi bantuan ini adalah mengikut garis kemiskinan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Pendang membangkitkan tentang Tabung Bantuan Bencana Negara berjumlah RM5 juta. Tuan Pengerusi, peruntukan ini disediakan adalah bertujuan untuk memberi bantuan kepada mangsa-mangsa bencana alam seperti banjir, kebakaran dan membiayai aktiviti-aktiviti atau program yang berkaitan dengan bencana alam.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang membangkitkan tentang adakah kerajaan telah menyelesaikan masalah kuarters kastam di Taman Rogayah, Rantau Panjang, Kelantan. Kuarters kastam ini dibeli untuk kakitangan Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang bertugas di Rantau Panjang dan sekitarnya. Kuarters ini telah pun didiami dan proses hak milik telah pun dibuat kecuali tiga unit rumah sahaja lagi yang sedang dalam pertukaran hak milik dan di peringkat akhir Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Yang Berhormat bagi Bentong membangkitkan berkenaan Lembaga Hasil Dalam Negeri. Dengan adanya sistem pengkomputeran Lembaga Hasil Dalam Negeri tidak perlu lagi mengadakan serbuan-serbuan, premis disita dan dijadikan sasaran kutipan untuk setiap hari. Pemantauan boleh dilakukan secara automatik.

Tuan Pengerusi, sistem pengkomputeran Lembaga Hasil Dalam Negeri yang dibangkitkan tersebut adalah bertujuan untuk menyelenggarakan Sistem Taksir Sendiri yang telah diperkenalkan oleh kerajaan. Tindakan serbuan ke atas premis,

menyita premis masih memerlukan tindakan secara fizikal untuk mendapat dokumen-dokumen bukti.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Bentong membangkitkan adakah hasrat kerajaan membenarkan PLUS untuk membelanjakan sebanyak RM900 juta untuk melebarkan jalan antara Jelapang ke utara dan di antara Seremban ke Ayer Keroh. Tuan Pengerusi, kerajaan bersetuju membenarkan PLUS untuk memperoleh pembiayaan sebanyak RM900 juta demi untuk menaikkan taraf lebuhraya bagi mengelakkan kesesakan jalan raya di segmen-segmen tersebut.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kepong bangun, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, bolehkah Yang Berhormat menjelaskan tindakan atau keputusan yang dibuat oleh pihak kementerian Lebuhraya Utara Selatan ini, memandangkan PLUS ini sudah menghadapi kesusahan dan kemudian diambil alih oleh pihak kerajaan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai, bila ada kesusahan kerajaan mengambil alih milik negara semula, kalau ada keuntungan pihak konsortium meraih keuntungan, ini memang satu yang kita tidak boleh terima lagi termasuk IWK yang disebutkan tadi. Bolehkah Yang Berhormat terangkan bila kita ada projek untuk melebarkan seksyen-seksyen yang tertentu, dibukakan. Kalau tidak akan diberi kepada pihak PLUS Expressway juga memberitahu kepada kita sama ada RM900 juta ini munasabah untuk memperlebar seksyen yang tertentu.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Pengerusi, jalan Lebuhraya Utara Selatan kalau kita lihat semasa musim-musim perayaan, semasa cuti umum yang panjang, memang amat sesak sekali, kadang-kadang memakan masa lima enam jam baru sampai dari Penang ke Kuala Lumpur ataupun sebaliknya. Jadi, memang perlu jalan ini diluaskan kepada tiga lorong *three lane dual-carriageway* ataupun tiga lorong sebelah kiri dan sebelah kanan supaya.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kepong bangun lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya bersetuju, kita memang mesti memperluaskan jalan-jalan kita terutama Lebuhraya Utara Selatan tetapi kita baik lebih telus, lebih *accountable* untuk menjalankan projek ini. Sebab pada masa dahulu kita ada syarikat yang tertentu menghadapi kesusahan, menghadapi kebuntuan dan sebagainya dan pihak kerajaan terpaksa mengambil alih. Ini bukan kesalahan Yang Berhormat, kalau

tidak dapat jawab dengan betul, saya minta satu jawapan bertulis kerana tidak dapat menjawab tadi bukan kesalahan Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasihlah Yang Berhormat bagi Kepong. Tadi, Yang Berhormat ada menyebutkan bahawa Lebuhraya PLUS ini telah pun diambil alih oleh kerajaan. Jadi, apa juga yang kerajaan belanja adalah untuk kepentingan rakyat dan kalau ada untung dia berbalik kepada kerajaan jugalah. Yang RM900 juta ini adalah *estimate* sahaja, mungkin lebih mungkin kurang daripada itu. Walau bagaimana pun, wang sebanyak ini adalah perlu untuk kita besarkan jalan-jalan ini.

Tuan Pengerusi, berbalik kepada Yang Berhormat bagi Seputeh tadi, *outsourcing* oleh bank-bank dikaji semula kerana banyak mendatangkan masalah. *Outsourcing* mengakibatkan cek tendang kerana pemeriksaan lebih ketat oleh syarikat *out-source*. *Outsourcing* lebih menguntungkan bank-bank dan mengeksploitasi pekerja kerana bank tidak perlu membayar caruman SOCSO dan KWSP.

Tuan Pengerusi, *outsourcing* adalah salah satu cara bagi institusi perbankan mempertingkatkan daya saing dan tahap *efficiency* mereka. Institusi perbankan hanya dibenarkan untuk menggunakan perkhidmatan pihak ketiga bagi aktiviti yang bukan teras. Dengan menggunakan kepakaran penyedia perkhidmatan pihak ketiga, institusi perbankan tidak perlu mewujudkan infrastruktur untuk menjalankan fungsi-fungsi yang bukan teras.

Ini akan meminimumkan pelaburan modal di dalam teknologi dan mengurangkan kos kepada institusi perbankan, seterusnya memberikan faedah kepada pengguna dengan menyediakan produk dan perkhidmatan yang lebih baik pada harga yang lebih kompetitif. *Outsourcing* tidak mengakibatkan cek tendang kerana pemeriksaan cek masih dijalankan oleh institusi perbankan.

Isu caruman SOCSO dan KWSP tidak timbul kerana sekiranya pekerja itu diserap oleh syarikat-syarikat khidmat ketiga, syarikat-syarikat tersebut perlu membuat caruman SOCSO dan KWSP. Isu yang kedua, wang yang tidak dituntut dari bank-bank sukar untuk diperolehi semula, ingin tahu wang tidak dituntut di bawah bidang kuasa bank-bank berkenaan atau di bawah Bank Negara, bagaimana cara untuk mendapatkan semula wang tersebut dengan mudah.

Tuan Pengerusi, pengurusan wang yang tidak dituntut adalah di bawah bidang kuasa Akauntan Negara dan bukan Bank Negara. Permohonan tersebut boleh

ditujukan kepada Akauntan Negara [*Mencari-cari nota untuk dibaca*] Hilang pula, Tuan Pengerusi. Maaf, saya sudah *confuse*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak beri jawapan bertuliskah, Yang Berhormat?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Saya rasa itu sahaja, Tuan Pengerusi.....

Tuan M. Kula Segaran: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat bangun, Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: .. permohonan tersebut bolehlah ditujukan kepada Akauntan Bank Negara.

Tuan M. Kula Segaran: Penjelasan. Tuan Pengerusi, mengenai *outsourcing*. Baru-baru ini seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh bahawa di bank-bank di mana *outsourcing* telah dijalankan, yang menjadi masalah di mana tidak ada kawal selia atau tidak ada apa-apa *condition* yang tertentu yang mengakibatkan pekerja-pekerja tidak dibuang kerja dengan sewenang-wenangnya. Itu yang menjadi masalah. Saya difahamkan bank-bank dengan sewenang-wenangnya memberhentikan atau tidak memberi kenaikan pangkat kepada pekerja-pekerja sebagai *indirect pressure* mengarahkan mereka keluar dari bank, supaya mereka boleh membuat *outsourcing*.

Jadi, dalam hal ini apakah Bank Negara sebagai kementerian, apakah kawal selia atau tindakan-tindakan yang sedia ada untuk menolong pekerja-pekerja yang telah terlibat dalam *outsourcing* ini.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Jawapan saya tidak dapat diberikan sekarang tentang apakah tindakan-tindakan kawalan kepada pekerja-pekerja ini. Saya akan memberikan jawapan secara bertulis.

Tuan M. Kula Segaran: Tuan Pengerusi, minta penjelasan sedikit.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [*Bangun*]

Tuan M. Kula Segaran: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua yang bangun, Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Seputeh dan Ipoh Barat. Hendak beri?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya.

Tuan M. Kula Segaran: Mengenai dengan jawapan kedua ini, saya khuatir sedikit fasal sebelum ini dua minggu dahulu Yang Berhormat pun memberitahu akan memberi jawapan bertulis tetapi hingga hari ini kita belum mendapat apa-apa jawapan bertulis. Jadi apakah tindakan yang akan diambil terhadap Yang Berhormat sendiri mengenai kelalaian ini?

Seorang Ahli: [Ketawa]

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Jawapan bertulis ini boleh dibuat sebelum hujung minggu ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Seputeh Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya sebentar tadi ada membangkitkan bahawa yang *outsourcing* ini telah mengakibatkan setengah dokumen asal pelanggan hilang. Ini memang satu kes yang saya terima selepas itu kerana bank yang sedia untuk 'kautim' untuk dengan pengadu itu, jadi ini tidak jadi satu isu tetapi ini memang berlaku dan juga kita dapati cara *outsourcing* ini juga akan mencabuli *secrecy* ataupun kesulitan maklumat yang diberi oleh pelanggan ini. Jadi itulah sebabnya kami agak rasa ragu-ragu dengan cara *outsourcing* yang dilakukan oleh bank sekarang dan terutamanya apa yang saya bangkitkan tadi tentang dia mengakibatkan lebih banyak masalah serentak dengan cek yang dibentang keluar dengan maklumat, bila kami pergi ke bank ini memanglah masalah yang kami hadapi dan berharap pihak kementerian boleh juga meneliti masalah yang ditimpa oleh para pelanggan bank.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Yang Berhormat daripada Seputeh dan apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi akan disiasat dan saya harap dan saya percaya pegawai sudah pun mencatat dan akan disiasat perkara ini. Saya harap Yang Berhormat beri kes-kes yang spesifik supaya mudah bagi pegawai untuk menyiasat.

Tuan Pengerusi, ahli daripada Kudat mengesyorkan supaya syarikat-syarikat kewangan dan bank-bank untuk memberi sokongan kepada peniaga-peniaga khususnya peniaga-peniaga baru dengan memberi syarat-syarat pinjaman yang mudah, ini adalah kerana buat masa ini bank-bank mengenakan syarat-syarat pinjaman yang *rigid* dan lebih menumpukan kepada pinjaman-pinjaman yang *established*. Bank kurang memberi penumpuan kepada peminjaman *start-up capital*.

Keadaan ini menyebabkan peminjam mengambil jalan mudah meminjam daripada *Along*.

Tuan Pengerusi, salah satu daripada faktor penting yang diambil kira oleh institusi kewangan dalam menilai permohonan pinjaman adalah keupayaan pemohon membayar balik pinjaman. Sebagai institusi penerima deposit, institusi kewangan diamanahkan untuk menjaga kepentingan pendeposit. Sehubungan ini institusi kewangan mempunyai tanggungjawab untuk memastikan wang pendeposit yang dikeluarkan sebagai pinjaman dibayar balik. Dengan hal ini institusi kewangan akan memberi pertimbangan untuk memberi pinjaman kepada sebarang perniagaan yang berdaya maju walaupun ianya adalah peniaga yang baru.

Selain daripada melihat keupayaan membayar balik pinjaman dalam menentukan daya maju sesuatu projek yang dijalankan oleh usahawan, institusi kewangan akan mengambil kira karakter pemohon, komitmen usahawan dari segi modal, keadaan persekitaran yang akan memberi kesan secara langsung atau tidak langsung terhadap prestasi perniagaan seperti keadaan seperti globalisasi dan ekonomi negara rakan dagangan utama.

Secara amnya institusi perbankan akan mengambil tindakan ke atas penjamin setelah kehabisan ikhtiar dari segi undang-undang ke atas peminjam. Ini masalah tindakan kepada penjamin Tuan Pengerusi. Bagi penjamin sosial iaitu pinjaman atau biasiswa untuk tujuan pendidikan atau penyelidikan, sewa beli dan perumahan untuk kediaman sendiri. Mulai Oktober 2003, institusi perbankan tidak berhak memulakan tindakan kebangkrutan menurut Akta Kebankrutan 1967 melainkan ia dapat membuktikan bahawa ia telah kehabisan ikhtiar untuk mendapatkan balik semua bayaran yang terhutang oleh peminjam.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Rantau Panjang, bangun.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya, sila.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Pengerusi, persoalan antara peminjam dan penjamin. Sudah menjadi lumrah sekarang ini pihak yang memberi pinjaman biasanya ia lebih suka menekan penjamin daripada peminjam kerana penjamin ini diambil di kalangan pegawai-pegawai dan kaki tangan kerajaan kerana syarat utama di akhir-akhir ini. Dengan demikian pegawai kerajaan dia tidak

dapat lari lagi, peminjam itu barangkali seorang peniaga, dia senang apabila dia menghadapi keadaan kewangan yang terbantut, dia lari. So, pegawai kerajaan tidak dapat lari lagi, oleh yang demikian bagi pemberi pinjaman ini dia lebih suka menerkam atau mencari penjamin ini kerana penjamin ini tidak boleh lari, kaki tangan kerajaan. Adakah kerajaan akan memberi sedikit kelonggaran pada masa hadapan ini supaya peminjam-peminjam ini tidak semestinya mendapat penjamin di kalangan kerajaan, orang biasa juga diberi peluang.

Yang kedua ialah masalah pinjaman sosial terutama sekali kepada pelajar-pelajar ini, adakah kerajaan hendak beri syarat terutama sekali kepada Ahli-ahli Parlimen khususnya. Ahli-ahli Parlimen ini tidak lagi digalakkan ataupun tidak dibenarkan untuk menjadi penjamin kepada sebarang pinjaman termasuk juga pinjaman sosial ini. Contohnya di Kelantan, di Kelantan kerajaan di negeri Kelantan, apabila PAS memerintah Kelantan tahun 1990 arahan daripada Yang Berhormat Tuan Guru Dato menteri Besar kepada semua Ahli Dewan Negeri khususnya supaya tidak menjadi penjamin kepada sebarang pinjaman termasuk pinjaman sosial yang menyebabkan keadaan wakil rakyat di Kelantan ini berada dalam keadaan selesa dan rakyat tidak boleh marah kerana ini arahan daripada kerajaan sendiri. Adakah kerajaan bercadang supaya semua Ahli-ahli Parlimen juga diarah demikian supaya kita yang berada di Parlimen ini tidak serabut dengan orang-orang yang meminjam hutang itu dan tidak serabut dengan mana-mana peminjam hutang yang akan mencari penjamin di mana yang berlaku sekarang ini.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Pengerusi, tentang perkara ini arahan supaya Ahli Parlimen tidak menjadi penjamin kepada para peminjam saya tidak tahulah sama ada di Parlimen tetapi yang saya faham di negeri dahulu memang sudah ada arahan supaya Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri tidak menjadi penjamin kepada peminjam-peminjam sosial seperti yang disebutkan tadi.

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Bera bangun.

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Tuan Pengerusi. Soalan saya ialah mengenai pinjaman bank tadi. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebutkan tentang bank akan cuba mendapatkan bayaran daripada peminjam dahulu. Apabila sudah habis ikhtiar baru akan pergi kepada penjamin. Jadi soalan

saya adakah ada pindaan kepada *clause* perjanjian? Misalnya dalam pinjaman, penjamin akan juga menandatangani perjanjian dan salah satu *clause* yang mengikat penjamin adalah apabila ada *clause* mengatakan penjamin akan *jointly and severally level*. Kalau *clause* ini masih wujud di dalam perjanjian, jadi pada perundangannya hak bank mengambil tindakan kepada penjamin dan peminjam, sama sahaja tidak ada beza. Jadi sekarang ini adakah hak tertakluk kepada *discretion* bank untuk ambil tindakan ataupun dihapuskan *clause* yang meningkat seperti ini?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Pengerusi, memang bila tiap-tiap pinjaman yang terlibat ada perjanjian dan memang penjamin-penjamin faham dan tahu bahawa dia bertanggungjawab untuk membayar pinjaman kalau peminjam tidak membayar, itu dia sudah tahu dan dia faham dan dia bersetuju untuk menjadi penjamin bermaknanya dia bertanggungjawab. Walau bagaimanapun, setakat ini *clause* ini masih dikekalkan dan belum ada lagi cadangan untuk mengeluarkan *clause* itu daripada perjanjian pinjaman. Tetapi walau macam mana pun seperti yang saya sebut tadi, bank akan berikhtiar supaya memastikan peminjam membayar dahulu kalau habis ikhtiarnya maka barulah dia pergi kepada penjamin.

Tuan Pengerusi, Bank Negara juga telah mengeluarkan satu garis panduan dalam tahun 2001. Di bawah garis panduan tersebut, bagi pinjaman peribadi berjumlah sehingga RM250,000, institusi perbankan dikehendaki menggunakan usaha terbaik untuk mengutip semula hutang mereka daripada peminjam dan hanya boleh mengeluarkan tindakan undang-undang terhadap penjamin selepas satu tahun dari tarikh undang-undang dimulakan ke atas peminjam.

Tuan Pengerusi, mengenai lelongan cagaran, lelongan cagaran harta tanah adalah tertakluk kepada Kanun Tanah Negara. Di bawah Kanun Tanah Negara, harga yang ditetapkan bagi lelongan pertama adalah harga pasaran yang ditetapkan oleh pelelong ataupun *auctioneer* yang dilantik oleh mahkamah. Sekiranya lelongan pertama tidak berjaya, diskaun sebanyak 70% ke atas harga lelongan pertama dikenakan. Secara amnya, lelongan adalah langkah terakhir yang diambil oleh institusi perbankan dan nilai pemulihan (*recovery rate*) adalah lebih tinggi sekiranya institusi perbankan menjadualkan semula pinjaman tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada Syarikat IWK, ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan, Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, sekarang peringkat Jawatankuasa...

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: ...Tuan Yang di-Pertua jadi Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Oh, Tuan Pengerusi. Ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada Syarikat IWK. Jumlah pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada IWK setakat ini adalah sebanyak RM975 juta untuk membangunkan infrastruktur pementasan di seluruh negara. Pinjaman ini diberi dalam dua perjanjian seperti berikut.

Pinjaman pertama pada tahun 1995, amaun sebanyak RM475 juta, kadar faedah 6% setahun dan tempoh pinjaman 28 tahun. Pinjaman ini telah pun dikeluarkan sepenuhnya.

Bagi pinjaman kedua, bertarikh pada bulan Disember 2007, amaun sebanyak RM450 juta dan faedah 8% setahun dan tempoh pinjaman 22 tahun 6 bulan. Dan pinjaman kedua ini masih mempunyai baki pinjaman yang belum dikeluarkan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur...

Tuan M. Kula Segaran: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat bangun, Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat bangun.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat ya.

Tuan M. Kula Segaran: Terima kasih Tuan Pengerusi. Mengenai pinjaman yang telah diberi kepada Indah Water, apakah *primary aim*, dengan izin, untuk memberi bantuan tersebut dan adakah faktor-faktor semasa pemberian pinjaman tersebut telah dicapai. Pada masa sekarang adakah kerajaan telah mengarahkan Indah Water supaya tidak mengutip apa-apa wang taksiran yang telah melampau yang telah lebih daripada tiga empat tahun? Apakah pendirian kerajaan mengenai perkara itu?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Pengerusi, saya sudah sebut tadi bahawa pinjaman itu diberi untuk membina infrastruktur IWK yang setakat ini kalau saya lihat di negeri-negeri memang keadaannya cukup daif dan perlu pembinaan segera. Kalau tidak, ia boleh mencemarkan alam sekitar.

Tuan Pengerusi, tentang hutang, hutang kena dibayarliah. Jadi, setakat ini tidak ada cadangan daripada pihak IWK untuk menghapuskan hutang-hutang yang lapuk. Maknanya perlu dibayarliah.

Tuan Pengerusi...

Tuan M. Kula Segaran: Dengan izin, mengenai tunggakan-tunggakan yang saya tanya itu, apa yang terjadi sama ada tunggakan daripada pemilik-pemilik rumah kepada Indah Water yang mengambil alih dari beberapa municipal dan city council, dengan izin. Apa terjadi kepada tunggakan tersebut? Adakah kerajaan akan membiarkan ia sedemikian atau memberi pertolongan yang sewajarnya?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tunggakan seperti yang saya sebutkan tadi, tindakan perlu dibuat dan memang pihak IWK sedang mengambil tindakan kepada mereka yang memilih untuk tidak membayar tunggakan, kena buat. Kalau tidak kutip, syarikat ini syarikat kerajaan, maka ia akan terus mengalami defisit.

Tuan Pengerusi, jawapan kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timur tentang Projek Bakun tidak mempunyai perancangan yang teratur dan dibuat secara *ad hoc* di mana kerajaan telah membuat kajian yang mendalam untuk menghentikan Projek Bakun daripada kerajaan meneruskannya, ia mungkin mengalami kerugian berbilion-bilion.

Tuan Pengerusi, kerajaan telah membuat perancangan ke atas Projek Bakun sebelum ia dilaksanakan. Kerajaan tidak bercadang untuk menghentikan Projek Bakun ini. Mengikut kontrak, projek ini akan disiapkan mengikut peringkat-peringkat mulai tahun 2008 hingga tahun 2010, Tuan Pengerusi.

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timur bangun, Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Bukankah target untuk menyiapkan Projek Bakun itu pada tahun 2007 dan tadi saya pun ada sebut satu komentar yang mana saya mahu petik dan menyokong dan harap boleh dapat pertimbangan kementerian

yang berkenaan. Ini sangat tepat kerana melibatkan wang rakyat, dengan izin, “*A nightmarish situation faces the planners and doers. Quick action need to be taken to save precious public money. The first thing is to revisit Bakun and asked yet again whether this project is needed at this time. If it is not, it may be better to scrap it even if hundreds of million of ringgit are lost. There is never any cents in throwing good money after bad. As finance theory teaches us - forget sunk cost*”.

Kalau di satu pihak ialah mungkin kerugian beratus juta ringgit tetapi *on the other hand*, mungkin kerugian berbilion-bilion ringgit. Adakah satu pertimbangan yang sedalam-dalamnya diadakan mengenai Projek Bakun ini?

Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Pengerusi, Projek Bakun Hidroelektrik adalah satu projek yang amat baik untuk rakyat, terutama sekali di Sabah dan Sarawak. Memang pada peringkat awal, ada rancangan untuk *transfer* melalui *submarine cable* kepada Semenanjung tetapi perkara in telah pun dibatalkan. Walaupun seperti yang kita semua tahu, projek-projek menjanakan elektrik, Tuan Pengerusi, kalau yang menggunakan gas, menggunakan *coal* atau menggunakan kaedah lain, kita perlu kos untuk menjanakan bekalan elektrik itu berterusan.

Tetapi dalam hal hidroelektrik ini, kita belanja sekali gus sahaja. Selepas itu kita dapat menjanakan bekalan elektrik berterusan tanpa kos kepada bahan bakar sama ada gas, minyak, diesel ataupun *coal*. Jadi, *long term* memang menguntungkan. Tetapi di peringkat awal memang kosnya memang begitu. Bagi Projek Hidroelektrik memang kos permulaannya memang tinggi, Tuan Pengerusi. Maknanya *long term* tidak rugi untuk kerajaan membelanjakan sebegitu banyak untuk projek ini.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Sepanggar mencadangkan supaya Kastam Diraja Malaysia menambah pegawai-pegawai penguat kuasa dengan menggunakan peralatan yang canggih.

Tuan Pengerusi, Kastam Diraja Malaysia (KDRM) sentiasa berusaha untuk melaksanakan tugasnya dengan berkesan. Walau bagaimanapun, KDRM mengakui jumlah pegawai yang ditugaskan untuk mencegah aktiviti penyeludupan dan penyelewengan adalah agak tidak seimbang dibandingkan dengan beban tugas yang dipertanggungjawabkan.

Anggota Bahagian Pencegahan KDRM sentiasa bersedia dan komited di dalam menjalankan tugas. Menyedari masalah kekurangan anggota yang juga dialami oleh lain-lain agensi penguat kuasa, KDRM telah mengambil pendekatan proaktif dengan

tidak menjadikan alasan kekurangan anggota sebagai satu penghalang. Justeru itu, KDRM telah memperkenalkan dasar dan strategi baru Bahagian Pencegahan dengan matlamat untuk menjadikan perkhidmatan pencegahan KDRM diiktiraf berkualiti dan bertaraf dunia.

Antara fokus tindakan yang diambil ialah melancarkan program rondaan laut dan darat, pemeriksaan premis-premis, sekatan jalan raya secara bersepadu, membuat kawalan di kawasan penyeludupan darat dan laut yang dikenal pasti secara tersusun dan bersepadu, mendirikan pusat ataupun khemah penempatan KDRM di kawasan kritikal, menjalankan aktiviti-aktiviti perlu dan gerak-gempur bersepadu di kawasan penyeludupan, melumpuhkan *supply* dan *delivery system* barang-barang seludup dan melaksanakan aktiviti perang saraf dengan menggalakkan orang awam berkhidmat.

Bagi membantu pelaksanaan tugas yang disebut di atas dengan lebih berkesan, KDRM menyedari bahawa perlunya peralatan canggih dibekalkan sebagai *working tools* kepada anggota KDRM. Beberapa peralatan canggih telah dikenal pasti dan sebahagiannya telah pun diperolehi.

Tuan Pengerusi, ini ada lagi jawapan kepada Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Yang Berhormat bagi Rantau Panjang ingin mendapatkan penjelasan, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengurangkan risiko kehilangan barang dan wang awam kerajaan.

Tuan Pengerusi, kes-kes kehilangan wang awam, setem, barang-barang awam dan harta lain disebabkan oleh kecurian atau kecuai pegawai, kekurangan bayaran, terlebih pembayaran tanpa kuasa, hutang yang tidak boleh ditetapkan dan perbelanjaan yang sia-sia adalah diuruskan berdasarkan Arahan Perbendaharaan 314.

Perbendaharaan sebagai pihak berkuasa kewangan Persekutuan telah mengadakan beberapa langkah bagi mengelakkan perkara kehilangan berlaku. Antaranya ialah mengarahkan pegawai pengawal kementerian mempertingkatkan langkah-langkah kawalan dalaman melalui kursus pemeriksaan mengejut dengan lebih kerap sebagaimana yang ditetapkan di bawah Arahan Perbendaharaan 308 dan 309.

Di samping itu, pegawai pengawal adalah digesa supaya mengemukakan laporan ke atas semua bentuk kehilangan atau kerugian kerajaan yang berlaku dengan segera kepada Perbendaharaan. Pegawai pengawal juga diminta untuk memantau

urusan kewangan dan akaun melalui pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun di setiap kementerian dan jabatan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Pendang ingin mendapatkan maklumat, berapa ramaikah jutawan segera di Langkawi. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan soal selidik yang telah dijalankan dengan pihak yang berkaitan oleh Lembaga Pembangunan Langkawi, tiada maklumat yang terperinci bagi menjelaskan perkara ini. Tuan Pengerusi, memang susah hendak mendapat maklumat seperti ini.

Yang Berhormat bagi Pendang juga bertanya tentang perbankan Islam. Sistem yang disediakan oleh perbankan Islam agak menindas pengguna. Sepatutnya ia tidak menindas pengguna terutamanya bayaran yang lebih tinggi daripada pinjaman konvensional contohnya Pinjaman Murabahah.

Tuan Pengerusi, Pembiayaan Murabahah atau Pembiayaan Tambah Harga yang disediakan oleh institusi perbankan Islam merupakan satu pembiayaan tetap di mana amaun bayaran balik bulanan adalah sama setiap bulan yang ditetapkan pada masa kontrak ataupun akad dimeterai antara pihak bank dan penerima biaya ataupun pelanggan. Pihak bank telah mengenakan hanya satu kadar keuntungan yang digunakan untuk mendapatkan harga jualan tetap yang harus dibayar oleh pelanggan secara bulanan. Ini dibandingkan dengan pinjaman konvensional jangka panjang yang mana kadar faedah pinjaman pada lazimnya berubah-ubah mengikut kadar pasaran. Oleh yang demikian, bayaran balik bulannya akan berubah-ubah mengikut kadar pasaran yang boleh naik atau turun tanpa dapat dijangka oleh pelanggan.

Dalam suasana dwi perbankan, pihak institusi perbankan Islam akan mengenakan kadar keuntungan yang tinggi sedikit daripada kadar faedah pasaran sebagai langkah pengurusan risikonya pada ketika kontrak Pembiayaan Murabahah dibuat. Ini bagi menampung kebarangkalian atau *probability* kenaikan kadar faedah pasaran yang terlebih tinggi berbanding dengan kadar keuntungan tetap yang tidak boleh diubah. Sekiranya ia berlaku, pihak perbankan Islam dapat menggunakan keuntungan yang lebih tinggi pada awalnya yang diperolehi sebelum kadar faedah naik untuk menampung kerugian yang dialami selepas kadar pasaran melonjak tinggi.

Institusi perbankan Islam mengalami kerugian berbanding bank konvensional kerana bank konvensional dapat menaikkan kadar faedah pinjamannya dalam suasana ini dan mampu untuk memberi kadar deposit yang lebih tinggi. Oleh itu sememangnya

kelihatan bayaran balik Murabahah adalah tinggi sedikit daripada yang dibayar di bawah pinjaman konvensional, lazimnya pada tempoh awal pembiayaan tersebut.

Tuan Pengerusi, walau bagaimanapun pelanggan pembiayaan secara Islam dapat menikmati bayaran balik yang sama setiap bulan yang ditetapkan sehingga tamat kontrak tanpa menghiraukan berlakunya peningkatan pada kadar faedah pasaran. Sekiranya kadar pasaran naik, pihak pelanggan akan masih membayar amaun bayaran balik bulan yang sama manakala bagi peminjam konvensional, dia terpaksa menanggung bayaran balik yang tinggi.

Oleh kerana....

Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi saya ada dengar, tarif 2010, *reverse* sedikit. Oleh kerana perjanjian yang diberi kontrak untuk RM1.7 bilion atau RM1.8 bilion untuk menghabiskan pembinaan Bakun kepada konsortium satu syarikat Cina dan anak syarikat Malaysia yang diketuai oleh Sime Darby yang diberi pada tahun 2002 ialah habiskan pada Ogos 2007. Sekarang ada terdengar mengenai satu tarikh yang baru iaitu 2010, adakah ini bererti bahawa *extension* sudah diberi lebih daripada 30 bulan untuk syarikat ini dan apa sebabnya *extension* ini diberi? Adakah *penalty clause* akan dikenakan kepada konsortium ini? Bukankah ini bererti bahawa laporan yang saya sebutkan tadi mengenai *Chief Technical Advisor* kepada Sarawak Hidro mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh konsortium ini dalam pembinaan Bakun semuanya tepat? Sebenarnya ramalan beliau adalah tidak *predictable* sama ada projek Bakun ini boleh atau tidak boleh menghabiskan?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Pengerusi, kerajaan telah mengawal pembangunan projek ini dan kerajaan yakin bahawa projek ini akan disiapkan mengikut jadual yang baru, yang telah pun saya sebutkan tadi. Tentang perkara-perkara *detail* yang telah diminta oleh Yang Berhormat tadi, saya tidak ada maklumat sekarang ini. Seperti yang saya sebutkan pada awal tadi, saya akan bagi maklumat secara lebih mendalam lagi melalui jawapan bertulis.

Tuan Pengerusi, saya sambung lagi tadi. Daripada pemerhatian Bank Negara Malaysia terdapat ramai juga warga bukan Islam terutama yang berbangsa Cina, yang mengambi kesempatan untuk menikmati pembiayaan ini kerana kelebihan jangka

masa panjang yang ada pada produk pembiayaan berkenaan. Kelebihan yang lain, yang terdapat pada produk-produk ini termasuklah kos lewat bayar yang dikenakan oleh pihak institusi perbankan Islam yang tidak boleh dikompaunkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, boleh Yang Berhormat habiskan dalam masa dua minit?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya boleh, saya pendek-pendekkan. Satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timur mengenai akauntabiliti dan ketelusan dalam KWSP.

Tuan Pengerusi, semua pelaburan yang dilaksanakan oleh KWSP adalah berdasarkan peruntukan pelaburan yang telah ditetapkan dalam Seksyen 26A Akta KWSP 1991 (Pindaan) 1995 dan Akta Amanah 1949. Di bawah peruntukan ini, KWSP hanya boleh melabur dalam instrumen-instrumen pelaburan yang dibenarkan seperti sekuriti Kerajaan Malaysia, pinjaman dan bon, ekuiti, pasaran wang dan juga hartanah. Sementara lokasi aset pula dilakukan oleh perunding dan diluluskan oleh Panel Pelaburan KWSP, Lembaga KWSP dan Kementerian Kewangan.

Aktiviti-aktiviti pelaburan KWSP dibuat berasaskan garis panduan terperinci yang telah diluluskan oleh Panel Pelaburan dan Kementerian Kewangan. Setiap cadangan pelaburan akan dihalusi dan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Pelaburan di peringkat pengurusan sebelum dimajukan kepada Panel Pelaburan untuk kelulusan. Terdapat juga beberapa pelaburan tertentu yang perlu mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan. Bagi menjamin ketelusan dalam membuat keputusan pelaburan, mana-mana ahli Panel Pelaburan yang mempunyai kepentingan dalam satu pelaburan tidak akan mengambil bahagian dalam membuat keputusan berkaitan dengan pelaburan tersebut.

Tuan Pengerusi, akaun KWSP diaudit oleh Ketua Audit Negara dan dibentangkan di Parlimen setiap tahun. Laporan mengenai pelaburan juga dikemukakan kepada Lembaga KWSP untuk perhatian dan makluman. Lokasi aset dan pelaburan yang dibuat juga dimaklumkan kepada ahli KWSP melalui akhbar dan media elektronik dari masa ke semasa.

Tuan Pengerusi.....

Cik Fong Po Kuan: Saya pohon penjelasan isu berkenaan dengan pengiraan duti....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Ini saya telah bangkitkan, kalau tidak silap, saya tidak dengar ya, pengiraan duti rokok eksais dan import...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukup.

Cik Fong Po Kuan: ...secara batang, berapa panjang? Apakah akan digazetkan oleh kementeriannya? Saya.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat, cukuplah.

Seorang Ahli: Tidak jawab!

Cik Fong Po Kuan: Tugas saya adalah bangkitkan perkara yang diminta oleh mereka yang menghadapi masalah ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat boleh kemukakan....

Cik Fong Po Kuan: Kalau macam itu, Dewan tidak payah bersidanglah. Kita hantar jawapan bertulis sahaja. Jangan tergesa-gesa hendak balik, kita boleh lanjutkan. Tuan Pengerusi ada hak untuk lanjutkan 15 minit lagi [*Dewan gamat seketika*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yalah, saya faham.

Cik Fong Po Kuan: Saya pohon, ini berkenaan dengan bajet.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat ada hendak respons?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Saya minta cadangan sekali lagi.

Seorang Ahli: Rokok! Rokok!

Cik Fong Po Kuan: Berkenaan kod tarif 2402.10,000, 2402.20.900, ada baca tidak bajet ini, saya hendak tanya dahulu. Kod tarif pengiraan duti eksais dan duti import ya...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Cik Fong Po Kuan: ...kepada kod 2402.20.900 secara batang dan bukannya secara kilogram lagi. Ini menimbulkan kekeliruan mereka di luar. Mereka kata, apakah kementerian akan gazet sebab setahu mereka, dimaklumkan Akta Kastam itu tidak memperuntukkan Ketua Pengarah untuk menggazetkan berapa panjang ini? Hanya

tanggungjawab Ketua Pengarah untuk mengenal pasti apa yang patut dikenakan cukai sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Cik Fong Po Kuan: Dan juga mereka minta saya bangkitkan, tidak ada sebuah negara di Asia ini yang mengenakan duti ke atas rokok secara pengiraan batang demi batang. Ada dengar?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Jangan tergesa-gesa hendak baliklah, kita semua sudah dapat elaun hari ini. *[Disorak] [Tepuk]*

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Pengerusi, saya ingat saya sudah menjawab soalan dari Yang Berhormat bagi Sri Gading dahulu tentang cukai ini. Saya ingat saya tidak perlu jawab lagi hari ini, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak payah. Yang Berhormat, masalahnya ialah...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ini Tuan Pengerusi, nanti Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Satu lagi, saya hanya hendak menarik perhatian Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Seputeh, sudahlah Seputeh!

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Pengerusi, tadi saya ada bangkitkan tentang hal KWSP tetapi kalau Tuan Pengerusi semak buku ini, tidak ada butiran untuk KWSP dan ia dijawab oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah, nanti.....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Mungkin Yang Berhormat perlu meneliti isi kandungan buku ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,788,714,700 untuk Maksud B.10; RM9,806,603,600 untuk Maksud B.11; dan RM2,469,000,300 untuk Maksud B.12 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,788,714,700 untuk Maksud B.10; RM9,806,603,600 untuk Maksud B.11 dan RM2,469,000,300 untuk Maksud B.12 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM638,369,500 untuk Maksud P.10; dan RM1,000,000,000 untuk Maksud P.70 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2005 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM638,369,500 untuk Maksud P.10; dan RM1,000,000,000 untuk Maksud P.70 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2005.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dewan bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi besok. Dewan ditangguhkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.33 petang.